

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 30

Khamis

10 Julai 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan	(Halaman 36)
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 126)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Menyelamatkan Projek Mega Terbangkalai – <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 126)
Projek Perumahan Terbangkalai Taman Pinggir Rishah Hijau Jalan Ipoh, Lumut Perak – <i>Y.B. Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)</i>	(Halaman 129)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 10 Julai 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) tahap persediaan kontinjen negara kita untuk acara Sukan Olimpik Beijing 2008 dan apakah antara cabaran-cabaran utama dalam usaha ini; dan
- (b) apakah kategori sukan dan sasaran pingat kementerian ke atas atlet-atlet yang bakal mengambil bahagian di Beijing nanti.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Ismail Sabri bin Yaakob]: Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Muar, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kini kita telah pun memasuki fasa terakhir latihan dan pendedahan secara intensif mengikut pelan periodisasi jurulatih masing-masing untuk memastikan semua atlet kita berada di tahap yang terbaik. Pada masa ini atlet-atlet kita sedang mengadakan latihan terakhir di luar negara misalnya.

Sembilan jenis sukan yang akan kita sertai iaitu terjun, angkat berat, memanah, olah raga, tekwando dan pelayaran. Atlet kita sedang berlatih di negara China, di Korea Selatan dan ada juga yang sedang berlatih di negara-negara Eropah seperti berbasikal dan sebagainya.

Sebenarnya persediaan latihan telah pun bermula sejak pada bulan Januari 2008 lagi yang melibatkan pertandingan-pertandingan di luar negara, latihan di luar negara dan juga pendedahan-pendedahan melalui pertandingan di dalam negara. Pihak Majlis Sukan Negara menyediakan bantuan-bantuan, perkhidmatan sokongan dan juga melalui Institut Sukan Negara yang kita menyediakan latihan untuk ketahanan mental dan sebagainya. Jadi buat masa ini kita sudah pun berada di fasa terakhir dan kita mempunyai keyakinan bahawa latihan terakhir ini mampu untuk membawa kecemerlangan kepada atlet kita.

Beberapa cabaran yang besar yang kita hadapi ialah dari segi masalah kecederaan. Ini satu perkara yang kadang-kadang tidak dapat dielakkan. Kecederaan mungkin boleh berlaku semasa dalam latihan. Misalnya, baru-baru ini pemain badminton kita iaitu Koo Kien Keat telah

pun mengalami kecederaan di tangan beliau dan ini merupakan satu perkara yang boleh menjejaskan prestasi. Walau bagaimanapun, keadaan beliau telah pun beransur pulih.

Cabaran yang kedua yang kita nampak ialah dari segi ketahanan mental. Selalunya atlet-atlet kita mempunyai skil yang baik jika dibandingkan dengan negara-negara lain, tidak ada kurangnya atlet kita dari segi skil dan sebagainya tetapi biasanya apabila mereka ada di luar negara untuk bertanding dengan atlet negara luar, biasanya mereka akan menghadapi masalah ketahanan mental tadi dan ini juga menyebabkan prestasi mereka menurun. Jadi ini dua cabaran yang besar yang sedang kita atasi.

Menjawab soalan kedua mengenai kategori sukan dan sasaran pingat, saya ingin maklumkan bahawa seramai 33 atlet dalam 10 kategori sukan akan bertanding di Olimpik nanti dan kategori sukan tersebut ialah renang, terjun, olahraga, memanah, menembak, tekwando, pelayaran, berbasikal, badminton dan angkat berat.

Sasaran pingat kita ialah apa sahaja jenis warna pingat. Kita tidak mensasarkan emas, perak atau gangsa. Apa sahaja warna pun, kita anggap sebagai kejayaan sebab sehingga ke hari ini kita hanya mendapat dua jenis pingat iaitu pingat gangsa dan pingat perak. Itu pun kita perolehi daripada kejohanan tahun 1992 iaitu yang diperolehi melalui Razif dan Jailani iaitu gangsa dan pada tahun 1996 juga diperolehi oleh Rashid Sidek - gangsa dan juga Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock dalam acara badminton dan mendapat perak. Selepas itu kita tidak mendapat sebarang pingat pun.

Antara sukan yang kita harapkan untuk mendapatkan pingat pada kali ini ialah juga badminton kerana berdasarkan atas kertas dari *ranking*, misalnya Lee Chong Wei, perseorangan kita ada di dalam *ranking* kedua dunia. Jadi atas kertasnya kita boleh katakan dia mampu untuk memperolehi pingat perak sebenarnya. Koo Kien Keat dan Tan Boon Heong di dalam *ranking* kelima dunia dan Chong Tan Fook dan Lee Wan Wah berada di dalam *ranking* keempat dunia.

■1010

Manakala memanah juga kita cuba menyasarkan pingat bagi memanah. Walaupun sekarang berada di *ranking* nombor tujuh dunia. Akan tetapi, dalam dua kejohanan yang mereka ambil di luar negara baru-baru ini, misalnya minggu lepas, *World Cup*, Kejohanan di Boe Perancis iaitu kejohanan dunia, pemanah kita mendapat tempat kedua dunia. Walaupun *rankings*nya tujuh, tetapi dalam kejohanan yang terbaru, mendapat tempat kedua.

Begitu juga di Terbuka Turki, merupakan kejohanan dunia juga, dia juga mendapat tempat kedua. Jadi kalau prestasi ini dikekalkan, walaupun *ranking* nombor tujuh dunia, tapi, mungkin kita akan mendapat pingat. Begitu juga dengan berbasikal, Azizul Hasni misalnya, walaupun tidak berada dalam *ranking* yang tinggi, tetapi, dalam kejohanan dunia, yang dilangsungkan di Jerman baru-baru ini mendapat tempat keempat dunia. Jadi, itulah tiga jenis sukan yang kita harapkan untuk memberikan pingat kepada negara kita tanpa mengira warna.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Muar.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang sangat panjang. Saya percaya sukan merupakan satu elemen bukan sahaja pertandingan, tetapi merupakan satu perkara yang boleh membawa perpaduan di kalangan rakyat, merentasi agama, bangsa dan parti politik, kita akan menyokong setiap atlet kita atas nama negara kita, Malaysia.

Saya hendak tanya, kerajaan baru-baru ini mengumumkan insentif RM1 juta kepada mana-mana atlet yang dapat membawa pulang pingat emas. Bagaimana kerajaan dapat memastikan atlet kita pergi bertanding dalam tempoh masa sebulan daripada sekarang untuk mendapatkan maruah kebanggaan negara dan bukan RM1 juta. Terima kasih.

Dato' Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa kita tidak perlu sanksi kepada semangat yang ada pada atlet kita untuk bertanding di luar negara. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh melihat bahawa RM1 juta itu adalah untuk membeli atlet kita. Sebenarnya, kalau kita lihat selama ini, atlet kita tidak - saya tidak kata "tidak", tetapi ramai yang mengatakan kebajikan kepada atlet kita kurang dititikberatkan. Kita pernah dengar di dalam berita dahulu, atlet yang paling kuat semangatnya, berjuang untuk negara, misalnya, Allahyarham Mokhtar Dahari. Beliau cuma mampu memiliki sebuah motosikal. Saya ingat apabila motosikalnya hilang dicuri, kita mengeluarkan berita di dalam surat khabar memohon mengutip derma untuk membelikan sebuah motosikal yang baru. Begitulah cara kita menghargai atlet-atlet kita satu ketika dahulu. Kita memerah keringat mereka untuk berjuang habis-habisan untuk negara tapi dalam masa yang sama, kebajikan mereka tidak dititikberatkan. Akhirnya, kita mengatakan bahawa kita tidak menitikberatkan kebajikan, kita hendak mereka menang.

Pada hari ini, kita melihat bahawa kebajikan itu penting. Walaupun kita kata kita beri RM1 juta, tetapi dari segi perpaduan, kita hanya boleh mewujudkan perpaduan dan sebagainya sesama kita, jikalau rakyat meminati sesuatu acara sukan tersebut. Misalnya, satu ketika dahulu, apabila semua negara terlibat di dalam bola, itu akhirnya mewujudkan perpaduan kerana kita hendak lihat pasukan kita menang, yang bermain juga mahu menang, yang melihat dan juga menonton mahu menang. Rakyat semua bersatu untuk memastikan pasukan kita menang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh ringkaskan Yang Berhormat?

Dato' Ismail Sabri bin Yaakob: Akan tetapi, kalau sesuatu acara itu tidak diminati oleh semua, jadi tidak akan wujud kumpulan yang ramai dan sebagainya untuk sama-sama memastikan pasukan kita menang, dan bermakna tidak akan ada perpaduan dan sebagainya. Jadi, saya kira di dalam soal perpaduan, nilai tidak boleh dibeli dengan RM1 juta ataupun RM2 juta. Ini adalah gambaran tentang bagaimana pihak kementerian mengiktiraf atlet-atlet kita. Suka saya maklumkan, akhirnya, kerana hendak ringkaskan, Thailand, Singapura dan banyak negara

lain telah lama memberikan ganjaran ini, Singapura, SD1 juta dan Thailand juga memberi ganjaran - ambil Bath, tetapi jumlahnya sama dengan RM1 juta.

Beberapa Ahli: *[Bangun][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lima belas minit Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Soalan tambahan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Baru satu soalan tambahan.

Seorang Ahli: Soalan tambahan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan kedua, ketiga, keempat pun penting, Yang Berhormat. Tak apalah, sudah 15 minit, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Tambahan, tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Tuan Haji Ahmad Kassim. Tak apa, kita tak salah dari segi peraturan, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan buang masa. Saya cuba mengejar masa.

Seorang Ahli: Perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak perlu buang masa. Kita tak salah dari segi peraturan Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Pualah orang Bera tengok ni, Depa tak reti peraturan.

Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pohon jawapan yang profesional daripada Menteri Penerangan.

2. Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah] minta Menteri Penerangan menyatakan adakah RTM akan memberikan peluang kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri dari negeri-negeri Pakatan Rakyat untuk diwawancara bagi menjelaskan dasar-dasar kerajaan di peringkat negeri masing-masing.

Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang profesional daripada Yang Berhormat Kuala Kedah. *[Tepuk]* Untuk pengetahuan Yang Berhormat, RTM sedia memberi ruang untuk mengundang semua pihak sekiranya ia ada nilai berita dan sesuai dengan waktunya termasuk pemimpin-pemimpin daripada parti pembangkang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]: Terima kasih, jawapan yang profesional, cukup baik. Saya mengharap jawapan ini menjadi satu dasar yang cukup penting kerana

dikeluarkan di Dewan Rakyat dan seharusnya. [*Tepuk*] Jawapan ini akan direalisasikan di dalam konteks pelaksanaan selepas ini.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]: Soalan saya ialah, kalau begitulah pendirian Yang Berhormat Menteri, bolehkah kita mendapat jawapan yang agak lebih tepat tentang perancangan ataupun apakah nama program, dan apakah tempoh masa, mungkin dalam tempoh yang terdekat ini supaya menteri-menteri besar dan juga ketua menteri daripada negeri-negeri Pakatan Rakyat diundang dalam program yang akan disiarkan secara langsung, supaya dapat berkomunikasi dengan rakyat dan oleh sebab akan berlaku debat pada 15 Julai ini, Yang Berhormat Menteri dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Adakah itu juga akan disiarkan secara langsung oleh pihak RTM? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, sila Yang Berhormat.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Dua perkara yang disebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Yang Pertama, tentang bila untuk dia undang dan sebagainya. Sebenarnya ia tidak timbul kerana baru-baru ini, dalam isu berkaitan dengan minyak, misalnya Yang Berhormat daripada Kubang Kerian dijemput untuk berdebat dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Bukan sahaja beliau dijemput, malah wartawan yang dijemput untuk bertanya ialah daripada Harakah. Akan tetapi, satu jam sebelum itu, Harakah tak datang, wakil pun tak dihantar. [*Dewan riuh*]

Jadi, dalam soal ini, yang tak profesionalnya ialah Harakah, bukan RTM. Tentang debat 15 hari bulan itu dianjurkan oleh akhbar portal, Agenda Daily, bukan dianjurkan oleh RTM. Saya sendiri sebagai Menteri Penerangan tidak pernah di *interview* secara *live* oleh RTM, ertinya, saya serahkan pada RTM, apakah yang difikirkan sesuai, apakah yang difikirkan dari segi nilai beritanya, apakah yang difikirkan orang yang berkenaan patut dipanggil ataupun tidak. Saya sendiri sehingga sekarang tidak pernah di *interview* secara *live* oleh RTM. Jadi, tentang bilakah mereka yang berkenaan akan dipanggil, saya serahkan kepada RTM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Lilah Yassin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana kuasa seorang Menteri Penerangan terhadap syarikat-syarikat swasta, TV-TV swasta, kerana saya dapat melihat, liputan yang diberikan kepada menteri-menteri besar dan juga ketua menteri Kerajaan Barisan Nasional, terutama sekali TV3 dan juga TV swasta sangat berkurangan dalam berita jam 8 malam.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, perlu difahamkan bahawa stesen TV swasta, Astro, TV3 dan sebagainya bukanlah berada di bawah kawalan Kementerian Penerangan.

■1020

Saya percaya dalam konsep negara kita yang mengamalkan kebebasan dalam bermedia kita serahkan kepada kebijaksanaan stesen yang berkenaan dalam menentukan siapa dan apakah yang perlu disiarkan dalam rancangan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Datuk Bung Mokhtar bin Radin.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan saya nombor...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ikut peraturan mesyuarat, Yang Berhormat. Kita ada arahan untuk menangguhkan peraturan mesyuarat ketika sesi soal jawab. Kalau ia tidak berkaitan dan tidak memudaratkan mesyuarat...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini berkaitan dengan Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tunggu. Kalau ia tidak memudaratkan mesyuarat saya minta Yang Berhormat buat peraturan mesyuarat selepas sesi soal jawab. Saya jemput Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan ganggu. Itu soalan bodoh namanya.

3. Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan tentang peruntukan sedia ada dan secukupnya bagi tujuan pembekalan elektrik luar bandar khususnya di daerah Kinabatangan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan di atas soalan yang dikemukakan. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, kerajaan memang bersungguh-sungguh hendak menyelesaikan atau membekalkan elektrik kepada kawasan-kawasan luar bandar tetapi memang kita menghadapi pelbagai kekangan terutama sekali mengenai kewangan.

Bagi negeri Sabah, terutama sekali kawasan Parlimen Kinabatangan, kita mengakui belum selesai lagi masalah pembekalan elektrik luar bandar ini. Bagi tahun 2008/2009 kementerian sedang melaksanakan 91 projek talian grid bagi seluruh negeri Sabah. Projek tersebut dijangka akan memberi manfaat kepada 3,185 buah rumah dan melibatkan peruntukan berjumlah RM150 juta. Bagi kawasan Parlimen Kinabatangan dalam tahun 2008/2009 kementerian sedang melaksanakan satu projek bekalan elektrik luar bandar yang melibatkan peruntukan berjumlah RM4.39 juta dan projek tersebut dijangka akan memberi manfaat kepada 107 buah rumah.

Mengenai maklumat yang diperlukan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan berapakah peruntukan yang perlu untuk memberi bekalan elektrik yang sepenuhnya - 100%

kepada kawasan Parlimen Kinabatangan, Yang Berhormat akan dapat maklumat ini selepas 15 hari bulan ini kerana ia sudah dijanjikan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah bahawa maklumat ini akan sampai selepas 15 Ogos ini. Bagi keseluruhan negeri Sabah sebanyak RM1.23 bilion diperlukan bagi mencapai liputan 100% bekalan elektrik di negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak memerlukan jawapan profesional. Saya cuma mahu jawapan yang padat, tepat, mendalam dan menyelesaikan masalah rakyat. Persoalan yang saya kemukakan itu memang benar tidak dapat dinafikan bahawa kementerian begitu konsisten untuk memberi perkhidmatan elektrik luar bandar kepada masyarakat di luar bandar. Walau bagaimanapun, peruntukan sebanyak RM4 juta itu cuma menampung sebuah kampung sedangkan berpuluh-puluh lagi kampung belum ada peruntukan yang diberikan. Jadi, adakah jaminan bahawa kampung-kampung yang masih gelap ini pun akan mendapat peruntukan di masa akan datang sejajar dengan wawasan negara untuk memberi pembangunan seimbang dan merapatkan jurang perbezaan bandar dan luar bandar. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Kinabatangan. Seperti mana juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sedar dasar ataupun matlamat kita ialah memberi bekalan elektrik luar bandar ke mana-mana tempat di seluruh negara ini termasuk Sabah dan Sarawak selewat-lewatnya pada 2016. Itulah komitmen yang dapat kita beri dan itu juga termasuk wawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Sekian, Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini soalan mengenai Sabah, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang diberikan tentu tidak memuaskan sama sekali kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata untuk membekalkan kemudahan lampu di luar bandar di Sabah sebanyak RM1.5 bilion. Saya fikir, kalau kita, Kerajaan Persekutuan bersungguh-sungguh untuk membantu Sabah dan Sarawak peruntukan RM1.5 bilion ini 'chicken feed' kata orang putih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalannya, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Soalan saya, kita sudah merdeka 50 tahun, takkan *basic facilities* ini tidak boleh diberi. Jadi, kita minta apa juga alasan kita tidak mahu terima. RM1.5 bilion ini harus diberi untuk selesaikan masalah di Sabah. [Dewan riuh] Bolehkah

diberi jaminan oleh kementerian bahawa kita tidak mahu tunggu tahun 2016, kalau boleh kita mahu tahun 2009 sudah selesai. *[Tepuk]*

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Kalabakan sedar kementerian ini bukan pencetak wang. *[Disorak]* Jadi, kita...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, kalau jambatan Pulau Pinang, tiga, empat bilion boleh bagi apalah bagi kemudahan Sabah dan Sarawak.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini pasal Yang Berhormat Kinabatangan tidak hendak jawapan profesionallah yang dapat jawapan macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tadi saya sudah katakan satu daripada kekangan yang kita hadapi ialah peruntukan. Kita memang telah kemukakan beberapa bilion untuk pembekalan elektrik luar bandar ini tetapi kita juga tertakluk kepada kelulusan MOF dan kita belanjakan apa yang diluluskan oleh MOF. Macam mana kita hendak dapat peruntukan yang lain. Jadi, tugas...

Beberapa Ahli: Minta. Minta.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Kita minta. Kita telah minta.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Timbalan menteri minta.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jawapan ini bukan profesional, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kementerian buat cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk, Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Kita telah minta. Kita telah buat cadangan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kita bukan cetak wang tetapi kita ada wang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kalabakan, sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, terpulang kepada MOF ataupun kerajaan yang melihat secara holistik. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]: Kementerian buat cadangan, bukan terpulang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita dalam Parlimen, kita boleh desak MOF.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, habiskan jawapan, Yang Berhormat.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Yang Berhormat, saya sudah katakan...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Adakah Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduk.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Saya sudah katakan bahawa kita telah kemukakan permintaan peruntukan tambahan. Sudah, dan kita akan terus...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Itu kemudahan asas kepada rakyat.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Kita akan terus memohon. [*Dewan riuh*]

Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]: Kalau tidak prihatin tukar kerajaan sahaja. Tukar saja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat pihak pembangkang usah campur tangan, biar kerajaan selesaikan.

Tuan Mohd. Firdaus Ja'afar [Jerai]: Tambah lagi RM5 bilion. Tambah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Betul tu - salah Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, tidak boleh buat macam itu, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Saya pun setuju kita tukar kerajaan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Apa ini, Yang Berhormat Padang Serai!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Banyak tumpang tui. [*Ketawa*]

4. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) tindakan kerajaan terhadap tempoh pengiktirafan pekerja untuk menubuhkan kesatuan; dan
- (b) berapa banyak permohonan untuk menubuhkan kesatuan sekerja yang masih belum diproses sehingga 31 Mei 2008.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia menyedari tentang tempoh tuntutan pengiktirafan Kesatuan Sekerja yang dibangkitkan dan telah mengambil tindakan dengan meminda Akta Perhubungan Perusahaan bagi mempercepatkan proses tuntutan pengiktirafan pada keseluruhannya. Pindaan kepada akta yang telah berkuat kuasa pada 28 Februari tahun ini telah memudahkan proses tuntutan pengiktirafan kesatuan sekerja.

Setelah mengemukakan tuntutan pengiktirafan oleh kesatuan sekerja, pihak majikan adalah dikehendaki memberi keputusan terhadap pengiktirafan yang dipohon dalam tempoh 21 hari.

Sekiranya majikan enggan atau gagal membuat keputusan dalam tempoh tersebut, pihak kesatuan sekerja hanya perlu memaklumkan kepada pihak kementerian untuk tindakan selanjutnya dan di peringkat kementerian proses untuk menentukan kelayakan kesatuan untuk mewakili pekerja-pekerja tersebut dan menentukan peratusan keahlian akan ditentukan.

■1030

Apabila kesatuan telah mempunyai kelayakan dan majoriti keahlian, keputusan akan dibuat untuk mengarahkan majikan mengiktiraf kesatuan sekerja. Tempoh untuk menyelesaikan proses pengiktirafan ini dijangka mengambil masa lapan bulan berbanding dua tahun sebelum pindaan yang telah dibuat pada Akta Perhubungan Perusahaan. Proses ini telah pun dipersetujui oleh rakan sosial kita iaitu majikan dan pihak kesatuan sekerja.

Untuk jawab bahagian (b), jumlah permohonan pendaftaran baru yang masih tertangguh sehingga 31 Mei 2008 adalah 26 kes dan proses pendaftaran memerlukan semakan rapi peraturan kesatuan sekerja dan kebanyakan permohonan didapati tidak lengkap dan pembetulan yang diharap daripada penaja kadang-kadang mengambil masa yang lama untuk diberi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian berhasrat untuk tidak membenarkan pekerja asing diambil bahagian dalam proses pengiktirafan melalui *secret ballot* atau *verification*, dengan izin yang diperuntukkan bawah Akta Kesatuan 1959. Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Di bawah Akta yang kita ada pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing layak menjadi ahli di dalam kesatuan sekerja, cuma apa yang dihadkan adalah mereka tidak layak untuk menjadi jawatankuasa di dalam kesatuan sekerja ini. Oleh itu, di dalam hal ini kita tidak mempunyai hasrat untuk memastikan bahawa mereka boleh menentukan pengiktirafan atau tidak. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hubungan yang baik di antara pekerja, majikan dan juga kerajaan adalah penting bagi pembangunan negara. Dalam hal ini saya merujuk kepada kes baru-baru ini di mana kerajaan telah berjaya menyelesaikan masalah di antara *National Union of Banking Employees* bersama dengan *Malaysia Commercial Bank Association* yang mana akhirnya kenaikan gaji sebanyak 17 peratus telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak akibat daripada campur tangan yang positif daripada Kerajaan Barisan Nasional.

Soalan saya adalah, bolehkah Yang Berhormat Menteri susulan soalan mengenai kesatuan sekerja ini, memberikan statistik jumlah kes dalam rundingan antara pekerja dan majikan yang telah dirujuk kepada kementerian ataupun kerajaan dan apakah status kes-kes mereka sekarang dan berapa banyak yang sudah diselesaikan dan berapa banyak yang masih lagi dalam proses perundingan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak kes yang dirujuk oleh pekerja, kesatuan sekerja kepada kementerian daripada pelbagai jenis kategori. So, untuk

memberi satu jawapan keseluruhan kepada tiap-tiap satu kategori itu ialah perkara yang payah pada masa sekarang tetapi kalau ada apa yang dimaksudkan ialah kes-kes yang telah dirujuk kepada kementerian untuk tindakan dibawa ke Mahkamah Perusahaan, maka kita ada lebih kurang 4,000 ribu kes yang ada bawah Mahkamah Perusahaan masa ini. Pada tiap-tiap tahun lebih kurang 2,350 kes dirujuk oleh pihak pekerja untuk tindakan diambil oleh Mahkamah Perusahaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jumpat Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique.

5. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) terdapat ramai pengusaha burung walit yang menjalankan perusahaan ini di premis-premis bangunan rumah kedai dan kawasan perumahan yang mengakibatkan masalah kacau ganggu; dan
- (b) apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah kacau ganggu, pencemaran bunyi dan kesihatan terhadap penghuni-penghuni yang berhampiran.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Chuan]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedia maklum bahawa terdapat ramai pengusaha burung walit yang menjalankan perusahaan di premis-premis bangunan rumah kedai dan kawasan perumahan. Oleh itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan permohonan lesen premis perusahaan sarang burung walit pada tahun 2005, bagi mengelakkan masalah kacau ganggu.

Garis panduan ini telah diedarkan kepada semua kerajaan negeri untuk diguna pakai dan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di dalam negara. Garis panduan ini menerangkan syarat-syarat dan peraturan penting yang perlu dipatuhi oleh setiap pengusaha premis burung walit. Antara syarat-syarat lesen adalah:

- (i) bangunan kedai berstatus komersial dan bukan tempat kediaman;
- (ii) kaedah pemasangan pembesar suara yang betul untuk mengurangkan kesan bunyi bising yang keterlaluan;
- (iii) kaedah penjagaan kebersihan bangunan berpunca dari masalah najis; dan
- (iv) kaedah kawalan kesihatan dan penyakit yang berpunca dari bau busuk dan pembiakan lalat, nyamuk atau serangga.

Pihak PBT adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk proses dan kelulusan pengeluaran lesen kepada pihak pengusaha sarang burung. Justeru itu, pihak PBT telah diminta memastikan semua pengusaha premis burung walit mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan berkenaan.

Selain daripada itu pemantauan penguatkuasaan berkala kepada setiap masa akan dibuat ke atas premis sarang burung walit. Penguatkuasaan yang konsisten oleh pihak PBT akan mengurangkan masalah kacau ganggu kepada penghuni berdekatan. Sekian.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu industri perusahaan burung walit ini memberikan pulangan yang lumayan dan kita pun dah tahu KPKT telah pun mengeluarkan garis panduan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, kerajaan di peringkat negeri telah pun membuat keputusan, kita tidak ada keluarkan lagi lesen-lesen kepada pengusaha burung walit ini dan rakyat tidak puas hati kerana takut, bimbang ia akan jadi punca penyakit. Saya hendak tahu adakah kementerian berbincang dengan Kementerian Kesihatan atau tidak untuk mengenal pasti punca-punca yang akan membawa penyakit? Satu.

Keduanya, adakah bersepadu antara pihak KPKT dengan kerajaan negeri bersama-sama dengan pihak pihak berkuasa tempatan untuk mengenal pasti dan tentukan tempat yang lebih strategik yang boleh di adakan perusahaan burung walit itu tapi bukan dalam kawasan bandar. Di mana bangunan-bangunan didirikan dengan keadaan yang sebegitu rupa menjadi gangguan kepada pemandangan pembangunan bandar dan menjadi gangguan kepada mereka yang berniaga di premis-premis perniagaan dan tambahan pula menjadi gangguan kepada rakyat yang duduk dalam kawasan perumahan apabila perusahaan itu dibangunkan di kawasan perumahan. Saya harap KPKT mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kajian yang dilakukan oleh Doktor Fadzilah A'ini Abdul Kadir, *Department of Veterinary Service*, dengan izin bahawa jenis burung walit ini yang berjenis *aerodermus species* adalah jenis yang tidak akan membawa penyakit. Ini ada kajian daripada Doktor Fadzilah. Yang kedua, memang ini adalah satu industri yang baru maka apabila garis panduan...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah baca kajian itu. Dalam kajian itu dia ada. Tidak ini adalah jawapan yang diberikan oleh menteri ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, menteri sedang menjawab Yang Berhormat.

Datuk Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bagi menteri menjawab dulu la!

Tuan M.Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau dia pandai dia jadi menteri la.

Dato' Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua kerana ini adalah satu industri yang baru dan garis panduan yang baru di keluar pada tahun 2005. Maka kita perlu ada masa penyesuaian dan sebagainya di antara kakitangan PBT. Walau bagaimanapun, kementerian ini telah mengadakan kursus berkala kepada pegawai-pegawai PBT yang terlibat dalam penguatkuasaan ini. Sebenarnya penguatkuasaan adalah masalah yang kita harus tangani

supaya masalah kacau ganggu ini tidak akan wujud kepada orang ramai. Itulah sebenarnya pentadbiran dan penguatkuasaan. Saya rasa ini adalah satu cabaran yang besar.

■1040

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya industri ini bukanlah industri baru. Mengikut kajian sudah 100 tahun bermula di Gua Niah, Sarawak.

Ada garis panduan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ada garis panduan dari Jabatan Haiwan, tetapi masalahnya kebanyakan pengusaha-pengusaha di bandar tidak ada lesen. Mereka mengadakan perusahaan ini di kedai-kedai dan mengundang banyak aduan daripada orang ramai, daripada penduduk-penduduk.

Akan tetapi pihak kerajaan tempatan seolah-olah tidak dapat mengambil tindakan. Pengusaha pula mengatakan bahawa pihak kerajaan tempatan enggan dan tidak mahu mengeluarkan lesen. Satu pertindihan di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan, soalan Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Jadi saya hendak minta, apakah tindakan daripada kementerian untuk menyelesaikan masalah ini? Satu pihak tidak mendapat lesen, di pihak yang lain mengatakan bahawa ini tidak payah harap dan pihak PBT tidak dapat mengambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Chuan: Tuan Yang di-Pertua, Sebenarnya kalau mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh kementerian ini, cuma kedai ataupun bangunan komersial yang dibenarkan memelihara sarang burung walit ini. Akan tetapi kawasan perumahan tidak dibenarkan sama sekali.

Walau bagaimanapun pihak kementerian akan meminta supaya semua PBT mengetatkan penguatkuasaan di mana kalau tidak ada lesen memang tidak boleh menjalankan aktiviti sedemikian. Tindakan yang ketat akan diambil terhadap mereka yang melanggar undang-undang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mendapat maklumat bahawa Yang Berhormat Marang tidak dapat hadir untuk mengemukakan soalan nombor 6 kerana berada di kawasan. Saya jemput Dato' Seri Tiong King Sing.

7. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah keseluruhan permit masuk yang telah diluluskan oleh pihak kementerian kepada individu mengikut kaum/bangsa semenjak 2004 hingga 2008 ini bagi suami dan juga isteri kepada warganegara; dan
- (b) apakah tindakan yang diperlukan oleh pihak kementerian bagi mempermudah permohonan ini dibuat melalui jabatan berkenaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat Bintulu kerana mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, permit masuk adalah berbentuk dokumen dan *endorsement* yang dikeluarkan di bawah seksyen 10, Akta Imigresen kepada orang-orang asing yang bukan bertaraf warganegara Malaysia untuk masuk dan menetap di negara ini.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, golongan suami kepada warganegara adalah termasuk dalam kategori yang mana kuasa mempertimbangkan permit masuk terletak di bawah menteri. Jumlah keseluruhan permit masuk yang diluluskan oleh kementerian pada kategori ini semenjak tahun 2004 sehingga Mei 2008 adalah sebanyak 1,130 orang, manakala golongan isteri kepada warganegara pula, mereka ini termasuk dalam kategori yang mana kuasa mempertimbangkan permit masuk terletak di bawah Ketua Pengarah Imigresen.

Jumlah permit masuk yang telah diluluskan dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada kategori ini semenjak 2004 sehingga Mei 2008 adalah 3,646. Kementerian tiada rekod pecahan jumlah mengikut kaum dan bangsa, hanya mengikut negara-negara sahaja, yang mana terdapat 44 buah negara setakat ini.

Berhubung dengan usaha kementerian bagi memudahkan proses kelulusan, pihak-pihak berkuasa sama ada Ketua Pengarah Imigresen atau menteri hendaklah diyakinkan bahawa perkahwinan tersebut bukan sahaja tulen tetapi sememangnya tulen. Seperti juga negara-negara lain, kita hendaklah sentiasa berjaga-jaga untuk memberikan kepentingan negara di atas kepentingan individu dan oleh itu sebarang bentuk *marriage of convenience* yang dikenal pasti permohonan untuk permit masuk, tidak akan dipertimbangkan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedarkah atau tidak, mengenai permit masuk ini dan keluar untuk suamikanh atau pun isteri?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Balun sahajalah, hentam sama dia.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Selalu tiada susah payah dapat permit ataupun *renew*. Contohnya, kalau mana-mana satu pihak laki atau bini, dia orang kahwin warga asing.

Contohnya daripada Indonesia. Permit kadang-kadang, *renew* bagi enam bulan, kadang-kadang bagi satu tahun. Daripada warga China, dia tetap bagi enam bulan. So, tiap-tiap enam bulan, dia punya laki memang mesti mahu pergi imigresen. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Suami.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: lalah suamilah, dia punya laki. Suami dia, tiap-tiap enam bulan memang perlu pergi imigresen satu kali. Satu kali mungkin tidak boleh selesai. Mungkin tiga atau empat kali pergi baru boleh selesai. Memanglah tadi kata kuasa mungkin Ketua Pengarah Imigresen. Inilah kadang-kadang di bawah dia boleh salah guna kuasa. Suka kasi, tak suka suruh orang keluar dulu, masuk balik. Inilah yang berlaku.

So di sini saya mahu tanya, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan pasangan suami atau isteri warga asing mendapat permit masuk lebih lama serta dipermudahkan syarat permohonan kerana kedua-duanya sudah pun mempunyai jaminan sama ada suami ataupun isteri sebagai warganegara. Apakah pertimbangan daripada kementerian? Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bintulu kerana mengemukakan soalan tambahan.

Sebenarnya kita kena membezakan di antara pas sosial dengan permit masuk. Ia ada perbandingan sebab pas sosial ini hendaklah disambung dari semasa ke semasa. Kalau permit masuk, apabila sahaja ia diberikan, ia untuk selama-lamanya melainkan jika orang yang mendapat permit masuk itu melakukan kesalahan, barulah ia ditarik balik.

Jadi, saya tidak memahami maksud sebenar soalan, tetapi kalaulah yang dimaksudkan dengan soalan sambung itu, itu maksudnya pas sosial dan bukan permit masuk. Seperti biasa pertimbangan berhubung dengan ini hendaklah dibuat berasaskan kepada untuk mengetahui kerana masa yang diperlukan kebanyakannya adalah tempoh lima tahun untuk mengetahui sama ada benar atau tidak perkahwinan ini tulen atau tidak tulen. Kemudian barulah dipertimbangkan untuk permit masuk. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Bintulu berkenaan perkara ini. Tadi saya telah mendapat jaminan dari Yang Berhormat Menteri iaitu berkenaan dengan lima tahun adalah boleh kata a *grace period* ataupun masa yang mungkin diperlukan untuk memberi keyakinan bahawa perkahwinan ini adalah perkahwinan yang *genuine* dan mereka ini mungkin layak dipertimbangkan untuk menjadi warganegara Malaysia.

Akan tetapi apa yang saya dapat, e-mel yang saya terima daripada beberapa pasangan warganegara luar ini, ada yang telah berkahwin selama 16 tahun. Anak sudah empat, lima orang tetapi setiap tahun masih lagi terpaksa pergi ke imigresen sehingga timbul *joke* di antara mereka,

Jabatan Imigresen *our second home*, bukan *Malaysia our second home*. Jadi saya kira, kalau boleh diberi secara jelas apakah kriteria-kriteria yang membolehkan mereka dipertimbangkan untuk menjadi warganegara? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan di hadapan kita adalah permit masuk, bukan soal warganegara. Permit masuk ini Tuan Yang di-Pertua, adalah keadaan diberikan bagi membolehkan orang yang masuk dapat permit masuk itu untuk mendapat penduduk tetap dan selepas itu barulah pergi kepada warganegara.

Jadi banyak perkara yang perlu dipertimbangkan untuk membolehkan seseorang itu menjadi warganegara dan juga permit masuk. Di antaranya yang perlu dibuat adalah siasatan yang terperinci termasuk tapisan keselamatan, proses temu duga, keupayaan mereka untuk bercakap bahasa Malaysia dan menyemak kesahihan maklumat demi keselamatan negara.

Perkara ini hendaklah diberikan keutamaan. Adalah diakui bahawa proses ini lambat, tetapi lambat ini bukan untuk apa, demi untuk keselamatan negara kerana kedaulatan negara perlu dipertahankan daripada kebebasan individu. Sesungguhnya warganegara itu adalah satu keistimewaan, bukan satu hak yang diberikan oleh kerajaan kepada warganegara asing. Terima kasih.

8. Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku pada musim hujan di sepanjang Sg. Kinta (Ipoh) terutamanya di Taman Merdeka.

■1050

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Assalamualaikum, selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin memaklumkan bahawa mengikut kajian *National Register of River Basin 2003*, seluas 9% daripada keluasan tanah negara di Malaysia dikenal pasti sebagai kawasan berisiko banjir termasuk kawasan-kawasan sungai di Lembah Kinta.

Taman Merdeka, Taman Kok Hock Ann dan Taman Alkaf adalah merupakan kawasan perumahan yang telah lama wujud dan terletak di kawasan rendah di sepanjang Sungai Pari yang sering dilanda banjir setiap kali berlaku hujan. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengambil langkah sewajarnya dengan menempatkan tiga buah pam yang berkapasiti 40 kaki padu per saat kemampuannya setiap satu bagi mengeluarkan air banjir dari taman-taman ini ke Sungai Pari. Bagi menangani masalah banjir secara jangka panjang di kawasan ini, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan projek tebatan banjir Sungai Pari dalam ketiga-tiga Rancangan Malaysia yang terakhir.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM3 juta dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM5.7 juta dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan RM3.5 juta berjumlah kesemuanya RM12.2 juta telah dan sedang dibelanjakan untuk projek ini. Untuk

penyelesaian jangka panjang seterusnya, kementerian melalui JPS telah melantik jurutera perunding bagi menjalankan reka bentuk kejuruteraan terperinci untuk komponen kerja-kerja tebatan banjir yang lebih berkesan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mengenai banjir ini bukan satu perkara yang baru tetapi dalam lingkungan 10 tahun dahulu ini kerap kali apabila ada sedikit hujan pun semua taman ini selalu banjir. Satu di antara faktor adalah di mana sungai-sungai itu terlampau banyak pasir yang tidak dikeluarkan dari sungai tersebut dan saya difahamkan bahawa orang-orang di sana telah memberitahu dan telah ada dialog dengan JPS beberapa kali.

Baru-baru ini dua minggu yang lepas, saya sendiri telah mengadakan dialog dengan JPS di mana mereka mengatakan mereka menunggu tender, mereka menunggu wang Kerajaan Persekutuan. Walaupun kerajaan telah memberi beberapa janji tetapi nampaknya tidak diimplementasikan di sana. Adakah dalam hal ini kerajaan akan memberi pampasan kepada penduduk-penduduk di sana supaya mereka dapat sekurang-kurangnya *mitigate the lost* yang disebabkan oleh *man-made*. Ini bukan luar biasa dan mengenai dengan pam yang telah ada di sana saya difahamkan bahawa pam-pam itu tidak bekerja, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Maznah Mazlan: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat dia atas soalan tambahan. Memang benar bahawa masalah sungai ini makin lam makin ketara kerana seperti yang kita tahu bahawa sistem pengairan termasuk sungai, tasik dan seterusnya semakin lama berlaku *sedimentation* dengan izin iaitu pengumpulan pasir-pasir di dasarnya dan meningkatkan atau yang meninggikan dasarnya dan meningkatkan banjir.

Oleh itu, selain daripada jangka pendek yang saya cakapkan tadi kerajaan juga mengenal pasti bahawa jangka panjangnya yang perlu dibuat ialah untuk menjalankan kerja atau membaik pulih Sungai Pari iaitu punca kepada masalah di taman-taman ini. Terdapat panjangnya Sungai Pari ini lebih kurang 40 kilometer dan setakat ini peruntukan-peruntukan yang telah saya sebut tadi sebahagian besarnya dibelanjakan untuk kerja-kerja mendalamkan dasaran sungai tersebut.

Selain daripada itu, meluaskan tebing dan juga membina ban dan menaik taraf struktur-struktur berkenaan dan kerja ini akan dibuat secara berterusan dan oleh kerana sungai ini satu yang aktif bahawa kerja-kerja ini akan dibuat saya rasa secara berterusan sehingga bila-bila. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, banjir ini sebenarnya boleh berlaku di mana-mana, di Amerika pun banjir betul tak? Persoalannya selepas ini.

Jadi kalau kita lihat ada kalanya banjir ini bukan kerana sebab *nature* tetapi kerana buatan manusia jadi sesetengah projek pembangunan dalam proses kerja tanah dan sebagainya, mereka telah menutup laluan air, aliran air yang menyebabkan kadang-kadang sungai dan sebagainya tertutup dan ada yang rakus lagi memang dengan sengaja mereka menutup.

Jadi soalnya apakah di JPS ini ada undang-undang yang memastikan setiap projek pembangunan dibuat tidak menutup atau mengubah laluan air dan kalau ada apakah tindakan-tindakan yang diambil supaya keadaan ini tidak menyebabkan berlakunya banjir. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Banjir ini murka Allah.

Datuk Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan tadi. Memang benar selain daripada punca semula jadi, kita juga dapati perbuatan manusia menyebabkan sungai-sungai ini terkambus ataupun terhalang yang menyebabkan banjir.

Untuk makluman bersama, bagi mengatasi masalah ini secara yang lebih berkesan, kementerian melalui Jabatan Parit dan Saliran mempunyai satu mekanisme yang dipanggil MASMA pendekkannya. Panjangnya ialah manual saliran mesra alam untuk dibuat panduan kepada kerajaan-kerajaan tempatan pada masa mereka meluluskan projek-projek.

Dengan panduan-panduan ini kita harap bahawa sebahagian daripada masalah banjir di kawasan-kawasan perumahan dan pembangun ini dapat diatasi. Selain daripada itu, untuk makluman bersama juga, satu pelan induk banjir juga telah diadakan oleh Jabatan Parit dan Saliran yang mana dibuat panduan kawalan atau mitigasi dan adaptasi yang perlu dibuat untuk projek-projek pembangunan pada masa hadapan berpandukan kepada maklumat-maklumat ini.

Lagi satu, kita juga mempunyai kajian yang dibuat oleh NAHRIM iaitu Institut Penyelidikan Hidraulik Malaysia mengenai dengan *hydro can tick change* yang ada kaitan dengan perubahan iklim pada masa ini yang juga boleh dibuat panduan untuk mengelak pembangunan-pembangunan di kawasan-kawasan berisiko tinggi banjir. Terima kasih.

9. Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha kementerian bagi menangani masalah yang berlarutan sekian lama iaitu kekurangan khidmat tenaga doktor pakar di Hospital Nukleus Labuan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hospital Nukleus Labuan adalah hospital daerah, tetapi oleh kerana Hospital Nukleus Labuan adalah dalam Wilayah Persekutuan jadi hospital daerah tersebut adalah hospital pakar, jadi tidak sama macam hospital di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua.

Kita setakat ini hanya ada dua orang pakar perubatan. Sementara sembilan lagi jawatan tersebut masih kosong kerana kekurangan pakar bukan sahaja berlaku di Hospital Labuan tetapi di seluruh negara. Ekoran daripada itu, kita menampung untuk keperluan penduduk Wilayah

Persekutuan Labuan maka kita buat lawatan berskala oleh pakar-pakar daripada Hospital Queen Elizabeth dan juga Hospital Pakar Likas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan.

■ 1100

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan status Labuan sebagai Wilayah Persekutuan yang mana kedudukannya adalah sebagai sebuah pulau. Masalah kita setiap ada penyakit atau pesakit yang menghadapi *emergency* dengan izin, kita terpaksa hantar ke Kota Kinabalu.

Masalah kita adalah disebabkan sistem pengangkutan yang kurang bagus antara Labuan dan Kota Kinabalu.

Jadi, inilah satu penghalang sebenarnya sampai melambatkan pesakit datang ke Kota Kinabalu dan juga setakat ini cuma satu pakar yang ada di Labuan pada hari ini iaitu cuma pakar bius. Kebanyakan pakar-pakar yang ada didatangkan dari India yang mana diberi kontrak cuma satu tahun. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah di Labuan ini memandangkan status Labuan sebagai *eyes of sea* dan juga sebagai *oil and gas hab* di Labuan.

Saya rasa sudah waktunya hospital Labuan dapat diperbaiki dan dinaiktarafkan untuk memudahkan penduduk-penduduk di Labuan dan juga ekspatriat- ekspatriat yang datang ke Labuan, yang bekerja di Labuan di *oil and gas* untuk tidak ada masalah pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Labuan atas soalan tambahan. Saya sudah dua kali pergi hospital tersebut. Melihat kepada statistik Tuan Yang di-Pertua orang Labuan sihat, tidak banyak orang sakit. Katil yang dipenuhi oleh pesakit hanya kurang daripada 50%, *bed of composited rate* dan kurang daripada dua hari mereka duduk di hospital. Kes-kes *emergency* ada berlaku tetapi agak kurang.

Walau bagaimanapun, saya faham pandangan Yang Berhormat Labuan. Kita akan beri *priority*, akan isikan pakar apabila pakar-pakar ini lulus pada bulan lapan nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih timbalan menteri. Saya bersetuju dengan pandangan seperti Yang Berhormat Labuan tadi. Oleh kerana Labuan ini khusus sebagai satu pusat kewangan pesisir tentulah akan mendapat kunjungan daripada warga-warga asing. Salah satu perkara yang boleh membangunkan Labuan ini adalah *health tourism*. Cumanya saya hendak bertanya apakah keutamaan kerajaan sama ada mahu menjadikan Hospital Labuan ini sebagai pusat *health tourism* dengan mengambil kira pesakit-pesakit dari warga asing atau pun mahu mencadangkan supaya *health tourism* ini dibangunkan oleh pihak swasta. Ini kerana saya risau kalau kementerian sendiri menjadikan hospital sebagai pusat *health tourism* ia akan memberikan

keutamaan lebih daripada warga asing daripada penduduk-penduduk tempatan yang ada di Labuan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jelas Yang Berhormat Kuala Krai ini tidak faham. Dia tidak faham polisi. Hospital kerajaan ini untuk rakyatlah, mana kita boleh beri hendak rawat pelancong. *Health tourism* hanya kita promosikan pada hospital-hospital swasta. Terima kasih.

10. Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan status Majlis Penasihat Wanita Negara:-

- (a) adakah didaftarkan sebagai NGO/Jabatan seliaan KPWKM; dan
- (b) apakah hubungan/tatacara kerja MPWN dengan kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bantangkan soalan saya ini, saya ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Ahli-ahli Dewan bahawa soalan asal saya telah diubah.

Selepas saya menghantar soalan ini, ianya telah diubah dan saya ingin memaklumkan bahawa soalan asal saya ialah Majlis Pembangunan Wanita Kebangsaan dan Majlis Pembangunan Wanita Negeri bukan Majlis Penasihat Wanita. Saya pohon pihak kementerian dan pihak menteri bertindak profesional dalam hal ini dan menjawab soalan asal saya dan bukan soalan yang mahu dijawab oleh pihak menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya juga pohon kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau tidak boleh dijawab seperti yang dikehendaki, rasanya boleh dijawab secara bertulis untuk soalan ini tetapi walau bagaimanapun saya serahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, soalan ataupun jawapan yang telah kita sediakan adalah berpandukan kepada soalan yang telah dipinda Yang Berhormat. Maka, saya mohon untuk menjawab secara bertulis dan memang ada dengan saya. Terima kasih

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Juga Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan. Jadi, saya pohon juga soalan tambahan saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu juga tidak adil kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan..

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sekejap, Yang Berhormat. Soalan tambahan dan jawapan yang ada pada Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika ini adalah berpandukan kepada soalan yang ada pada hari ini.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya dapat makluman Tuan Yang di-Pertua bahawa soalan saya dipinda selepas ianya sampai ke pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita sudah selesaikan masalah ini Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya rasa ini tidak adil bagi saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita telah selesaikan Yang Berhormat. Soalan tambahan cuma dikemukakan kepada jawapan kepada soalan asal.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya rasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ketika ini tidak ada jawapan kepada soalan asal Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Okey, kalau Tuan Yang di-Pertua tidak mahu setuju tentang soalan tambahan, saya mahu sesuatu dilakukan dalam hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat. Kita akan ambil perhatian Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya rasa ini tidak adil dan tidak wajar, tidak profesional dan tidak patut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Untuk menukar soalan Ahli Parlimen! Sebab ini soalan saya, bukan soalan kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, kita akan pastikan perkara ini tidak berlaku lagi Yang Berhormat. *[Dewan tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana ini boleh berlaku? Bagaimana soalan boleh dipinda? Pastikan ini tidak sekali-kali berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Noriah binti Kasnon]: Saya tidak melihat soalan asal itu tetapi mungkin soalan asal daripada Yang Berhormat Kuantan ini agak mengelirukan. Mungkin beliau menyebut tentang Majlis Penasihat Wanita Negeri sebab kita tidak ada Majlis Penasihat Wanita Negeri.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: saya mohon maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah Majlis Pembangunan Wanita. Saya khawatir bahawa pihak kementerian ada masalah dalam menjawab soalan saya ini.

Puan Noriah binti Kasnon: Tidak ada masalah Yang Berhormat. Kalau tidak puas hati, kita akan hantar secara bertulis.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Sebagai menteri, saya rasa tidak ada masalah yang menteri hendak jawab tentang Majlis Pembangunan Wanita.

Puan Noriah binti Kasnon: Ataupun boleh diulas semasa sesi yang akan datang, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya faham kehendak Kuantan dan juga kita harus akur kepada dilema yang dihadapi oleh pihak kementerian. Mereka dihadapkan dengan soalan yang bertentangan. Kita akan lihat keadaan ini, kesilapan perkara ini Yang Berhormat *you cannot force people*, tidak boleh kita paksa untuk menjawab soalan Yang Berhormat tidak kehendaki.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: *That's what the purpose of giving us a chance to ask question!*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Silap taip, silap taip.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya peninglah. Wanita dengan wanita bergaduh saya pening kepala.

Dato' Samsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Soalan betullah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *problem* ini berlaku di mana-mana. Saya sudah katakan bahawa kita akan pastikan perkara ini tidak berlaku.

Puan Noriah binti Kasnon: Saya akan beri secara bertulis Yang Berhormat.

Dato' Samsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kuantan, cuba baca soalan asal.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Kalau keliru boleh tanya saya. Pihak sekretariat, pihak kementerian ada. Boleh *contact* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Noriah binti Kasnon: Yang Berhormat, saya mohon untuk menjawab secara bertulis dan soalan ini juga boleh kita ulang pada sesi yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Cukuplah Yang Berhormat. Saya jemput.

Tuan M. Kula. Segaran [Ipoh Barat]: *This is first world Parliament.*

Seorang Ahli: Itulah masalahnya menteri tidak terbit.

11. Dato' Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah 'perang harga' Syarikat Penerbangan MAS dan AirAsia mampu membawa pelancong asing ke Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Belud, saingan tambang murah di antara Syarikat Penerbangan Malaysia atau MAS dan AirAsia, adalah satu

persaingan yang sihat. Ini kerana persaingan ini mendatangkan faedah kepada penumpang-penumpang dan juga penumpang-penumpang kini mempunyai lebih banyak pilihan dalam memilih pelan perjalanan yang mampu mereka nikmati. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan kerana kita tahu apabila ada persaingan yang begitu sengit dengan harga yang begitu rendah, dia secara tidak langsung akan mengakibatkan masa untuk menyelenggarakan kapal terbang dan pemeriksaan kapal terbang terpaksa dikompromikan atau dikurangkan kerana syarikat-syarikat tersebut mahukan kapal-kapal terbang ini beroperasi sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pun lihat kadang-kadang kapal terbang ini hanya berehat sementara, sekejap. Proses untuk mengeluarkan penumpang, memasukkan penumpang semula dan terbang semula menjadikan satu perkara yang begitu fanatik kepada syarikat-syarikat ini dan kadang-kadang ini memberi keraguan kepada kita sama ada penyelenggaraan dan pemeriksaan kapal-kapal terbang ini dijalankan dengan baik. Terima kasih

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah mengenai dengan persaingan harga, tiket kapal terbang dan tidak kena mengena dengan soal penyelenggaraan.

Namun demikian, pegawai-pegawai saya akan mengambil *take note* dan kita akan beri jawapan secara bertulis.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Perang harga ini menyebabkan syarikat-syarikat terpaksa mengejar masa beroperasi untuk memastikan keuntungan berlebihan kerana mungkin kalau sudah harga rendah, pendapatan mereka berkurangan dan untuk menambahkan pendapatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: Ya. Saya minta kalau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kementerian akan jawab secara bertulis Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam. Eh, Yang Berhormat Kuala Selangor. Maaf ya.

■1110

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tak apa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya masih lagi tentang *survival national courier* MAS kita. Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana global hari ini, dengan kenaikan harga minyak mentah dan juga *jet fuel cost*, dalam 24 bulan yang lalu sudah terdapat 24 buah syarikat penerbangan yang telah *bankrupt*. Terdapat banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan gergasi yang juga

melaporkan kerugian berbilion ringgit. Contohnya Delta-Northwest, Air France-KLM, dan United Airlines. Delta-Northwest contohnya mengalami RM19.9 bilion kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah dalam suasana di mana kesemua, rata-ratanya syarikat penerbangan ini mengambil langkah untuk mengurangkan kapasiti, *cutting capacity* dan meningkatkan ataupun menambahkan tambang mereka, *increasing fares*.

Terdapat *airlines* seperti Tiger Airways Singapura dan juga AirAsia mengambil langkah yang dikatakan *approach* yang sebaliknya, *contrarian approach*. Kita kluatir bagi *national courier* kita, apakah langkah-langkah yang masih ada pada MAS untuk *survive* dalam suasana yang cukup meruncing ini. Apakah ada lagi langkah-langkah seperti *hedging fuel cost* ataupun langkah-langkah yang lain. Kita ingin tahu, Dewan ini ingin tahu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan jawab soalan Yang Berhormat ya. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini pun soalan yang agak terkeluar daripada soalan asal. Namun demikian, saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, setakat ini bahawa MAS masih lagi boleh bertahan, boleh beroperasi dengan tindakan-tindakan dan langkah-langkah mereka untuk mengurangkan kos, mengurangkan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang dahulunya tidak menguntungkan. Maka, ini terpaksa dikurangkan.

Kalau dulu penerbangan katakan daripada Kota Kinabalu ke Tawau dia ada lebih kurang enam penerbangan sehari tapi sekarang ini telah dikurangkan kepada empat penerbangan sehari. Jadi ini juga langkah-langkah yang telah dibuat oleh MAS. Namun demikian, soalan itu terlalu panjang, jadi saya ingat kita akan jawab secara bertulislah. Terima kasih.

12. Tuan Haji Muhsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan;

- (a) apakah status *National Boer Goat Breeding Centre* (NBBC); dan
- (b) berapakah jumlah penternak kambing dan berapa pula jumlah ternakannya yang terkini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pusat pembiakan kambing, *Boer National* atau NBBC sedang giat dan terus dibangunkan. Sebuah pejabat sementara telah pun dibangunkan di kawasan tersebut bertujuan untuk memantau pembangunan projek NBBC ini.

Seluas 50 ekar kawasan telah dibangunkan untuk penanaman *foder* dan seluas 450 ekar lagi akan dilakukan sepanjang tahun 2008. Pihak kerajaan sedang dalam peringkat pemilihan penender yang layak untuk pembelian 500 ekor induk tulen iaitu baka *boer* dan 25 ekor baka

jantan *boer* tulen. Sementara bagi projek pembangunan stor penyimpanan makanan pula, proses sebut harga telah siap dan begitu juga dengan pembelian jentera serta *implement* yang lain.

Selain itu, proses sebut harga untuk projek pembersihan kawasan dan penyediaan tanah juga telah selesai. Manakala projek pembangunan kandang pasang siap berkapasiti 1000 ekor kini berada dalam proses penyediaan akhir dokumen tender. Iklan juga telah dikeluarkan kepada sesiapa yang berminat menceburkan diri dalam program ini. Proses pemilihan sedang giat dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan sejumlah 829 pemohon telah disenarai pendekkan dan menunggu untuk pemilihan dan seterusnya proses temu duga.

Mengenai status terkini NBCC dan usaha pembangunan tersebut iaitu jumlah ternakan kambing untuk seluruh negara, bilangan penternak dan fakta berkaitan adalah seperti berikut iaitu pada masa sekarang, bilangan ternakan kambing, kita ada kambing 43592 ekor. Bilangan pembiak iaitu 141257 ekor dan daripada segi bilangan penternak kambing seluruh negara adalah 3710 iaitu di mana yang bertaraf komersial; 20%, yang bertaraf tradisional; 75% dan yang bertaraf integrasi ada 5%. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Haji Muhsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga timbalan menteri yang menjawab. Persoalan yang saya kemukakan iaitu sejauh mana pula pencapaian setakat ini tentang objektif *National Goat Policy* iaitu NGP iaitu di mana populasi *goat* tadi yang dinyatakan supaya 43592 pada tahun 2005 dan hendak dicapai kepada 1.003 juta pada 2010. Adakah ini boleh tercapai? Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat di atas satu persoalan yang begitu positif. Sebenarnya Yang Berhormat, kita telah mengadakan program dengan sebegitu lengkap dan insya-Allah kita berharap segala program-program yang telah kita rancang ini berjalan dengan lancar. Terima kasih Yang Berhormat, betul Yang Berhormat katakan sekarang ini kita punya *self-sufficiency level* iaitu sara hidup daripada segi pengeluaran kambing hanya 9%. Akan tetapi insya-Allah dengan program-program yang telah kita aturkan tadi, kita berharap pada tahun 2015, kita akan mencapai taraf 35%.

Jadi, untuk makluman iaitu di bawah *Malaysian Goat Industry Development* dengan izin, kita telah mengadakan satu program bersama iaitu Malaysia bersama dengan Western Australia untuk kita mengadakan satu *blueprint* supaya kita dapat membangunkan industri kambing negara supaya kita dapat mencapai tahap yang telah kita katakan tadi. Ada beberapa lagi program yang telah menjurus di bawah NBBC iaitu dengan adanya NBBC itu adalah sebagai satu nukleus untuk kita memulakan ternakan kambing. Di bawah sektor nukleus, kita ada *multiplayer* atau di mana mengadakan penggandaan dan di bawah penggandaan itu, penternak penggandaan, kita akan membukakan kepada ladang komersial.

Jadi dengan secara tersebut, kita ada 3 tier supaya industri ini berkembang maju. Insya-Allah mencapai tahap 35% dalam tahun 2015. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan *goat breeding* ini, dia ada tiga peringkat. Satu kambing jantan, satu kambing betina. Saya nak tanya jenis jantan itu adakah jamnapari, jenisnya.

Satu kambing, sampai 50 ekor kambing betina Tuan Yang di-Pertua dan saya nak tahu di tengah itu pula ada broker dia. Saya dah pergi tengok Tuan Yang di-Pertua. Dia ada kambing jantan, dia banyak kambing betina. Lepas itu dia ada broker. Broker ini mengenal pastikan yang mana mengawan, ini akademik ini. Jangan salah faham pula.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Menyampuk]* Kambing bebas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi, berapa banyak kambing yang broker ini juga ditenak, satu. Soalan yang kedua, masalah ternakan kambing ini Tuan Yang di-Pertua, masalah ternakan kambing ini selalunya Tuan Yang di-Pertua, tidak menjadi, tidak menjadi. Ini betul. Saya bukan ada kepercayaan karut, saya tidak percaya benda yang karut. Banyak saya tengok di Kelantan pun gagal.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Arnab kahwin dengan kambing ada tak? *[Ketawa]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Itu nanti saya siasat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *Arqam.*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya siasat nanti cuma yang saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua, ini penting. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, saya tengok banyak gagal, di Kelantan pun gagal!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalannya Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi saya jumpa satu keluarga di Selangor, dia berjaya menternak kambing tanpa apa-apa teknologi. Saya bertanya dia "*Eh boleh berjaya?*" Dia kata sebab dia ada anak. Anak dia Tuan Yang di-Pertua, *pusu* kepala ada dua. Dia kata orang tua kata kalau ada dua *pusu* di kepala, dia boleh menternak kambing dan binatang-binatang. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, soalan Yang Berhormat. Soalan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi adakah Yang Berhormat pernah buat kajian ini? Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akademik tu, akademik.

■ 1120

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi bermakna kita ada seorang pakar. *[Ketawa]* Pakar kambing yang ada dan...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih banyak-banyak. Mengenai kambing ini memang Yang Berhormat saya pun mula-mula pergi menengok ladang kambing tu saya pun kurang percaya. Betul Yang Berhormat katakan tadi yang pentingnya dinamakan *start*. *Start* ini hero itulah. Saya namakan hero.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, dia namakan broker.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Lelakilah tu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, lelaki itu. Jadi yang pentingnya lelaki ini. Lelaki ini yang susah dapat dan kadang-kadang harganya juga begitu mahal. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Untuk makluman Yang Berhormat, ini untuk pembetulan fakta sedikit, pembetulan fakta sedikit. Sebenarnya Yang Berhormat, seekor jantan ini yang...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ... *Start* ini yang memang mahal yang mana hero ini dia boleh servis lapan puluh ekor. *[Dewan riuh]* *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pasir Mas ada, Yang Berhormat Pasir Mas ada.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Dia makan tongkat ali. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Kambing bebas.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ini pun Yang Berhormat saya bukan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Makan tongkat alikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya bercakap pun atas teknikal. Mula-mula saya menerima taklimat itu, saya pun juga ketawa. Saya fikir pun bukan betul tetapi betul Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, servis lapan puluh ekor kambing betina.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, betina. *Sorry.* *[Dewan riuh]* *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Itu baru banyak. *sup torpedo* *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* *[Tepuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Selepas itu, selepas lapan puluh ekor, dia direhatkan. Dia direhatkan dalam satu minggu dan betul Yang Berhormat Pasir Mas. Itu saya kata Yang Berhormat Pasir Mas tu memang *expert*. Dia diberi makan tongkat ali. *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* telur dan juga madu dan dia direhatkan dalam satu minggulah dan dia mula lagilah. Jadi yang inilah yang... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Pasir Mas boleh ikut peraturan ini. *[Dewan riuh]* *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *[Menyampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi Yang Berhormat Pasir Mas, memang betul yang kita susah dapat ini yang penjantan ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Dia ada broker.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: *[Ketawa]* Betul Yang Berhormat penjantan ini dipinjam-pinjamkan ke tempat lain sebab memandangkan bila dipinjam ini ada sewa dan sebagainya. *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* Jadi sebab itulah kami melalui...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Itu Yang Berhormat Sri Gading tu, Yang Berhormat Sri Gading. *[Dewan riuh]* *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dia boleh lompat-lompatlah ya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebab itu melalui projek...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang *detail* lain tu Yang Berhormat kita bincang kat luar ya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak, sebab itu projek asal yang dari soalan asal tadi. Yang itulah yang kita hendak adakan projek penjantan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kambing mutaah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: *[Ketawa]* Jadi memang ini adalah satu. Jadi kalau dapat kita mengadakan *cross breed* penjantan yang hebat. Jadi dari situlah industri kambing ini akan berkembang maju. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ada soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh.

13. Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah ada syarat-syarat tertentu khususnya dalam pemilikan dan penstrukturan ekuiti dengan tujuan memastikan penyertaan entiti tempatan bagi pelabur asing yang hendak melabur dan menjalankan perniagaan dalam negara ini; dan
- (b) jika ada apakah syarat-syarat tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kalabakan, adalah dimaklumkan bahawa MITI hanya bertanggungjawab terhadap pemilikan dan penstrukturan ekuiti syarikat yang mempunyai lesen pengilang sahaja. Bagi syarikat yang tidak mempunyai lesen pengilang, pemilikan dan penstrukturan ekuiti syarikat adalah di bawah penyelarasan Jawatankuasa Pelaburan Asing iaitu FIC di bawah Jabatan Perdana Menteri. Bagi sektor pengilangan, dimaklumkan bahawa selepas Julai 2003, MITI tidak mengenakan sebarang syarat pemilikan ekuiti kepada syarikat yang diluluskan lesen pengilang.

Dasar liberalisasi telah diperkenalkan supaya Malaysia dapat bersaing secara kompetitif dengan negara serantau dalam usaha untuk menarik lebih banyak syarikat asing untuk melabur dan menjalankan perniagaan dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang puas hati dengan jawapan kerana biasanya ekuiti bumiputera mesti ada tiap-tiap syarikat. Biasanya 30%. Jadi yang dalam pengilangan ini dijawab tidak ada ekuiti bumiputera. Di dalam FIC, kita mahu tahu juga ada ekuiti bumiputera atau tidak. Kita mahu tahu. Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat jawab seperti apa yang saya nyatakan, mungkin jawab secara bertulis kerana kita mahu tahu kalau sekiranya ada. Di perkilangan sudah tidak ada. Kalau di FIC ada, siapa menentukan ekuiti bumiputera ini? Siapa menentukan? So, kita takut nanti kalau kita tentukan, kerajaan tentukan orang kata kroni-kroni saja yang dapat. Jadi kita mahu tahu secara bertulis kalau tidak ada jawapan yang tepat bagi saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Bagi pihak MITI yang menjaga industri *manufacturing industry* ini ataupun pengilang, sebelum Julai 2003, sebelum Julai 2003 ekuiti sesebuah kilang itu berasas kepada syarat-syarat tertentu iaitu syarat eksportnya. Jika pengilang mengeksportkan 100% produk kilang tersebut, ia dibebaskan dari ekuiti. Dia diberi ekuiti 100%. Jika eksport kurang daripada 100%, ekuiti syarikat itu mengikut peratusan pengeksport syarikat kilang tersebut. Jadi dasar pokoknya ialah secara keseluruhan syarikat ekuiti adalah sekurang-kurangnya 30% bumiputera. Itu pokok asalnya yang ditetapkan oleh pihak FIC iaitu dalam pemilikan dan penstrukturan ekuiti bagi perolehan kepentingan, pergabungan dan pengambilalihan kepentingan tempatan dan asing.

Mana-mana sektor di bawah bidang kuasa agensi, kementerian tertentu, ekuitinya tertakluk kepada dasar dan polisi agensi tersebut juga kementerian tersebut. Contohnya Kementerian Pengajian Tinggi bagi penubuhan institusi pengajian tinggi. Jadi kementerian itulah akan terus menetapkannya dan dinasihati oleh Jawatankuasa Penyelaras FIC. Begitu juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi sektor pengedaran borang dan runcit. Begitu juga di bawah Suruhanjaya Sekuriti bagi pasaran modul dan cadangan korporat. Sekian terima kasih. Jika Yang Berhormat Kalabakan tidak puas hati, kita akan memberi jawapan yang lebih jelas lagi secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan berkenaan dengan penstrukturan ekuiti bagi tujuan penyertaan entiti tempatan dalam pelaburan asing. Saya dimaklumkan penubuhan PEMUDAH iaitu Jawatankuasa Pemudahcara Urusan Perniagaan yang dikatakan sebagai berfungsi untuk melicinkan lagi urusan penstrukturan ekuiti seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri serta soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Kalabakan. Adakah perkara ini menjadi realiti dalam keadaan yang terdekat kerana penubuhan PEMUDAH ini memang diuar-uarkan sebagai untuk secara spesifiknya menjamin penstrukturan ini berlaku secara drastik. Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Jawatankuasa PEMUDAH ini ditubuhkan untuk melicinkan lagi kedatangan pihak pelabur asing ke negara kita ini supaya mereka dapat terus menjalankan usaha untuk menanam pelaburan mereka secepat mungkin. Jadi beberapa tindakan telah diambil oleh mereka termasuk insentif-insentif yang diberi supaya mereka ini digalakkan untuk melabur di negara kita ini.

■ 1130

Kita ada lihat bahawa oleh kerana persaingan yang amat hebat dari negara-negara yang lain di rantau ini, kerajaan kita sentiasa mencari jalan bagaimana Malaysia boleh bersaing dengan negara yang lain. Oleh sebab itu kita memberi banyak insentif yang perlu diberi. Ini termasuk pengecualian cukai sampai 100%, duti import atas *machinery* dan juga bahan mentah yang diimport oleh pengilang tersebut, dan juga elaun modal atas perbelanjaan pelaburan mereka. Jadi, PEMUDAH memang sentiasa ingin menjalankan peranan mereka supaya pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di negara kita ini terus melabur secepat mungkin. Berapa lama ini akan berlaku, terpulang kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur di negara kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, tamatlah sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of order.*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan mesyuarat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Oh, *sorry.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat berapa Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak tahu berapa. *[Ketawa]* Tetapi saya hendak tahu satu perkara yang telah pun disiarkan di surat khabar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Standing Committee...*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... mengenai *dress code* untuk datang ke Parlimen.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *House Committee.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kami diberitahu ada pemberita perempuan, mereka ditegah masuk ke Parlimen kerana pengawal kita tengok berapa panjang skirt dia...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini peraturan mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, perkara ini berlaku di luar Dewan dan tidak sepatutnya kita bawa perkara ini di dalam Dewan melalui peraturan mesyuarat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Siapa yang ambil isu ini?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita ada *House Committee* di sini, di Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini isu yang mana satu?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya *dealing* peraturan mesyuarat dengan Seputeh Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No*, peraturan menubuhkan *House Committee* di mana ada berkaitan di mana arahan-arahan boleh bagi. Kita tidak boleh kata bahawa perkara ini di luar Dewan, maka Dewan tidak ada kuasa.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, ini *point of order* yang mana ini?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi ini *paralyze Parliament*. Kita malu sendiri Tuan Yang di-Pertua. Apabila seseorang berambut panjang, sami datang ke Parlimen, dia patut... *we cannot dismiss people like that*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat hendaklah ditujukan kepada perjalanan Mesyuarat Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *House Committee has some relevant*. Soalan yang pertama, adakah Yang Berhormat Speaker tahu mengenai perkara ini, adakah Yang Berhormat Speaker mengarahkan *these rules and regulations*?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Siapa yang mengarahkan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *we are not small boys*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soal arahan tidak berbangkit Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bermakna Speaker tidak memberi arahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak boleh pastikan, itu tidak berbangkit.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau, kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat tentang sesuatu perkara yang dilaporkan di akhbar, saya juga membaca perkara itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Wearing skirt*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Untuk mengganggu Mesyuarat, saya rasa itu tidak perlu Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Wearing skirt, apa ini morality? This is my culture.*
Hormatlah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ipoh Barat, peraturan mesyuarat mana ini? Tolong bagi tahulah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *House Committee.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *You punya... aiya...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak tahu, pergi belajarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Seputeh, cukup Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh, Ipoh Barat... Yang Berhormat, Yang Berhormat mengemukakan peraturan mesyuarat, dan saya telah pun menjawab peraturan mesyuarat dan jawapan saya itu adalah jawapan terhadap peraturan mesyuarat yang Yang Berhormat kemukakan. Sila teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, jadi ini macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *You don't have to explain.* Saya faham.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...ini yang saya baca ini ada seorang gadis perempuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya juga membaca akhbar hari ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Garis panduan daripada Parlimen..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kepada siapa?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... bertarikh 16 Jun dan bermula 23 Jun ia akan yang lelaki pun kalau seluar terlalu ketat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan terhadap peraturan mesyuarat, saya katakan bahawa ianya tidak melibatkan perjalanan Mesyuarat ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hanya hendak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini soal pentadbiran Parlimen.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No. I think somebody is taking control of Parliament. Parliament is not standing on its own. Ada orang lain yang bermaharajalela dalam negara ini. Parliament is supreme.*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Hey, apa ini ah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya harap satu tindakan susulan diambil *to ratify* perkara ini. Jangan kita benarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau inginkan tindakan Mesyuarat secara pentadbiran Yang Berhormat boleh menulis surat untuk mengemukakan masalah ini kepada pentadbiran Parlimen.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tetapi tidak dengan membawakan peraturan mesyuarat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *With the highest respect to Speaker...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Adakah Yang Berhormat ingin kita mengambil keputusan membahaskan perkara yang itu di dalam Dewan ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kerana Parlimen, kami Ahli Parlimen. Kami harus diberikan kuasa untuk membuat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak izinkan Yang Berhormat, saya tidak izinkan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tahun dahulu saya ada bangkitkan di mana penyembelihan lembu di kawasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... tindakan susulan akan diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, kita harus bahaskan sama ada semua Ahli Yang Berhormat di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak cukup. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh tulis surat Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah gadisitu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Setiausaha.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Who's running Parliament?*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Who's Parliament?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Kementerian Pengangkutan untuk menyambung penggulungan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua pun tidak ada...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan mesyuarat yang lain ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat yang berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: 26(1)(p). Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan kelakuan Yang Berhormat Kinabatangan dua hari dahulu dengan isyarat tangan dia yang telah disaksikan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Perkara itu berlaku dua hari dahulu. Boleh kemukakan usul...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tetapi dua hari dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ... pada ketika ia berlaku.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: ...Saya tidak nampak, tetapi ia telah disaksikan oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: ... oleh beribu-ribu penonton.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ia mesti hari yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ikut peraturan Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *YouTube* pun telah ditonton oleh beribu-ribu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Ya, Kementerian Pengangkutan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini perkara yang sangat penting. Benarkan saya Tuan Yang di-Pertua. Kinabatangan telah menafikan dan selepas itu dia ada mengakui dan ia ada di dalam *YouTube*. Ini amat memalukan Dewan yang mulia ini. Jadi saya rayulah, agar Kinabatangan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini untuk nama baik Dewan yang mulia ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, saya sokong.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini bukan bermakna tidak berlaku, ia berlaku dan Kinabatangan telah dilaporkan mengakuinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, keputusan kita juga berpandukan kepada peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau sedemikian terlepas sahaja, kerana Ahli tidak nampak, rakaman dibuat, orang luar nampak, rakyat Malaysia nampak...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Wrong is wrong*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tetapi peraturan mesyuarat juga harus dipatuhi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Wrong doesn't become a right after two days.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *You discipline him* berdasarkan peraturan mesyuarat juga Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Cannot be discipline.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Orang ramai akan melihat disiplin...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Adakah Tuan Yang di-Pertua bermakna Dewan yang mulia ini semua Ahli Yang Berhormat Parlimen boleh terus melakukan isyarat tangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak boleh menuduh Tuan Yang di-Pertua mengarahkan arahan sedemikian. Saya tidak pernah mengarah bahawa kita boleh melakukan apa yang bertentangan dengan peraturan mesyuarat. Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan berapa? *Don't abuse, you can be sacked of this Dewan if you abuse* peraturan mesyuarat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, 24(1). Tadi semasa soalan ketiga yang diminta oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Yang Berhormat Kinabatangan tunjukkan tangan sahaja. *[Sambil menunjukkan tiga jarinya]* Tidak sebut nombor itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia *rectify that* selepas saya menjemput Yang Berhormat Kinabatangan lagi, beliau menyebut nombor soalan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Dia *rectify...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ianya tidak berbangkit Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Mengapa *rectify that* jika dia tahu, bukan dia baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya panggil sekali lagi Yang Berhormat, saya nampak itu dan saya panggil Yang Berhormat Kinabatangan untuk mengemukakan soalan sekali lagi dan beliau mengemukakan soalan dengan menyebut nombor soalan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya ingat dia sepatutnya diberikan amaran untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri. Teruskan.

USUL**KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan pencapaian matlamat sosioekonomi yang baik semasa awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan meskipun ekonomi Malaysia terus berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan terutamanya kenaikan harga minyak petroleum mentah dunia;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Misi Nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang teguh dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD 8 Tahun 2008;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman yang teguh dan terus menyokong kerajaan untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[9 Julai 2008]**

11.39 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya izinkan saya untuk mewakili Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Malaysia yang menyambung perbahasan dengan *midterm review* yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri mohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan....

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...dalam Dewan yang mulia ini kerana mempunyai tugas yang penting di luar dan meminta saya untuk mewakili beliau dan seterusnya saya ingin membaca ataupun teks yang telah pun disediakan jawapan-jawapan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Penjelasan ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, semalam apabila Yang Berhormat Menteri habis...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Semalam belum baca Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Mana hendak minta penjelasan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semalam at 8.30, semalam, semalam.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semalam, semalam.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya, saya sambunglah sekarang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, saya hendak bertanya soalan mengenai perkara yang telah diberi...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kalau Yang Berhormat tanya soalan Yang Berhormat Menteri saya tidak boleh jawab untuk hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Okey, saya tak bagi jalan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yang Berhormat, nanti saya bagi jalan. Okey Yang Berhormat Bukit Bendera pula telah mengaitkan membangkitkan mengenai dengan sistem pengangkutan awam yang tidak berkesan di kawasan Bukit Bendera.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sekalian, perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem pengangkutan awam melibatkan 13 agensi kerajaan, di mana setiap agensi tersebut mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Di antara lainnya dari segi penetapan laluan perkhidmatan bas, pelesenan, penguatkuasaan, penyediaan terminal, perhentian bas dan juga sebagainya.

Bagi sistem pengangkutan awam di kawasan Bukit Bendera Pulau Pinang iaitu perkhidmatan bas berhenti-henti, ianya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan melalui Rapid Penang dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga mengeluarkan permit bas berkenaan. Kementerian Pengangkutan hanya bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Saya juga ingin menjelaskan bahawa bagi pengangkutan awam Kementerian Pengangkutan hanya bertanggungjawab ke atas perkhidmatan pengangkutan rel sahaja.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Mertajam pula membangkitkan isu mengenai dengan penempatan semula setinggian yang terlibat dengan landasan kereta api berkembar...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Di antara Ipoh dengan Padang Besar. Dalam hal ini kerajaan telah bersetuju supaya setinggian-setinggian dan kediaman yang terlibat dalam Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar diberikan diberi bayaran *ex-gratia* sebanyak RM1,000 untuk setiap keluarga, dan bayaran sewa bulanan sebanyak RM300 bagi tempoh maksimum dua tahun. Sementara menantikan projek perumahan kos rendah disediakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan berkaitan. Ini setinggian-setinggian yang duduk di antara Kuala Lumpur ke Padang Besar di mana *double tracking* telah dibuat lebih kurang lima tahun dahulu KTM telah mengeluarkan surat mengatakan, bahawa semua setinggian diarahkan keluar dan mereka dibayar pampasan sebanyak RM300 sehingga mereka diberi rumah mampu milik. Itu *most important word*, tetapi hingga sekarang di Ipoh ramai di antara mereka ini tidak lagi diberi rumah mampu milik. Apa terjadi kepada perkara tersebut?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Setakat ini Yang Berhormat, dalam nota teks ucapan ini tidak disentuh tentang masalah tidak ada setinggian-setinggian yang tidak dapat rumah. Walau bagaimanapun, mengenai dengan persoalan Yang Berhormat daripada Ipoh Barat, kita akan lihat dan jika ada kebenarannya pihak kementerian khususnya KTMB akan mengambil tindakan. Terima kasih. Seterusnya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bagi pengambilan tanah kerajaan atau persendirian yang bangunan terdapat di atasnya kerajaan juga akan membayar pampasan berdasarkan penilaian dilakukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta atau JPPH, dan bayaran ini akan dilakukan secara tunai dan tidak melibatkan penggantian bangunan. Untuk makluman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya tidak beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak bagi peluang Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Untuk makluman Dewan yang mulia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai duduk dahulu.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Isu penempatan setinggan sedang kita bincangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa, duduk dahulu.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Dengan teliti dengan pihak yang berkaitan di peringkat negeri dan daerah. Di samping itu *one stop centre*...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Soalan Yang Berhormat Ipoh Barat satu jawapan dia lagi satu. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri *misleading the house*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Fakta yang tidak benar.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya tidak bagi peluang Yang Berhormat. Saya mengatakan bahawa kalau sekiranya terdapat ada setinggan-setinggan yang tak dapat rumah ini akan diambil tindakan, dan KTM akan mengambil tindakan dan seperti yang dijanjikan kerajaan kita akan bagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau tak ada jawapan, bolehkah Yang Berhormat bagi jawapan bertulis kerana saya ada fakta statistik?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya, kita akan bagi jawapan bertulis. Okey?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Lagi satu soalan berkaitan...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya tidak bagi peluang. Atau pusat sehenti telah diwujudkan di peringkat negeri untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan penempatan setinggan, yang mana mesyuarat diadakan secara berkala. Di peringkat Kementerian Pengangkutan jawatankuasa setinggan dan rumah ibadat telah ditubuhkan untuk tujuan yang sama. Kementerian Pengangkutan juga telah mengadakan sesi taklimat mengenai dengan projek tersebut kepada kerajaan negeri yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada PUSPAKOM, kerajaan telah melanjutkan tempoh kontrak PUSPAKOM untuk tempoh 15 tahun lagi berkuat kuasa pada 1 September 2009.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kerajaan memutuskan melanjutkan tempoh kontrak PUSPAKOM setelah memberi pertimbangan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Di atas pelbagai faktor di antara institusi-institusi Puspakom.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk dahulu, dengar *point of order*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Point of order* 37(1)(a) dan (b). Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu sama ada Yang Berhormat ini membaca satu ucapan menteri atau ucapan yang disediakan oleh kementerian.

Tadi saya dengar Yang Berhormat menyatakan bahawa beliau tidak dapat menjawab soalan-soalan kerana ini adalah satu ucapan menteri yang beliau bacakan di Parlimen. So, saya hendak tahu sama ada ini ucapan yang disediakan oleh menteri ataupun kementerian. Yang penting Tuan Yang di-Pertua adalah, seorang yang berucap di Dewan ini seperti yang dinyatakan dalam "*Point of Order 37(b) to seek clarification on some matter raised by that member in the course of his speech*".

Tujuan beliau datang ke sini adalah supaya beliau dapat menjawab soalan-soalan. Kalau beliau datang ke sini dan hanya bacakan satu ucapan daripada orang lain menteri misalnya, dan beliau tidak sedia ambil sebarang soalan maka ia menjadi satu pembuangan masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Dalam 37(1) yang pertama iaitu pencelahan teguran tatatertib di bawah *point of order*. *Point of order* ini mengatakan persoalan peraturan mesyuarat yang tidak diikuti yang mana tiap-tiap orang mesti akur dan duduk dahulu sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan. Apabila Tuan Yang di-Pertua bercakap yang lain duduk. Sekarang Alhamdulillah semua orang duduk. Saya cakap seorang.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Berdiri untuk keluar Dewan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai duduk. Kalau hendak keluar boleh. [*Ketawa*] Jadi ini kita sudah buat. Yang kedua ialah pencelahan mencari penjelasan. Ini yang bercakap iaitu menteri atau pembahas, kalau memberi laluan atau mengalah kepada seorang ahli yang mahu meminta penjelasan, mengalah diri, dia duduk dan yang meminta penjelasan itu akan berdiri dan bercakap. Kalau tidak diberi oleh yang bercakap, yang meminta penjelasan tidak berhak untuk laluan. Jadi ini tepat macam itu Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu dahulu Yang Berhormat. Saya belum habis lagi. Jadi ini hak yang bercakap bagi atau tak bagi, tetapi kalau yang bercakap itu didapati mengeluarkan percakapan yang kurang tepat berlandaskan fakta-fakta yang tertentu dia terbalik kepada 37(1)(a). Itu *point of order*. Jadi kita kalau hendak menegur sesiapa bercakap kita mesti ada fakta-fakta yang tertentu.

Jadi hak menteri juga sama ada soalan ini menteri yang punya atau kementerian yang punya ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang punya itu bukan hak Tuan Yang di-Pertua yang mengetahui Yang Berhormat ya. Minta maaf saya. Ini bukan hak saya mengetahui. Ini adalah kementerian yang mengetahui.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat sendiri katakan ini adalah ucapan menteri. Saya hanya bacakan dalam Dewan ini. So, soalan itu yang saya tanya. Macam mana dia boleh datang ke sini dan baca...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tidak Yang Berhormat. Saya mengatakan tadi bahawa saya mewakili menteri...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Untuk menyampaikan ucapan ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Betul. So, adakah itu...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Soalan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan, bolehkah dia soal saya pada soalan yang semalam. Itu saya tidak boleh jawab. Sebab apa soalan itu dikemukakan kepada menteri bukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Baik, baik. Soalan saya sekarang senang dan jelas. Adakah ucapan yang Yang Berhormat baca...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Sama ada ucapan menteri, ucapan kementerian, sama apa yang saya baca untuk menjawab apa yang dipersoalkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1150

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dua-dua, minta maaf. Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Puchong duduk dulu, ya! Tak boleh jawab macam ini Yang Berhormat. Tak boleh macam dialog ini. Kalau seorang bercakap, seorang duduk, seorang bercakap, seorang duduk.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]* Tuan Yang di-Pertua. Saya menyatakan bahawa apa juga ucapan yang saya sampaikan ini...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...adalah mewakili Yang Berhormat Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini *point of order*. Boleh saya habis dengan *point* yang saya ingin...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tak ada apa lagi mahu pakai!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat, boleh dengar soalan saya sebelum membuat satu pencelahan? Soalan saya jelas. Adakah Yang Berhormat membaca ucapan Yang Berhormat sendiri ataupun ucapan orang lain? Dari segi...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: *You* sudah berapa lama jadi Ahli Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong cukup.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *What did you say?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa, tak apa Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Sama ada menteri punya ucapan ke, timbalan menteri punya ucapan ke, saya mewakili kementerian dan kerajaan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa lari? Jawab soalan saya. Ini menteri kamu atau menteri, jawapan...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya, saya tahu. Saya sedar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah Yang Berhormat. Sudah Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Puchong, tolong duduklah Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hendak tahu, ini adalah jawapan siapa? Ucapan siapa? Senang soalan dia. Kenapa tidak boleh jawab? Kalau bukan ucapan dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tolong duduklah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat beri *insist* yang macam ini pun sama juga. Ini peraturan mesyuarat di Dewan Yang Berhormat. Macam ada di mahkamah juga, ada peraturan tertentu kita kena ikut.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dah beri peluang kepada Yang Berhormat bercakap.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, kalau bukan jawapan dia, kami tidak boleh minta penjelasan daripada dia. Dia baca ucapan orang lain, lepas itu bila kita...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kementerian punya jawapanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta duduk Yang Berhormat. Minta duduk.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kerajaan punya jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kalau apa-apa perkara Yang Berhormat kemukakan, kalau saya boleh jawab, saya boleh jawab.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: So...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kalau tidak, saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: So...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta, mintalah timbalan menteri dengar saya bercakap dulu. Saya belum habis juga bercakap. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun macam Yang Berhormat Puchong juga.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi, minta tolonglah. Saya bercakap...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Dia mahu jadi hero. Mana boleh dia jadi hero.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You* ada hero macam kambing tadi. *I mean* ada...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Apa kambing? *You* yang kambing. Ada janggut. *[Ketawa][Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat panggil yang satu kambing, Yang Berhormat satu panggil Yang Berhormat lagi satu kambing. Saya sahaja bukan kambing Yang Berhormat. Tak apa. *[Ketawa]* Sila duduk Yang Berhormat Puchong. Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan ucapan, lepas itu dengar minta sekali lagi sama Tuan Yang di-Pertua bagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: So, ini bukan ucapan daripada menteri? Daripada ucapan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kementerian Yang Berhormat. Saya cukup yakin ini adalah satu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini jawapan kementerianlah! Sudah diperjelaskan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Daripada kementerian.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Suruh dia tarik baliklah. Di awal tadi, di mana dia katakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tarik baliklah. Sudah direkod itu. Namun, saya cukup yakin ini adalah daripada kementerian.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tak ada masalah. Saya cuma hendak dapat tahu itu. Kalau bukan jawapan menteri, beritahu. Itu sahaja, tak ada masalah. *Why it's so hard?*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Jadi, ini apa? Ucapan pembangkang? Ini ucapan kerajaan. Ucapan kementerian.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tadi kamu katakan ini ucapan menteri.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tolong duduk.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya cakap, saya mewakili menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cukup, sudahlah. Dia cakap-cakap...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Menyampaikan ucapan ialah ucapan yang disediakan oleh kementerian, oleh pegawai-pegawai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ah, kementerian!

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kerajaan!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jadi, yang tadi itu silaplah tu?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Silap apa?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya mewakili. Yang saya kata, saya tak boleh jawab soalan semalam yang tidak dijawab oleh menteri. Itu saya tak boleh jawab, dia sudah bercakap semalam.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah. Sudahlah. Sudah Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk. Tolong duduk Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolonglah beri peluang juga orang bercakaplah. Orang bertanya.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, dengan melanjutkan tempoh masa operasi di beberapa pusat pemeriksaan kenderaan, melaksanakan sistem pembayaran yang lebih mesra pelanggan melalui sistem *drive-through counter* serta pelaburan PUSPAKOM yang membuka tambahan sebanyak 19 pusat pemeriksaan kenderaan di seluruh negara, di mana 18 daripadanya diletakkan di kawasan pedalaman negeri Sabah.

Berdasarkan kepada kontrak asal, PUSPAKOM hanya dikehendaki untuk membuka pusat pemeriksaan kenderaan di negeri Sabah dan Sarawak hanya enam. Walau bagaimanapun atas dasar tanggungjawab sosial, PUSPAKOM telah membuka tambahan sebanyak 18 pusat pemeriksaan kenderaan dan menjadikan...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...bilangan keseluruhannya pusat pemeriksaan...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh minta jalan?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...kenderaan di negeri Sabah dan Sarawak sebanyak 24 buah. Ya, Yang Berhormat. Ini Kota Melaka ya?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi katakan tambahan pusat untuk pemeriksaan. Saya mendapati tadi ucapan menteri katakan ada satu di Melaka. Bolehkah saya tahu di daerah Melaka Tengah, Jasin atau Alor Gajah?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya tidak menyebut tentang soal Melaka. Saya menyebut tentang soal Sabah. Sabah dan Sarawak dalam perjanjian PUSPAKOM dengan kerajaan hanya enam buah sahaja pemeriksaan tetapi telah ditambah kepada 18 menjadi 24. Bagi mempermudah masyarakat luar bandar untuk memenuhi *test* dan sebagainya. Melaka tidak terlibat Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Minta maaf ya. Sebab dalam ucapan, Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan, salah satu ada di Melaka. Sebab itu, adakah saya salah dengar atau, bolehkah memastikan penjelasan? Iaitu hanya tambahan ini di negeri Sabah sahaja? Di Semenanjung tiada tambahan pusat untuk pemeriksaan oleh PUSPAKOM?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Yang Berhormat Kota Melaka, nanti sekiranya ada nanti saya akan bagi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Kos pembinaan 18 pusat pemeriksaan kenderaan tersebut, adalah sebanyak RM3.1 juta. Kos operasi pula sebanyak RM1.9 juta setahun. Oleh sebab bilangan kenderaan yang diperiksa di setiap 18 buah pusat pemeriksaan kenderaan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak tersebut amat kecil iaitu hanya di antara 5 hingga 10 buah kenderaan sehari, PUSPAKOM menanggung kerugian setiap tahun bagi operasi dan mengolah pusat-pusat pemeriksaan kenderaan tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, PUSPAKOM rugi di antara RM300,000 hingga RM350,000 setahun.

Bagi kontrak baru di antara kerajaan dengan PUSPAKOM, kerajaan mempunyai hak untuk menilai prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh PUSPAKOM dalam tiap-tiap lima tahun. Sekiranya PUSPAKOM didapati gagal menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang memuaskan, kontrak perkhidmatan PUSPAKOM tersebut boleh ditamatkan pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah pula ada membangkitkan tentang pertanyaan mengenai dengan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam. Penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam telah diumumkan oleh kerajaan dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal RMK-9 pada 26 Jun 2008. Penubuhan suruhanjaya tersebut sedang dikaji oleh Kementerian Kewangan.

Mengenai permintaan Yang Berhormat Rasah supaya memperbanyakkan perjalanan Komuter ekspres di antara Seremban ke Kuala Lumpur. Kementerian Pengangkutan menyedari keperluan untuk mempertingkatkan perkhidmatan komuter di antara Seremban ke Kuala Lumpur. Namun begitu, kekerapan perkhidmatan tidak dapat dilaksanakan pada ketika ini kerana

kekurangan *set* AMU. KTMB pada masa kini sedang melaksanakan program *overhaul* sebanyak 50 buah *set* AMU dan juga sedang membuka tender perolehan lapan *set* AMU baru. Program *overhaul* ini akan disiapkan secara berperingkat-peringkat sehingga Oktober 2009.

Manakala, perolehan AMU dijangka pada Oktober 2010. Dengan siapnya program *overhaul* ini dan perolehan AMU baru, maka KTMB akan dapat meningkatkan jumlah perjalanan komuter di antara Seremban ke Kuala Lumpur. Silakan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya tadi ada mengatakan bahawa Suruhanjaya Pengangkutan Awam. Soalan saya ialah, apakah kuasa Menteri Pengangkutan dalam suruhanjaya ini dan apakah kuasa yang diberikan kepada suruhanjaya ini dalam membentuk satu Dasar Pengangkutan Awam yang lebih komprehensif kerana masalahnya sekarang ialah ada 13 agensi yang melibatkan berbagai kementerian yang menyebabkan Dasar Pengangkutan Awam ini tidak dapat dilaksanakan dengan baiknya. Jadi, apakah kuasa yang diberikan kepada suruhanjaya ini?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, suruhanjaya ini masih dalam kajian kerana baru sahaja dibentangkan, disyorkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Pembentangan Kajian RMK-9 dan sekarang ini Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan dan kementerian-kementerian yang terlibat, yang saya sebut tadi 13 agensi sedang mengadakan perbincangan dimanakah diletakkan nanti suruhanjaya ini? Sama ada di Kementerian Pengangkutan atau kementerian-kementerian yang lain? Saya tidak boleh menjawab soalan Yang Berhormat sekarang sebab ini dalam peringkat kajian sahaja. Terima kasih.

Berkenaan dengan cadangan untuk melantik konsortium kereta api daripada Jerman, adalah dimaklumkan bahawa KTMB tidak memerlukan konsortium daripada mana-mana negara untuk meningkatkan ketetapan waktu perkhidmatan KTM.

■1200

Masalah yang berlaku sekarang adalah kekurangan *seat* AMU apabila program *overhaul* selesai. Pembelian AMU dilaksanakan dalam tahun 2010 dan isu kelewatan dan kekurangan trip akan dapat diatasi. Yang Berhormat Seputeh telah kemukakan pertanyaan mengenai dengan pelan...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Yang Berhormat, satu lagi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan ketepatan waktu, semalam semasa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjawab bahawa 93% trip komuter sampai dalam jangka masa 15 minit. Saya hendak tanya adakah Kementerian Pengangkutan berpuas hati dengan satu jangka masa yang 15 minit ini kerana saya memberi contoh di negara Jerman, mereka boleh sampai pada minit itu juga. Jadi adakah *benchmark* kita ini terlalu rendah sangat? Adakah kementerian berpuas hati dengan jangka masa 15 minit itu? Apakah perancangan langkah-langkah untuk memendekkan lagi supaya tepat pada waktunya dalam lingkungan tiga minit kalau

paling lama? Ini kerana kereta api ini tidak ada masalah, ia tidak ada trafik jam, tidak ada apa-apa. Semua perancangan boleh dilakukan. Jadi mengapakah kita tidak boleh mencapai satu sasaran supaya kereta api kita tepat pada waktunya? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Kalau dikira Tuan Yang di-Pertua, pencapaian 93% adalah pencapaian yang cukup bagi negara kita. Kita tidak boleh membandingkan negara-negara luar yang sudah lebih maju daripada kita namun demikian saya percaya bahawa akan kita capai menjelang tahun 2020. Ini kerana sudah tentu ada usaha-usaha untuk mempertingkatkan kecekapan dan juga ketepatan masa dan saya percaya ini akan kita peroleh selepas tahun 2020. Yang Berhormat Seputeh pula ada mengemukakan pertanyaan mengenai Pelan Kontrak untuk mengatasi masalah pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian ini hanya bertanggungjawab terhadap sistem pengangkutan rel. Manakala sistem pengangkutan awam jalan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Penggunaan, Usahawan dan Koperasi serta di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan sedangkan kesesakan lalu lintas tidak pernah diletak di bidang kuasa tugas Kementerian Pengangkutan atau MoT tetapi di bawah PBT atau DBKL. Dalam usaha ini menangani masalah pengangkutan awam, kementerian ini telah menyediakan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur rel yang membolehkan kemudahan penggunaan komputer disediakan.

Sistem penggunaan komputer ini bertujuan menyediakan pengangkutan awam di antara bandar berasaskan rel contohnya Seremban-KL Sentral sementara itu bagi pengangkutan rel di dalam bandar pula kerajaan telah menyediakan infrastruktur rel seperti LRT Ampang dan Sri Petaling, LRT Kelana Jaya dan juga Kuala Lumpur Monorel bagi menampung keperluan yang semakin meningkat daripada segi jumlah penumpang. Kementerian ini sememangnya sentiasa menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam rel sebagai model pengangkutan alternatif selain pengangkutan bas dan teksi. Di samping itu kementerian juga menjangka akan berlakunya peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian pengangkutan awam terutamanya rel apabila infrastruktur-infrastruktur rel siap di bina pada tahun 2012. Dengan ini secara tidak langsung masalah kesesakan lalu lintas yang kini di tangani oleh PBT atau DBKL dapat dikurangkan. Seterusnya mengenai dengan saranan yang dikemukakan Yang Berhormat Titiwangsa menangani masalah yang sama.

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan juga bercadang untuk merancang untuk mewujudkan lagi banyak terminal pengangkutan bersepadu selain daripada terminal pengangkutan bersepadu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *integrated transport terminal* di Bandar Tasik Selatan dan ini dijangka akan memberikan kemudahan kepada orang awam.

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Penjelasan, minta maaf.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya tidak bagi laluanlah. Banyak lagi saya mahu sebut di sini. Yang dijangkakan memberikan kemudahan awam kepada orang awam menggunakan pengangkutan awam melalui pelaksanaan terminal pengangkutan awam bersepadu. Jika pengangkutan awam ini jadi lebih mesra pengguna dan orang awam akan menggunakan modal pengangkutan awam sebagai modal utama dalam urusan harian mereka.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit.

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa? Okey, sila.

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyentuh pasal DBKL. Saya hendak bertanya mengenai Dasar Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 ini, adakah pihak DBKL atau Menteri Wilayah Persekutuan pernah mengambil atau mendapat nasihat kementerian mengenai lalu lintas pengangkutan di KL ini sebab dalam draf pelan itu saya mendapati tiada langsung menyentuh pasal *freight transport* iaitu pengangkutan kargo. Minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menjawab bagi pihak Kementerian Wilayah tetapi semestinya kalau melibatkan tentang soal pengangkutan jabatan, agensi atau kementerian perlu rujuk kepada Kementerian Pengangkutan supaya terutama sekali dari segi penguatkuasaan. Kita akan berikan pandangan kita kepada apa juga reka bentuk, apa juga yang dicadangkan oleh kementerian-kementerian yang lain asal melibatkan mengenai pengangkutan sahaja. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit penjelasan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya apa yang saya tanyakan adalah langkah sekarang oleh kementerian dalam menangani permasalahan kepadatan di LRT yang sedang berlaku sekarang ini dan juga langkah-langkah kecemasan yang disediakan oleh kementerian sekiranya berlaku kemalangan. Itu antara yang saya ingin dapatkan penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Nampaknya soalan Yang Berhormat adalah soalan spesifik. Saya akan menjawab secara bertulis, terima kasih. Mengenai dengan...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Mana ini? Oh!

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi kalau kita lihat sistem LRT yang ada sekarang dan dikatakan *integrated* di Kuala Lumpur, ada yang tidak mesra pengguna. Sebagai contoh monorel yang ada yang dekat dengan Stesen KL Sentral itu. Stesen monorel itu dia habis di jalan Brickfields kah? Saya pun tidak ingat jalan apa tetapi sangat jauh dengan Stesen KL Sentral yang menyebabkan orang terpaksa jalan kaki tidak ada atap yang sebenarnya untuk

kalau hujan dan sebagainya yang ada bumbung sedikit dan lepas itu sekarang kiri kanan dah banyak pula orang menjual barang-barang macam sudah jadi pasar di Pekan Siam keadaan tempat di situ. Jadi ada tidak apa-apa rancangan pihak kerajaan? Pertamanya memastikan setiap stesen dia betul-betul mesra pengguna. Yang tadi adakah rancangan untuk menyambung terus ke Stesen KL Sentral. Kalau kita tengok LRT STAR, Putra, komuter dalam Stesen KL Sentral tetapi yang monorel itu di luar dan jauh.

Keduanya stesen komuter kalau kita lihat stesen tempat mengambil tiketnya di sebelah sahaja. Jadi kalau yang duduk di seberang jalan kereta api itu mereka terpaksa berpusing dan ini rasa saya mungkin dua tiga kilometer juga untuk sampai ke stesen.

Ketiganya ada tidak apa-apa rancangan untuk menyambung LRT STAR sampai ke Nilai kerana sekarang ini pembangunan yang pesat telah berlaku mungkin ia boleh merentasi Serdang, kawasan Puchong, Putrajaya dan terus ke Nilai. Jadi kerana kawasan itu telah mula membangun dan kepadatan penduduk rasa saya akan bertambah dan peluang untuk penduduk di kawasan tersebut untuk menggunakan LRT. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lipis. Terima kasih kepada cadangan-cadangan, teguran-teguran yang telah dikemukakan dan saya tidak boleh memberikan komitmen pada hari ini. Memang dari semasa ke semasa kementerian akan mengkaji keperluan rakyat kerana kita akan menumpukan tentang *public* atau pun orang awam. Walau bagaimanapun dalam persoalan tadi ada tiga perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Lipis dan saya akan bawa dan juga akan menjawab secara bertulis kemudian.

■1210

Mengenai dengan pembayaran caj perkhidmatan pengangkutan awam secara percuma kepada semua OKU ataupun orang kurang upaya, kementerian ini menyokong dan menggalakkan usaha-usaha bagi mengecualikan caj perkhidmatan pengangkutan awam bagi golongan kurang upaya. Pada masa kini hanya RapidKL dan Rapid Penang memberikan kadar tambang istimewa kepada golongan kurang upaya apabila mereka mengemukakan kad yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat atau JKM dan tambang istimewa ini diberikan untuk pengangkutan bas sahaja. Manakala bagi pengangkutan LRT, RapidKL memberikan potongan sebanyak 50% daripada kadar tambang asal bagi golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wangsa Maju ada membangkitkan pertanyaan tentang tindakan yang diambil bagi mendapatkan semula hutang daripada AirAsia. Adalah tidak benar MAHB tidak mengambil sebarang tindakan ke atas perkara ini kerana MAHB sebelum ini telah pun meminta AirAsia untuk menjelaskan hutang tersebut melalui surat dan telefon. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan sedang meneruskan usaha untuk menyelesaikan masalah hutang tersebut.

Saya juga ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berhormat Menteri menjawab pada sesi Dewan ini bahawa hutang AirAsia ialah berjumlah RM110 juta, bukan seperti yang dicadangkan oleh seorang Ahli Parlimen, saya lupa, bahawa RM68 juta. Dia mendapat laporan daripada Tony Fernandez, tetapi hutang AirAsia sebenarnya ialah RM110 juta kepada MAHB.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada dua berdiri, Yang Berhormat. Mana satu, Yang Berhormat? Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Persoalannya ialah bukannya hutang sedia ada yang masih dihutang oleh AirAsia tetapi apakah tindakan yang telah diambil? Bukan melalui telefon, bukan melalui surat oleh kerana hutang ini telah dalam buku MAHB pada tahun 2002. Kalaulah sebuah syarikat swasta berhutang kepada sebuah GLC dan juga di bawah Kementerian Pengangkutan ini, MAHB, kenapakah tidak ambil tindakan undang-undang? Itu yang penting oleh kerana kalau kementerian ini tidak ambil tindakan undang-undang, ini bermakna bahawa kementerian ini diberi subsidi seperti *interest cost* atau *financial cost* mengenai dengan hutang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tindakan-tindakan telah diambil. Kementerian Pengangkutan tidak boleh bertindak bagi pihak Kementerian Kewangan. Sebenarnya Kementerian Kewanganlah yang boleh bertindak untuk menyelesaikan masalah ini sama ada mengambil tindakan undang-undang ataupun sebagainya sebab MAHB adalah di bawah Kementerian Kewangan. GLC di bawah Kementerian Kewangan.

Kita di Kementerian Pengangkutan ini hanya terlibat dalam soal pengangkutan sahaja. Itu sebab MAHB diletakkan di Kementerian Pengangkutan, tetapi tanggungjawab ialah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Jadi saya tidak boleh menjawab bagi pihak Menteri Kewangan dan Kementerian Pengangkutan akan berusaha...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Bersama-sama dengan Kementerian Kewangan untuk mendapat semula hutang-hutang yang telah tertunggak oleh AirAsia dan sudah tentu perkara ini melibatkan dari segi undang-undang dan biarlah Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan perkara hutang ini masih dalam rundingan dengan Kementerian Kewangan, tetapi ini adalah satu

hutang daripada sebuah syarikat swasta dengan GLC. So, saya rasa ini tidak perlu ada apa-apa rundingan langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dan juga kelmarin saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di luar Dewan. Beliau kata ini bukan masalah dengan Menteri Kewangan oleh kerana ini adalah satu hutang *private transaction*, bukannya mengenai dengan dua syarikat GLC. So, Menteri Kewangan tidak terlibat langsung. Jadinya, silalah beri arahan kepada MAB, ambil tindakan terus oleh kerana hutang-hutang yang sebegini besar adalah akan menjejaskan kepentingan orang awam dan negara kita dan juga dalam keadaan sekarang, *fuel cost*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat sudah dengar daripada Wangsa Maju tanya...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dulu. Saya bercakap, Yang Berhormat. Peraturan yang *basic*, Yang Berhormat, kalau Speaker bercakap tolong duduk dulu ya. Itu yang *basic*.

Jadi saya sudah dengar Wangsa Maju menyoalkan persoalan ini, tidak kurang daripada tiga kali semasa saya mempengerusikan. Jadi saya berharap Wangsa Maju pun sudah mengetahui perkara ini kalau ada tuntutan-menuntut soal hutang ini ialah bukan Kementerian Pengangkutan kerana Kementerian Pengangkutan hanya mengurus soal pengangkutan. Soal kewangan diurus oleh Kementerian Kewangan.

Jadi kalau ada penjelasan yang kurang jelas, tidak payahlah tanya dalam Dewan ini. Minta penjelasan supaya Menteri Kewangan, Kementerian Pengangkutan dan Yang Berhormat Wangsa Maju boleh duduk bersama menyelesaikan satu masalah, tidak payah bangkit lagi. Peraturan kita melarang perkara dibangkit-bangkit berkali-kali Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bukannya kita berbangkit berkali-kali, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana penjelasan yang diberi oleh..

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tidak apa, Yang Berhormat. Saya akan sampai situ.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Walau bagaimanapun saya mengambil nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi, lain kali Yang Berhormat, saya sudah bagi penjelasan. Tidak payah bangkit perkara itu lagi.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Menteri, timbalan menteri, dua-dua sudah sebut. Sama cerita.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih. Kementerian Kewangan terlibat dalam urusan pengutipan semula hutang-hutang MAB kepada AirAsia...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [*Bangun*]

Datuk Zahrain Mohamed bin Hashim [Bayan Baru]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Biar menteri jawab, duduk dulu.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: ...Kerana perkara ini telah dirujuk kepada Kementerian Kewangan oleh AirAsia oleh sebab ianya tidak bersetuju dengan jumlah yang dinyatakan oleh pihak MAHB. Selain daripada itu Kementerian Kewangan juga terlibat dalam pertikaian hutang ini memandangkan MAHB adalah sebuah *government link company* ataupun GLC di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Yang itu jelas, Yang Berhormat – di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Jumlah hutang AirAsia kepada MAHB ialah dinyatakan dalam tempoh hari oleh saya adalah berdasarkan rekod yang sedia ada. MAHB nilainya adalah berbeza daripada jumlah yang dinyatakan oleh AirAsia kerana jumlah yang dinyatakan oleh AirAsia tidak berdasarkan kepada diskaun yang dipohon yang tidak pun dipersetujui oleh MAHB. Dalam hubungan ini, Yang Berhormat perlu mendapatkan fakta-fakta yang tepat lagi menyeluruh sebelum membuat dakwaan.

Seterusnya mengenai dengan pemberian projek naik taraf LCCT kepada Syarikat Fajar Baru. Projek naik taraf LCCT dilaksanakan oleh MAHB dan bukannya oleh kerajaan. Sungguhpun demikian MAHB memaklumkan bahawa dalam proses menaikkan taraf tersebut dilakukan secara tender terbuka di mana tujuh syarikat telah mengambil bahagian. Kementerian difahamkan bahawa Syarikat Fajar Baru dipilih berdasarkan kepada harga terendah yang mengikut *spec* projek tersebut.

Yang Berhormat Wangsa Maju juga mendakwa bahawa ada keistimewaan diberikan kepada Syarikat Fajar Baru dalam mendapatkan projek-projek kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Fajar Baru tidak diberikan keistimewaan oleh MOT dalam mendapatkan projek-projek MOT. Contohnya projek LCCT, KLIA dan pelebaran *parking airport* di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dilakukan secara tender terbuka.

Mengenai kos pembangunan Lapangan Terbang Pulau Pinang, pada ketika ini tidak ada pembangunan lapangan terbang baru di Pulau Pinang yang dilakukan oleh kerajaan. Walau

bagaimanapun, menurut MAHB, mereka telah pun melaksanakan projek pelebaran kawasan *parking* pesawat yang dilakukan secara tender terbuka dengan kos sebanyak RM26.8 juta di mana lapan syarikat telah mengambil bahagian dalam tender tersebut.

Berkenaan dengan pelantikan Syarikat Mesra Indah Jaya Sdn. Bhd. yang membuat kutipan daripada pemandu-pemandu teksi di KLIA, adalah dimaklumkan ianya di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan mahupun MAHB.

■1220

Yang Berhormat dari Lawas ada mohon supaya dibina lapangan terbang baru di Lawas bagi membolehkan pesawat Fokker-50 digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, bangun lagi.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tak. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan sedia untuk mengkaji keperluan tersebut sekiranya terdapat permohonan mengenainya pada masa akan datang. Mengenai dengan pertanyaan Yang Berhormat Bayan Baru, berkaitan dengan...

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bayan Baru dengar dahulu, ya. Yang Berhormat Bayan Baru dengar Yang Berhormat. Tak apa.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Mengenai dengan pertanyaan Yang Berhormat Bayan baru, berkaitan dengan pengaliran kargo Malaysia ke pelabuhan Singapura. Memang tidak dinafikan bahawa masih ada kargo-kargo yang dikendalikan melalui pelabuhan Singapura dan disebabkan oleh aspek *connectivity and term of trading*, dengan izin di antara lainnya.

Walaupun demikian, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk meningkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan tempatan. Antaranya menambah kapasiti kemudahan-kemudahan dan mewujudkan zon bebas bagi menjana kargo. Kita dimaklumkan bahawa Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjong Pelepas telah berjaya memainkan peranan sebagai hab pelabuhan dan berada dalam kelompok 20 teratas dalam liga pelabuhan kontena dunia dalam tempoh enam tahun kebelakangan ini.

Selain daripada itu, dakwaan Yang Berhormat Bayan Baru juga bahawa Pelabuhan Pulau Pinang tidak lagi relevan sebagai pelabuhan laut dengan pelaksanaan pembinaan landasan berkembar dan peningkatan jalan raya adalah tidak benar. Ini adalah kerana hanya kargo kontena dan bukan sahaja jenis kargo yang dihantar ke pelabuhan lain.

Namun begitu, untuk meningkatkan daya saingnya, Pelabuhan Pulau Pinang sedang mengambil tindakan membesarkan kemudahan-kemudahan kontena serta meningkatkan perkhidmatan pangkalan kontena Butterworth - utara. Pelabuhan Pulau Pinang juga telah

mengenal pasti kargo-kargo baru yang boleh dikendalikan dan sedang dalam peringkat perbincangan dan perancangan menyediakan kemudahan-kemudahan berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Arau bangun Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik apabila Yang Berhormat membangkitkan soal Pelabuhan Pulau Pinang yang pada saya masih merupakan di antara pelabuhan terbaik.

Walaupun, dari segi kesesakan *uploadingnya* dianggap tidak mempunyai kawasan yang mencukupi pada masa kini. Akan tetapi hasil daripada pembinaan *double track* antara Padang Besar dan Pulau Pinang dianggap sebagai satu *advantage* yang amat berguna kalau sekiranya pihak KTMB dapat merancang perkara ini dengan begitu teliti. Iaitu dengan menjadikan ICD, ataupun Depot Pelepasan Darat yang ada di Padang Besar sekarang ini dapat di naik taraf ataupun dipertingkatkan dengan bentuk yang lebih sistematik dan menarik.

Apa yang berlaku sekarang ini, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, pengendalian kargo ICD sementara yang ada di Padang Besar sekarang dilihat tidak begitu sistematik. Di mana *Multimodal Freight* gagal mengendalikan dan mengambil peluang daripada *advantage* dari Thailand ke Pelabuhan Pulau Pinang atau pun Port Klang dan sebagainya tidak dipergunakan dengan sebaik mungkin. Sehingga ada perniagaan ataupun kargo yang sepatutnya menjadi milik *Multimodal Freight* terpaksa dipindahkan ke kawasan-kawasan lain. Ini kerana Kerajaan Thailand, dia tidak mahu menunggu masa terlalu lama.

Saya tidak faham kenapa masa yang digunakan untuk membuat keputusan bagi kita mempertingkatkan kemudahan Depot Pelepasan Darat di Padang Besar ini diambil terlalu lama. Menyebabkan *business* yang ada yang sepatutnya dimiliki oleh *Multimodal Freight* ini digunakan Thailand, lari ke tempat lain sehingga mereka membuat pelabuhan seperti Luang Prabang dan sebagainya. Mereka wujudkan pelabuhan mereka sendiri, kerana *advantage* yang sepatutnya digunakan oleh Padang Besar ini tidak dipergunakan sepenuhnya. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bayan Baru bangun juga Yang Berhormat. Hendak bagi peluang dua sekali, selepas itu, jawab sekali.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Okey.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: saya percaya apa yang akan cakapkan adalah relevan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau. Masalah saya nampak sekarang tentang pengendalian kargo, *movement of cargo*. Banyak kontena kita masih ke Singapura.

Masalahnya adalah, saya rasa *integration control of integrated* punya cara pergerakan kargo, maksud saya ialah pelabuhan punya pengendalian dan *rail* punya pengendalian, tak ada dia punya *coordination*. Oleh sebab itu, banyak kontena-kontena dari pengusaha seluruh

kawasan utara, termasuk juga IMT-GT. Peranan Pelabuhan Pulau Pinang hanyalah untuk *feeder* ke Singapura. Ini juga merugikan pendapatan '*foreignship*' kepada negara kita. Jadi saya ingin lihat bahawa Kementerian Pengangkutan bagi komitmen yang lebih kuat untuk menentukan bahawa *integrated transport system* ini wujud dan satu badan harus ditubuhkan untuk menentukan bahawa *connectivity* atau *movement of cargo* ini dijalankan dengan baik. Sebab, kalau kita serah kepada peniaga-peniaga sahaja dia kira *bottom line* dia untuk *profit*, dia tak kira, so senang pergi ke Singapura. Jadi, itulah, kalau boleh timbalan menteri panjangkan isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat. Apa nak tambah lagi.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Hendak tambah lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyokong Arau dan Bayan Baru sebab di kawasan saya juga bersempadan, walaupun ini tidak berkaitan dengan pengangkutan, tetapi saya nampak *attitude* kerajaan kita tidak *business like*. Kawasan sempadan saya, *business* terbantut atas sebab-sebab tertentu yang saya sebut dalam Parlimen tidak berapa lama dahulu.

Akan tetapi, untuk menunggu, kebanyakan urusan antara Thailand dengan Malaysia, mereka menunggu apa dikatakan *Joint Border Committee* berbincang, kadang-kadang setahun sekali untuk menyelesaikan masalah. Jadi, saya mencadangkan Yang Berhormat, supaya kita peringkat kerajaan ini mewujudkan satu sistem atau satu pendekatan *business* untuk mempercepatkan yang dirungutkan oleh Arau dan yang dirungutkan oleh Bayan Baru. Begitu juga tidak ada satu *attitude* yang mengiktiraf *business, time is money* dan kita menunggu untuk urusan rasmi sahaja sebelum kita membawa perkara-perkara ini kepada Thailand. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan yang cukup baik terutama sekali daripada Arau.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Banyakkah soalan Yang Berhormat ?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Pendek sahaja. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, ada satu perkara, bolehkah Yang Berhormat bawa kepada Menteri Pengangkutan dan ada satu isu yang saya jangka boleh menjadi masalah iaitu kes pemakaian serban, iaitu masalah peraturan pakai topi keledar.

Sekarang ini sudah ada kes mahkamah, seorang pelajar sekolah agama didapati bersalah dan didakwa di mahkamah kerana tidak memakai topi keledar tapi pakai serban. Ada di kalangan para alim ulama menaiki motosikal, mereka memakai serban, juga sekolah-sekolah agama, sekolah Arab. Bagi orang-orang Benggali, Singh, mereka boleh pakai serban, katanya itu sebahagian agama. Saya bimbang, takut kes ini nanti bertukar menjadi isu politik.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat membawa perkara ini ke pengetahuan menteri untuk ditangani segera. Masalahnya, kalau boleh apakah keputusan nanti bersabit dengan pelajar-pelajar sekolah pondok dan juga orang-orang alim yang memakai serban. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, jauh betul perjalanan Ahli Yang Berhormat daripada Bebas ini. Kita berbincang tentang soal pelabuhan, dia berbincang tentang soal serban.

Walau bagaimanapun, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Mas, sahabat saya, abang saya, memang lama kawan, bagi menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru, Arau, Padang Besar, saya amat berterima kasih kerana telah memberikan input-input yang baik untuk kementerian. Sudah tentu ini, kita akan ambil tindakan.

Memang pelabuhan-pelabuhan ini memerlukan keuntungan, jadi, saya akan memaklumkan dalam *post-cab* nanti kepada pelabuhan-pelabuhan yang terlibat supaya mengambil langkah-langkah, tindakan-tindakan yang boleh menjana keuntungan pelabuhan-pelabuhan seperti yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1230

Bagi persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tentang soal serban, saya sebenarnya dalam undang-undang...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sikit lagi, Yang Berhormat. Saya minta laluan sedikit sebelum berpindah...

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Belum. Belum. Saya mahu menjawab Ahli Yang Berhormat Pasir Mas dahulu. Saya tidak tahu tentang penetapan undang-undang terutama sekali kepada mereka yang memakai serban ini. Pertama sekali saya memohon kepada kaum Sikh yang memakai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Serban juga, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Macamlah, macam. Nampak mereka ini boleh bebas berada di jalan raya. Saya belum dapat satu undang-undang yang mengatakan bahawa pak haji-pak haji juga dikecualikan daripada menggunakan topi keledar dengan adanya serban. Apa yang kita khuatir di sini ialah ada penyalahgunaan peraturan. Nanti saya juga boleh pakai serban dan meminta supaya tidak pakai topi keledar. Ini juga berlaku kepada kumpulan Al-Arqam dahulu. Mereka tidak memakai topi keledar, mereka mengatakan bahawa mereka menggunakan serban. Itu sebahagian daripada cara mereka untuk tidak memakai topi keledar.

Jadi, Yang Berhormat Pasir Mas, saya tidak dapat memberi jawapan yang sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya boleh jawab Yang Berhormat, tetapi kena di luarlah. Semasa berbincang mengenai soal untuk meluluskan pindaan undang-undang dahulu pada tahun 60-an, saya salah seorang daripada ahli yang memikirkan apakah cara untuk memastikan semua memakai topi keledar. Pada ketika itu

ada permintaan daripada pihak-pihak tertentu khususnya orang Sikh dan juga Tuan Haji yang meminta supaya pemakaian serban dimaafkan bagi penggunaan topi keledar. Namun penggunaan itu khususnya bagi orang Sikh, bukan kepada pak haji. Jadi, ternyata sekarang ada sedikit penyalahgunaan undang-undang yang kita laksanakan pada tahun 70-an itu. Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak balik bukan kepada soal serban tetapi kepada soal pelabuhan tadi.

Yang Berhormat, saya masih lagi merasakan ada sedikit masalah apabila pekerja-pekerja, pegawai-pegawai ataupun CEO yang menjawat jawatan dalam syarikat ataupun *government-linked company* ini. Saya ingin menarik perhatian kepada *Multimodal Freight* sekali lagi - anak syarikat ataupun subsidiari kepada KTMB yang mengendalikan urusan kargo di Padang Besar ataupun Lolo. Saya merasakan apabila mereka ini bernaung di bawah syarikat kerajaan yang kalau pun berada dalam kerugian mereka masih tidak ada masalah kerana mungkin ada *capital injection* yang akan dibuat oleh kerajaan kepada mereka kalau syarikat mengalami masalah kewangan.

Apa yang berlaku di Padang Besar, kalau kita lihat *Multimodal Freight* ini sudah diberi masa yang cukup lama untuk mengendalikan urusan Lolo ini di Padang Besar tetapi sekarang ini saya lihat *top lifter*, dengan izin, urusan peralatan atau *equipment* yang digunakan untuk urusan kargo ini masih lagi disewa kepada syarikat luar seolah-olah *Multimodal Freight* ini tidak mampu membeli sendiri.

Kalau Yang Berhormat ada kesempatan untuk melawat ke Padang Besar di kawasan Yang Berhormat Dato' Seri Azmi, cuba Yang Berhormat pergi tengok sendiri kerana ada kargo yang diletakkan di dalam semak. Kalau kita nampak dari pandangan mata kasar sekalipun ia menunjukkan bahawa sistem yang ada di negara kita seolah-olah tidak dikendalikan dengan baik dan betul yang memaparkan imej negara yang amat menyakitkan mata.

Jadi, saya pohon supaya perkara ini diambil tindakan segera oleh pihak KTMB, Pengarah Urusannya Datuk Salleh dan juga *Multimodal Freight Sdn. Bhd.* iaitu Encik Azman, tengok perkara ini betul-betul kerana dalam urusan kargo ini keuntungannya begitu besar kalau ia pandai dikendalikan dalam *business friendly* ataupun dalam urusan perniagaan yang betul dan juga berkesan seperti mana yang kita rancang. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Memang diakui bahawa ada GLC-GLC kita yang tidak begitu efisien tetapi bukan semua GLC kita tidak efisien terutama sekali dalam pelaksanaan untuk menjana ekonomi, *survival* mereka sendiri dan sebagainya.

Mengenai dengan masalah KTMB, memang saya menerima banyak aduan dan surat layang. Ini betul. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah memaklumkan kepada saya bahawa dia ada banyak maklumat yang dia peroleh daripada KTMB untuk disampaikan kepada saya dan saya minta supaya Ahli Yang Berhormat berkenaan dapat menyampaikan dengan seberapa segera yang boleh supaya kita dapat mengambil tindakan kepada mana-mana agensi di bawah Kementerian Pengangkutan yang tidak berdaya maju. CEOnya diam-diam. Mungkin mereka hanya mengharapkan suntikan daripada kerajaan. Sekarang ini bukan lagi masa untuk menerima suntikan yang banyak daripada kerajaan. Sekarang GLC-GLC ini perlu bekerja keras untuk memastikan mereka boleh *survive* dan boleh menjana ekonomi mereka sendiri.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [*Bangun*]

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Arau bahawa langkah-langkah perlu diambil dan saya akan memastikan bahawa mana-mana agensi di bawah kementerian kita yang tidak bekerja bersungguh-sungguh maka langkah-langkah akan diambil, kita panggil mereka dan kita minta taklimat dan sebagai. Insya-Allah mengenai dengan pelawaan Yang Berhormat untuk melawat Padang Besar di mana kita akan pergi melihat ke sana nanti dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh juga dapat membantu saya bersama-sama dalam lawatan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Segambut sudah empat kali bangun, hendak bagi peluang?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya sudah beri peluang beberapa kali. Saya sudah mahu habis, Yang Berhormat. Jadi, saya fikir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi ucapannya?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tidak, tidak. Ada sekeping sahaja lagi. Sikit sahaja lagi.

Tindakan juga telah diambil untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan maritim di pelabuhan Pulau Pinang seperti membina marina dan pembinaan terminal antarabangsa. Aktiviti baru ini juga dijangka turut akan membantu industri pelancongan di Pulau Pinang.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat Pontian mengenai dengan pembinaan pelabuhan tukar barang ataupun *barter trade*, dengan izin, dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membina pelabuhan tukar barang di tempat yang disebutkan iaitu di Benut.

Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang saya bangkitkan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan tanggungjawab kementerian yang sempit saya

jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab, perkara tersebut telah dicatatkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya. Sebelum saya berundur, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Bayan Baru bangun lagi, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Sebelum saya berundur saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, memang benar bahawa satu lagi PUSPAKOM sedang dibangunkan di pusat pemeriksaan di Melaka iaitu di Bandar Melaka, Bukit Katil. Ini untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Bayan Baru?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Ini bukan isu pelabuhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini penghabisan, Yang Berhormat, ya?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Ya. Saya *missed* isu tentang Suruhanjaya Pengangkutan Awam yang dirancang ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi saya ingin tahu lebih teliti, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu tentang bila dan komposisi suruhanjaya sebab dalam laporan hanya disentuh tentang pelan induk dan kita cadangkan bahawa peranan suruhanjaya sepatutnya menyeluruh termasuk operasi. Ini disebabkan bila kita bercakap tentang *integrated transport system* ini ia secara menyeluruh. Jadi, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri berhenti saya minta tolong berikan penjelasan sedikit. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan awal saya tadi bahawa Suruhanjaya Pengangkutan Awam ini masih dalam kajian di mana kerajaan telah pun mengemukakan perkara ini dalam *Mid-term Review* RMK-9 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tidak boleh menyatakan apakah *term of referency* nanti sebab ini masih dalam kajian. Kementerian saya, Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian yang lain - sebanyak 13 agensi kerajaan yang terlibat dalam soal pengangkutan ini akan bermesyuarat dan memikirkan bagaimana kita menyelesaikan masalah pertindihan kuasa dan sebagainya.

■1240

Jadi kita tidak ada faedah, kerajaan tidak ada makna menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan kalau sekiranya tidak menyelesaikan masalah tentang soal pengangkutan. Jadi untuk itu saya minta Yang Berhormat Bayan Baru bersabar dulu, bertenang kerana perkara ini akan dikemukakan di Parlimen ini. Di situ nanti Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengulas,

apakah cadangan-cadangan baru yang boleh membawa untuk menambah baik tentang soal pengangkutan di negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah penggulungan saya melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Terima kasih, Assalamualaikum WBT.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, tahniah Yang Berhormat. Hanya hampir 40 minit sahaja, cukup baik tu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Penerangan yang dijadualkan menggulung di bawah senarai nombor 21 dinaikkan ke nombor 16 untuk menggantikan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam susunan giliran menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi dengan itu Yang Berhormat saya menjemput Menteri Penerangan. Sila Yang Berhormat Menteri.

12.42 tgh.

Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keizinan yang diberikan kepada saya untuk mendahulukan jawapan saya kepada penggulungan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulai ini. Terima kasih juga kepada enam orang Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan.

Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Bachok terhadap isu yang berkaitan dengan media dan RTM. Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, saya telah memberi penekanan tentang soal berita yang perlu disiarkan di dalam RTM mestilah berdasarkan kepada nilai berita atau *news value*. Malah terdapat juga pemimpin-pemimpin dari Parti Pembangkang yang dijemput bukan sahaja untuk ditemu bual tetapi juga dalam program-program terbitan RTM seperti *Bicarawara* dan sebagainya.

Kepada Yang Berhormat Bachok atas keprihatinan beliau dalam usaha mendaulatkan Bahasa Malaysia. Kementerian sememangnya selari dengan saranan Yang Berhormat, di mana RTM 1 menyiarkan rancangan-rancangan di dalam bahasa Malaysia dan Inggeris sahaja. RTM 2 pula menggunakan bahasa asing hanya disiarkan dalam peratusan yang kecil. Bahasa-bahasa asing misalnya 1.9% dalam bahasa Indonesia dan 0.4% untuk bahasa asing lain seperti bahasa Sepanyol, Filipina, Korea, Jerman, Thailand dan lain-lain. Ia bertujuan untuk memberikan pilihan kepada penonton serta memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai nilai-nilai budaya lain yang terdapat di luar negara kita.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Pontian di mana telah membangkitkan soal penerangan yang perlu diberikan kepada rakyat berkenaan dengan dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru dan juga tentang soal yang berkaitan dengan kontrak sosial. Saya sedar bahawa ada sesetengah pihak yang sengaja menafikan faedah-

faedah yang mereka menikmati daripada dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru. Kami bagi pihak Kementerian akan menerangkan perkara ini bukan sahaja melalui penyiaran di RTM tetapi melalui penyiaran di pelbagai agensi yang ada dalam Kementerian ini supaya lebih ramai orang memahami dasar-dasar ini untuk kita hayati bersama.

Yang Berhormat Lenggong juga amat prihatin berkenaan penyebaran maklumat melalui laman-laman blog. Kementerian Penerangan juga sentiasa melakukan perjumpaan dan dialog dengan pengendali laman-laman blog dari masa ke semasa untuk mendapatkan maklum balas dan menyampaikan maklumat yang tepat kepada mereka. Bahkan di bawah Kementerian ini, RTM telah pun memberi ruang kepada *bloggers* atau pun pemblog untuk tampil dan mengemukakan pandangan mereka melalui siaran yang dinamakan Blog yang disiarkan oleh RTM 1 setiap minggu.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Machang. Kementerian Penerangan sebenarnya membawa pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi untuk menerangkan isu-isu semasa kerana ini adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan untuk mereka memahami pelbagai isu ataupun dasar yang dibuat oleh kerajaan. Tujuan sesi perjumpaan diadakan ialah bagi memberi penerangan kepada pemimpin-pemimpin ini berkenaan dengan isu seperti penstrukturan semula subsidi minyak dan lain-lain yang berkaitan.

Sesi yang bercorak interaktif ini bertujuan agar kerajaan dapat mendengar maklum balas daripada pemimpin di peringkat akar umbi agar suara rakyat dapat disalurkan terus kepada pemimpin tertinggi.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan teguran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, saranan dan teguran akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, rekod. Saya seronok juga Yang Berhormat, kerana kerja kita masih banyak Yang Berhormat jadi kita kena laksanakan. Kementerian Wilayah Persekutuan. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menggulung.

12.46 tgh.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam daripada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Beliau juga memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini kerana tidak dapat hadir sendiri untuk menggulung perbahasan Kajian Separuh Penggal bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini kerana Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sedang bercuti sakit sehingga 18 Julai 2008. Mengikuti proses rehabilitasi berikutan

jangkitan bakteria '*Cytococci*' dengan izin yang telah berjangkit di bahagian bawah tapak kaki. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan terpaksa berulang-alik ke hospital setiap hari untuk mencuci luka pembedahan di kaki beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah pun diumumkan kelmarin Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera telah membangkitkan isu kos landskap Putrajaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bendera, kos penyelenggaraan landskap di Putrajaya berjumlah RM1.46 juta sebulan atau RM17.68 juta setahun. Sejumlah 29 kontraktor landskap yang telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor atau PKK bagi projek Seri Taman telah dilantik bagi menjalankan penyelenggaraan landskap mengikut pembahagian zon penyelenggaraan meliputi hampir seluruh kawasan Putrajaya iaitu taman-taman, jalan-jalan protokol, Persiaran Perdana, Sisiran Putrajaya dan presint-presint kejiranan dan sebagainya. Luas kawasan yang terlibat ialah 90.20 km persegi iaitu lebih tepat 1,450 ekar. Skop kerja penyelenggaraan landskap di Putrajaya termasuklah kerja-kerja penyiraman, pembajaan, pemasangan, penggemburan tanah, pemotongan rumput serta kawalan serangga perosak dan penyakit.

Di samping itu, Perbadanan Putrajaya juga terlibat dalam memperbaiki struktur dan nilai Ph. tanah. Penyelenggaraan pokok kelapa sawit dan pokok getah serta kerja-kerja penggantian tanaman yang telah mati atau rosak. Putrajaya merupakan sebuah nama besar di persada antarabangsa. Aspek penjagaan landskap tidak harus diambil mudah kerana jika tidak dijaga dengan betul akhirnya akan mencacatkan pemandangannya. Kerja-kerja yang dilaksanakan ini adalah sebagai menjamin pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya sebagai sebuah kota pentadbiran dalam taman supaya sentiasa bersih dan indah serta tempat yang selesa untuk dikunjungi.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai telah membangkitkan isu kelemahan sistem pengumpulan data maklumat golongan miskin tegar.

■1250

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya menjalankan pengumpulan data keluarga miskin yang berpendapatan isi rumah RM1,500ke bawah. Sehingga Mei 2008, seramai 2,090 keluarga miskin di Wilayah Persekutuan telah mendaftarkan diri di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Pusat RAHMAT. Maklumat tersebut akan disalurkan kepada agensi yang terlibat dengan pemberian bantuan.

Sehubungan dengan itu, jika masih ada warga Kuala Lumpur yang berpendapatan kurang daripada RM1,500, mereka bolehlah mendaftar di Pusat RAHMAT, Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Sosial, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk maklumat tambahan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan bantuan kepada keluarga miskin yang berpendapatan kurang daripada RM700 dan butir-butirnya adalah seperti berikut:-

Peringkat Bantuan	Bilangan Keluarga
Orang Tua	2,782
Kanak-kanak	1,300
Am	3,189
Jumlah keseluruhan	7,271

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat Ampang turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan membangkitkan isu kualiti perumahan yang tidak ada peningkatan dari dahulu sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dakwaan Ahli Yang Berhormat berkenaan kualiti perumahan awam yang tidak ada peningkatan dari dahulu sampai sekarang adalah sama sekali tidak benar. Pembinaan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah bermula dari tahun 1956 sehingga kini dan ianya boleh dikategorikan kepada empat tahap iaitu:-

- (i) Tahun 1956 – 1981, Rumah Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Konsep perumahan ini melibatkan penyediaan unit studio, unit satu bilik dan dua bilik. Contohnya Perumahan Awam Jalan Loke Yew, Seri Selangor dan Seri Pahang;
- (ii) Mulai tahun 1982 – 1996, Rumah Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Konsep pembinaan rumah awam tahap ini adalah berdasarkan kepada penyediaan unit kediaman dua bilik dan kelulusan 500 kaki persegi. Contohnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Titiwangsa bangun.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh saya minta penjelasan sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan kualiti rumah-rumah perumahan awam ataupun PPR yang disediakan itu memang rumah rakyat.

Jadi kita dapati di situ, satu memanglah daripada segi luasnya cuma dalam 650 kaki persegi. Akan tetapi, bukan itu sahaja. Kemudahan-kemudahan awam juga sangat kurang.

Antara contoh, misalnya di Desa Rejang, Setapak. Pemindahan daripada Pekeliling di mana saya pernah bangkitkan beberapa di situ, di mana mereka begitu bersungguh-sungguh meminta kerajaan menyediakan satu rumah mayat kepada kaum bukan Islam. Bayangkan apabila ada kematian, mereka tidak boleh bawa naik ke atas mayat kerana dalam *flat*. Mereka terpaksa meninggalkan mayat di bawah dengan membina khemah-khemah sementara. Ini bukan sahaja tidak selesa bagi mereka, mungkin juga tidak selesa bagi mereka-mereka yang lain atau pihak-pihak lain yang tidak terlibat dengan kematian itu.

Begitu juga kemudahan pasar yang tidak disediakan dengan baik, sedangkan mereka telah duduk di situ beberapa tahun, pasar cuma orang kata macam gerai-gerai sahaja. Malah, orang kata peti pos pun tidak ada. Alhamdulillah baru-baru ini, saya telah berjaya mendapatkan peti pos untuk Desa Rejang yang merupakan kawasan Parlimen Setiawangsa Menteri Wilayah Persekutuan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit. Menteri, tambah sedikit.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Timbalan menteri.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Timbalan menteri, *sorry* Tuan Yang di-Pertua. Saya *since* tadi dia sebut kerana saya yang ajukan perkara ini juga, saya sokong dengan apa Yang Berhormat Titiwangsa katakan tadi kerana apa yang saya perkatakan di situ bukanlah mengenai bilik. Bilik memanglah tambah satu, dua, tetapi kalau saya ingin *go into detail, the room also has been the same size since for many, many years*. So, jadi mengikut saiz ukuran bilik pun, tidak selesa untuk rakyat Malaysia yang dikatakan negara maju ini.

Yang keduanya, apa yang saya bangkitkan dalam prasarana, infrastruktur kemudahan awam seperti apa yang telah dikatakan, cuma dari segi dewan, *parks*, taman permainan kanak-kanak, tidak ada satu *environment* yang kondusif untuk masyarakat yang berpendapatan sedemikian untuk pulang ke rumah mereka agar mendapat satu kebanggaan bahawa mereka tinggal di satu kawasan perumahan yang selesa dan mereka boleh pulang hari-hari, dengan persekitaran yang dapat membolehkan anak-anak mereka menikmati hidup sebagai warganegara Malaysia yang sepatutnya diberikan satu kualiti hidup yang lebih tinggi daripada sekarang. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Titiwangsa. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Barisan Nasional memang peka terhadap segala permintaan masyarakat umum khususnya dari segi infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas.

Peringkat pertama, kita telah menyiapkan rumah-rumah PPRT dan peringkat kedua, kementerian akan melaksanakan semua kemudahan asas termasuklah tempat-tempat letak mayat untuk menjalankan upacara pengebumian dan sebagainya. Saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur akan memastikan setiap kawasan perumahan PPRT akan dilengkapi dengan semua

keperluan asas. Kerajaan memang peka. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat dan saya cukup bangga Ahli Parlimen daripada Ampang turut prihatin terhadap kemajuan di Wilayah Persekutuan. Ini menunjukkan beliau sebagai Ahli Parlimen memang cukup prihatin untuk seluruh tanah air kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Dari segi luas, apabila tahap kedua Rumah Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 1982–1996, konsep pembinaan rumah awam tahap ini pula berdasarkan kepada penyediaan unit kediaman dua bilik dan keluasan 500 kaki persegi. Contohnya, Rumah Awam Seri Sabah, Seri Perak, Seri Kota dan Seri Tioman.

Tahap ketiga untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pembinaan rumah awam daripada tahun 1997–1998, pembinaan rumah awam tahap ini berkonsepkan unit kediaman dua bilik juga tetapi luas iaitu 560 kaki persegi. Sebelum ini 500 kaki persegi dan selepas tahun 1997, 560 kaki persegi.

Saya harap Yang Berhormat ambil kira kesesakan ataupun tiada mempunyai tanah di Wilayah Persekutuan. Contoh projek perumahan tahap ini ialah PPR Seri Pantai, PPR Seri Gombak Setia, dan PPR Jelatek. Sebanyak 5,025 unit kediaman telah dibina dalam kategori ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sekejap Yang Berhormat. *Let me finish it*, terima kasih. Tahap yang keempat, rumah MTEN tahun 1999 sehingga sekarang. Projek Perumahan Rakyat MTEN yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara, unit kediaman tiga bilik. Contohnya, PPR Raya Permai, PPR Perkasa dan PPR Laksamana. Sebanyak 29,268 unit telah dibina di bawah kategori ini dan sejumlah 5,660 unit lagi akan disiapkan pada tahun ini.

Selain daripada itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah merancang dan akan menyediakan kemudahan awam di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan kemudahan-kemudahan prasarana awam seperti penyediaan surau, dewan serba guna, kedai, gerai, pusat warga emas dan tadika yang dahulunya tidak disediakan turut dimasukkan dalam rancangan pembangunan PPR. Dengan penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut, para penghuni PPR di Kuala Lumpur akan dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih selesa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana satu Yang Berhormat, yang mana satu?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak tanya ini, rumah awam yang dibina untuk masyarakat di sana, adakah rumah-rumah awam ini akan dijual kepada mereka? Saya juga difahamkan ada banyak pemohon yang tidak mendapat rumah. Ada pilih kasih dalam pemberian sewa rumah-rumah itu dan macam mana ia dapat diatasi?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, / kurang pasti sama ada Yang Berhormat menyoal ataupun membuat satu kenyataan bahawa Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur memilih kasih. Sebagai kerajaan yang prihatin, kita tidak pernah memilih kasih bila-bila masa. Setiap warga kota tidak kira sama ada mereka menyokong kerajaan atau tidak menyokong kerajaan, kita memberi pandangan yang sama dan kerajaan dalam usaha untuk menjual terus kepada penghuni-penghuni.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Mana satu Yang Berhormat hendak bagi? Yang Berhormat Kepongkah atau Titiwangsa?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat Kepong dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kepong dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Titiwangsa sudah satu kali tadi. Sila, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang saya nampak dengan MTEN, PPR ada mewujudkan skim perumahan yang terbaik. Dia ada tiga bilik dan sebagainya, cantik juga kadangkalanya.

Akan tetapi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, projek-projek perumahan di Wilayah Persekutuan seperti di Presint 11 di Putrajaya terbengkalai dan juga projek di Labuan pun satu projek perumahan, Sierra Estate di Jalan Ranca-Ranca pun terbengkalai. Ini tidak termasuklah ada sepuluh projek terbengkalai di Kuala Lumpur. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam 8 tahun kebelakangan ini, pihak kerajaan sudah memperuntukkan RM12.6 bilion untuk projek-projek ini dan sepuluh terbengkalai termasuk dua iaitu projek perumahan.

Bagaimanakah pihak kementerian dapat mengatasi masalah-masalah projek terbengkalai ini kerana Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sudah menubuhkan dua jawatankuasa, kalau tidak silap saya. Jawatankuasa Pemandu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkaskan Yang Berhormat, ringkaskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ringkaskan. Memang ringkas. Jawatankuasa Pemandu Menangani Masalah Projek Terbengkalai dan Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Projek Terbengkalai. Saya pun tidak faham, mengapa kita perlu ada dua jawatankuasa untuk mengatasi masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masa kita telah tamat. Buatlah jawapan yang terperinci dengan Yang Berhormat Kepong kerana jam pukul 1.01 Yang Berhormat. Kita berhenti dahulu di

sini. Kita tangguhkan persidangan hingga pukul 2.30 petang nanti. Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menyambung jawapan. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, kita belum cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu. Setiausaha. Perlahan-lahan, cukup. Kita jimat *energy*, loceng itu memerlukan *energy*. Sila Menteri Wilayah sambung perbahasan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ahli Parlimen Kepong telah membangkitkan isu mengenai projek-projek terbengkalai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, bilangan bagi projek yang telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari tahun 2000 hingga Mei 2008 ialah 398 projek dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM4445 juta.

Bagi Wilayah Persekutuan, Putrajaya pula sebanyak 139 projek telah dan sedang dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya dengan jumlah perbelanjaan RM7631.53 juta. Bagi tempoh yang sama sebanyak 195 projek telah dilaksanakan oleh Wilayah Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga tiada projek yang dilaksanakan DBKL dan Kerajaan Pusat berada dalam keadaan terbengkalai.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Namun begitu, sehingga April 2008, terdapat 10 buah projek daripada jumlah 38 projek swasta yang dikenal pasti masih lagi terbengkalai di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua Ahli Yang Berhormat berdiri, kasi laluan atau tidak. Mana satu, Yang Berhormat Titiwangsa ataupun Yang Berhormat Kepong.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsa

Datuk Saravanan a/l Murugan: Bagi Yang Berhormat Kepong.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, bagi Yang Berhormat Kepong. Sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang saya pun mengambil perhatian mengenai angka yang diberi tadi tetapi itulah untuk Wilayah Persekutuan ini termasuk Labuan dan Putrajaya ini kita tahu di dalam lapan tahun yang telah pun disebutkan tadi ialah berjumlah RM12.6 bilion peruntukannya untuk projek-projek dan saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji kerana satu projek swasta yang masih terbengkalai iaitu di Presint 11 yang melibatkan 259 unit kediaman dan 12 unit kedai pejabat. Manakala di Labuan ada satu lagi

yang juga dalam keadaan terbengkalai projek perumahan Sierra Estate di Jalan Ranca-Ranca kerana ia terlalu lancaria terbengkalai, itulah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya hendak bercakap sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jangkauan saya akan bangun berulang-kali, harap dapat sentiasa diberi laluan. Saya pun hairanlah Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun saya pujilah Yang Berhormat Timbalan Menteri turun bersama-sama dengan rakyat bergotong-royong di Chow Kit termasuklah dengan Ahli Parlimen Titiwangsa tetapi bagaimana Yang Berhormat Menteri kata tidak ada projek kerajaan yang terbengkalai sedangkan di kawasan saya sahaja, Datuk Keramat, Titiwangsa masih ada dua lagi projek yang terbengkalai yang sudah bertahun-tahun.

Pertama ialah Dewan Orang Ramai Datuk Keramat, yang keduanya Taman Tasik Datuk Keramat. Kecil sahaja taman itu tetapi terbengkalai bertahun-tahun. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri kena turun juga ke padang malah ada satu lagi projek terbengkalai sejak Titiwangsa dimenangi oleh Pakatan Rakyat baru berjalan iaitu Pasar Moden Datuk Keramat di mana alhamdulillah hampir 80, 90% siap. Cuma ada satu perkara masalah di situ di mana peniaga-peniaga ikan dan ayam tidak mahu berpindah ke situ kerana tempat yang disediakan untuk mereka itu, tempat jualannya di sini, tempat penyediaannya di sana.

Jadi bayangkan macam mana orang meniaga ikan ini hendak potong di sana, lari ke sini timbang dan sebagainya, jadi tidak logik. Jadi bolehkah agaknya di sini timbalan menteri memberi akuan supaya boleh turun ke Pasar Datuk Keramat dan lihat masalah ini dan mungkin insya-Allah boleh diperbetulkan sementara masih lagi dalam pembinaan. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Mahu kasi laluan juga Yang Berhormat ini? Okey, sila.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai dengan projek terbengkalai ini, di Wangsa Maju di Seksyen 2, ada masjid yang sudah siap saya rasa tetapi masih terbengkalai oleh kerana tiada pembukaan dan juga tidak digunakan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kenapakah projek masjid yang baru ini sudah siap tetapi bertahun sudah saya rasa tidak dibuka dan tidak digunakan. Terima kasih.

Saya juga hendak menyatakan kami di sini merasa sedih mendengar berita Menteri Wilayah sakit dan kita harap beliau akan *recover* dengan cepat dan saya ada banyak soalan untuk bahagian menteri tetapi saya tidak akan tanyakan pada hari inilah. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang dikatakan tadi, setiap semua projek di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dilaksanakan dengan sempurna. Apabila ada projek-projek swasta yang terbengkalai di mana bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah

Persekutuan. Mengenai projek perumahan secara estet di Jalan Ranca-Ranca di Labuan, antara sebab projek-projek ini terbengkalai ialah pemaju mempunyai masalah kewangan, pemaju mempunyai masalah dengan rakan usaha sama atau pemaju mencari rakan usaha sama yang baru, masalah lokasi yang tidak sesuai, pinjaman bank yang masih tertangguh, projek masih dalam kes mahkamah oleh kontraktor terdahulu dan sepertinya.

Jadi inilah salah satu sebab di mana projek-projek swasta terbengkalai. Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menubuhkan dua buah jawatankuasa bagi menangani masalah serta isu yang berkaitan dengan projek terbengkalai.

■ 1440

Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah, Jawatankuasa Pemandu Menangani Masalah Projek Terbengkalai di Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Projek Terbengkalai di Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

Peruntukan undang-undang yang boleh digunakan ialah di bawah *Housing Development Act* dengan izin, iaitu di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi projek-projek yang mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah satu pihak di dalam perjanjian projek berkenaan, peruntukan mengenai kemungkinan ianya di pihak pemaju dimasukkan di bawah perjanjian selain dari peruntukan mengenai penamatan perjanjian. Apabila berlaku kemungkinan terma-terma dan syarat-syarat perjanjian seperti kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan dan dipersetujui bersama.

Isu yang mengenai pasar. Pasar di Parlimen Titiwangsa, kenyataan Ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen Titiwangsa bahawa selepas PKR menang dan dapat dilaksanakan adalah tidak benar. Sebenarnya kita melaksanakan semua projek secara berperingkat dan Jawatankuasa Kementerian Wilayah Persekutuan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Wilayah Persekutuan *Action Force* untuk memperkasakan dan menaiktarafkan semua pasar-pasar di seluruh Wilayah Persekutuan.

Isu daripada Ahli Parlimen Wangsa Maju, projek terbengkalai dan projek yang telah disiapkan, belum dirasmikan adalah jauh berbeza Yang Berhormat. Kadang-kadang isu masjid ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Kebetulannya di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam. Walau bagaimanapun Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengkaji dan menyiasat apakah punca dan akan mengambil tindakan serta-merta. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, nanti dahulu. Mana satu yang mahu kasi.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat Padang Serai dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Ini kita melihat di kawasan bandar raya Kuala Lumpur, terdapat banyak rumah setinggan dan juga peniaga-peniaga yang berniaga di kedai-kedai yang kononnya kedai-kedai setinggan ataupun haram. Jadi, kenapakah Dewan Bandaraya tidak mahu mengambil langkah-langkah supaya mereka-mereka yang berniaga ataupun menduduki kawasan-kawasan itu yang dipanggil setinggan, walaupun mereka duduk berpuluh-puluh tahun.

Kenapa dewan bandar raya tidak mahu ambil langkah-langkah supaya kawasan-kawasan itu dibangunkan oleh mereka sendiri dan tanah-tanah itu bukan diberi kepada syarikat-syarikat yang datang dari tempat lain untuk mengambil alih tanah-tanah dan membangunkan untuk mengaut keuntungan? Kenapa dewan bandar raya tidak mahu memberi peluang kepada pemilik-pemilik rumah setinggan itu sendiri atau pemilik-pemilik kedai-kedai setinggan itu?

Kebiasaannya saya melihat bahawa dewan bandar raya hanya memberi keuntungan untuk mereka-mereka dari kawasan luar dari situ membangunkan kawasan itu, dewan bandar raya akan pergi merobohkan rumah-rumah itu untuk memberi keuntungan kepada mereka-mereka yang datang dari luar itu. Mengapa dewan bandar raya tidak mahu ambil langkah-langkah untuk memberikan milikan tanah itu. Kalau kawasan itu tidak boleh dibina rumah, perlu dibangunkan dengan pembangunan komersial, mengapa tidak orang-orang yang mempunyai rumah setinggan itu dilibatkan sebagai pembangun pembangunan itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, kalau soalan satu atau dua perkataan mudah hendak jawab. Susah saya hendak jawab apabila Ahli-ahli Parlimen berbahas dengan alasan menyoal. Tuan Yang di-Pertua, kita selaras dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan, untuk melahirkan satu ibu kota yang bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2020.

Penempatan semula atau mengosongkan kawasan-kawasan setinggan adalah untuk memberi laluan projek-projek kemajuan. Kerajaan dalam hasrat untuk melahirkan Kuala Lumpur tanpa sifar setinggan, *before by 2008* dengan izin. Maka mengosongkan setinggan-setinggan adalah selaras dengan hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan. So, dari segi memberi projek kepada orang-orang dari luar. Tidak faham maksud Ahli Yang Berhormat Padang serai. Sama ada beliau kata kita perlu beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Selangor, Perak, Penang atau mana-mana. Saya kurang jelas. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengambil kira semua fakta-fakta untuk memberi peluang untuk penduduk Wilayah Persekutuan untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan di seluruh Wilayah Persekutuan walaupun kita dalam usaha mengosongkan kawasan-kawasan setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai berdiri lagi. Kalau dia nanti diberi peluang, dia bawa berbahas lagi. *[Ketawa]* Terpulang kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat saya tanya satu soalan. Memang saya berbahas demi kepentingan rakyat. Saya tidak berpolitik, saya tidak sangkut paut Pakatan Rakyat Selangor ke, Perak ke, Kedah ke, Penang ke? Tidak! Kalau Yang Berhormat Menteri ada hati mahu bantu rakyat, tolonglah buat kerja. Jangan politikkan ini semua.

Kita tidak datang untuk berpolitik dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai, terima kasih.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Dan jangan pergi pelancong.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat Segambut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya mengenai projek terbengkalai. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut ada jawatankuasa-jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyelesaikan projek-projek sebegitu.

Soalan saya, bilakah jawatankuasa-jawatankuasa itu ditubuhkan dan sehingga kini, berapa projek terbengkalai telah diselesaikan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Padang Serai. Pihak kami tidaklah berhasrat hendak berpolitik dalam Dewan yang mulia ini. Kita memang ada tanggungjawab tersendiri melaksanakan projek-projek demi kebaikan masyarakat umum.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat daripada.

Tuan Yang di-Pertua: Segambut.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Segambut. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan dalam tempoh masa dua bulan ini dan sekarang kita dalam proses mengkaji dan menyiasat apakah punca projek-projek ini terbengkalai. Ini melibatkan syarikat-syarikat swasta. Maka, untuk melaksanakan ataupun mengambil tindakan, memakan masa yang begitu banyak, bukan mudah. Saya beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa semua projek-projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan, kita akan ambil tindakan sekadar segera. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong berdiri.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat ada perbezaan di antara perkataan terlewat dan terbengkalai dan pihak kementerian itu memang keliru sedikit dengan apa yang tertunda, terlewat dan terbengkalai. Ini masalah kita, masalah kita. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat mengkaji semula apakah perkataan yang hendak kita gunakan dan sambil mengatakan tidak ada apa yang terbengkalai di kawasan saya.

Ada Projek Litar Antarabangsa untuk kereta kenderaan *remote control*. Antarabangsa bukan main tetapi pembinaan itu tidak bertaraf antarabangsa. Kalau terlewat, bukan terlewat, kita bukan dapat jawapan. Kita tanya apakah masalah dengan litar untuk kereta kecil kita ini. Bukan *Formula One* pun.

Seorang Ahli: Soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Soalan banyak. Apakah yang terjadi dengan projek ini sekarang ini. Berapa bulan lagi yang diperlukan dan kosnya, jumlah perbelanjaan? Itu penting, itu penting dan saya pun hairan juga, kalau kita berpuluh bilion ringgit yang diperuntukkan untuk projek-projek di Wilayah Persekutuan hanya dua bulan sahaja kita wujudkan dua jawatankuasa.

Mengapa kita hendak dua jawatankuasa untuk projek-projek terbengkalai. Satu tidak cukup, hendak dua. Jadi, ini saya pun kurang faham. Mungkin ada sebab musabab yang tertentu.

■1450

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kata projek-projek terbengkalai, ertinya projek tak ada pergerakan untuk beberapa tahun. Itu kalau projek terbengkalai. Projek-projek terlewat maksudnya apabila kita telah menawarkan projek dan tiba-tiba ada kenaikan harga besi, bahan-bahan mentah dan kontraktor sendiri memohon, merayu kepada kementerian untuk menambahkan jumlah kontrak dan ini bererti projek terlewat dalam masa perbincangan dan kita perlukan dua jawatankuasa. Satu untuk mengendalikan projek-projek terbengkalai yang diuruskan oleh pihak swasta.

Yang kedua, untuk mengendalikan projek-projek yang diberi oleh kerajaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan telah menghadapi masalah, kerana kenaikan harga barang-barang mentah, harga kontrak naik dan harga kenaikan minyak dan sebagainya. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, terima kasih ke atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dan Kementerian Wilayah Persekutuan memberi jaminan kepada semua penduduk Wilayah Persekutuan, bahawa kita akan melaksanakan semua projek yang terlewat dengan kadar segera.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Subang mahu minta laluan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan tentang dasar perumahan, kerana ini ada berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi laluan. Soalan saya adalah berkenaan dengan dasar perumahan yang sekarang dikendalikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Soalan saya khususnya adalah berkaitan dengan satu kawasan di Kuala Lumpur yang bernama Kampung Pandan *Indian Settlement*, dengan izin. Ini adalah satu

kawasan yang boleh dikatakan adalah satu perkampungan tradisional dan saya ingin tanya di sini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pendekatan kementerian kepada kawasan-kawasan perkampungan tradisional? Adakah betul dasar sekarang di mana kementerian dan Dewan Bandaraya ingin mengekalkan perkampungan Melayu di Kuala Lumpur dan apakah kawasan-kawasan itu?

Saya difahamkan juga kawasan ini, Kampung Pandan *Indian Settlement* ini Tuan Yang di-Pertua, telah digazetkan, telah diwartakan sebagai satu perkampungan tradisional sudah lama, beberapa dekad dulu. Adakah itu betul dan sekiranya itu betul, kenapakah baru-baru ini Dewan Bandaraya telah mengambil tindakan untuk meroboh rumah-rumah di kawasan itu yang melibatkan hampir 270 keluarga. Kebanyakan adalah daripada kaum India dan apakah sebab tindakan yang begitu zalim itu dilakukan? Perobohan belum dibuat, saya ingin memperjelaskan tapi ditangguhkan dan kita ucap terima kasih kerana ia ditangguhkan, jadi bahaya itu masih ada dan hidup mereka masih dalam bahaya yang cukup teruk. Jadi, tindakan macam ini memberi satu gambaran yang di mana kita melihat tidak ada dasar yang jelas. Sepatutnya kawasan yang begitu lama di mana keluarga itu sudah menduduki kawasan itu 50 tahun-60 tahun. Kedudukan mereka patut dikekalkan di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, soalan. Sudah soal itu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kalau dibangunkan, mesti mereka yang diberikan keutamaan di sana. Jadi saya minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Beginilah kalau beri kelonggaran terlampau longgar. Perkara-perkara baru pun dibenarkan timbul. Tidak apa kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Sila.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kampung Pandan *Indian Settlement* adalah merupakan sebuah perkampungan setinggan yang terletak di sebahagian atas tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagian lagi di atas tanah kerajaan. Berdasarkan bancian yang telah dijalankan pada 4 Disember 2006, terdapat 250 keluarga setinggan yang menduduki kampung ini. Daripada segi dasar kerajaan, Kementerian Wilayah Persekutuan dalam proses untuk melahirkan satu ibu kota tanpa setinggan menjelang tahun 2008 dan selaras dengan dasar kami, kita telah keluarkan notis untuk semua kawasan setinggan di seluruh Wilayah Persekutuan.

Walau bagaimanapun saya tidak menafikan bahawa Kampung Pandan *Indian Settlement* merupakan satu Kampung *Indian Settlement* yang unggul di Wilayah Persekutuan, yang telah dibina dan diduduki oleh masyarakat India sebelum kemerdekaan. Ia telah diberikan kepada mereka sebelum kemerdekaan. Walau bagaimanapun baru-baru ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memberi rumah PPRT kepada mereka dan dalam proses pemindahan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Datuk Saravanan a/l Murugan:Dan walau bagaimanapun mereka telah membuat rayuan kepada kementerian dan kini perkara ini telah disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk membuat keputusan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji sama ada kita boleh membenarkan mereka untuk membina semula rumah di sana dan kekalkan kawasan itu sebagai kawasan *Indian settlement*. Jawatankuasa Perumahan Wilayah Persekutuan akan buat keputusan pada masa yang terdekat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ampang ialah penilaian terhadap kesesuaian pembangunan di kawasan padat penduduk. Antara prinsip asas pembangunan di Kuala Lumpur adalah untuk mencapai pembangunan seimbang di seluruh bandar raya dan melihat semula pusat bandar dan kawasan pertumbuhan baru dan meningkatkan nilai kemudahan masyarakat, membaiki tahap kemudahsampaian dan mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Pelbagai prinsip perancangan telah diguna untuk mencapai kesesuaian sesuatu pembangunan serta mengambil kira faktor kesesakan lalu lintas iaitu membentuk infrastruktur pengangkutan yang komprehensif, meningkatkan penggunaan pengangkutan awam untuk mencapai 'pisah ragam' *model split* 60-40, dengan izin dan memanjangkan liputan rangkaian rel.

Yang kedua, mewujudkan *cluster* atau presint khas untuk perniagaan, kewangan, pendidikan, pelancongan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai sama Yang Berhormat Kepong. Kalau Yang Berhormat tidak mahu beri laluan, bagi tahu tidak mahu beri laluan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, dia teruskan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Menetapkan zon perancangan transit di mana guna tanah campur kediaman berdensiti tinggi serta perdagangan berinsentif tinggi digalakkan dibina berdekatan dengan stesen transit.

Yang keempat, membenarkan jenis guna tanah bercampur seperti kediaman, runcit, pejabat dan perdagangan untuk saling melengkapi. Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen dari Seputeh, isu bantahan penggunaan caj tempat letak kereta di Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, pelaksanaan sistem tempat letak kereta elektronik dengan izin, *pay and display* oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah bagi menggantikan kaedah lama, iaitu sistem tempat letak kereta bermeter berjumlah 72,232 petak. Pelaksanaannya dilakukan secara berperingkat mulai 15 Jun 2008, iaitu termasuk kawasan pusat perniagaan dalam kawasan perumahan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Kadar caj meletak kenderaan yang dikenakan bagi pusat bandar ialah 80 sen sejam, manakala di luar pusat bandar ialah 50 sen sejam. Ingin ditegaskan di sini bahawa tiada sebarang kenaikan pada caj tempat letak kereta, tiada sebarang kenaikan. Semasa menggunakan sistem bermeter, caj yang dikenakan ialah 10 sen bagi setiap 7.5 minit iaitu 80 sen bagi setiap jam.

Tuan Yang di-Pertua: Empat orang minta laluan. Yang Berhormat Segambut, Kepong, Batu, Seputeh. Kalau mahu beri bagi tahu, kalau tidak, teruskan. Kalau mahu beri, beri tahu yang mana dulu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Bagi Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh? Sila Yang Berhormat Seputeh. Yang lain duduk dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagaimana yang diketahui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang penduduk di Kuala Lumpur, kita sebagai wakil rakyat di sini tiap-tiap hari terima SMS kompelin daripada rakyat tentang peletakan *auto pay machine* itu, dan saya baru sahaja terima satu SMS di Kuchai Lama, minta saya bila ada masa pergi buat tunjuk perasaan. Sebenarnya bukan kami suka pergi buat tunjuk perasaan. Peletakan meter ini memang menyusahkan rakyat. Baru kita ada kenaikan harga petrol 42%, sekarang pergi letak *auto pay machine* minta semua orang bayar. Kalau tak bayar mereka akan dikenakan denda RM300.

Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional ada perikemanusiaanah? Mereka punya dompet sudah pun dikecilkan kerana kenaikan harga minyak. Saya rasa tolonglah DBKL, kalau nak laksanakan pun, biarlah sistem pengangkutan kita ditambah baik dulu baru kita menggunakan cara seperti ini untuk mengurangkan kereta awam masuk ke bandar, tetapi sekarang semua pun tak ada. Rapid KL banyak tempat tak pergi. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada masa, kita sama-sama tunggu bas tengok berapa jam bas baru sampai, baru kita pergi ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Seputeh, dia fahamlah itu. Panjang sudah itu Yang Berhormat Seputeh. Sila timbalan menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya rasa dasar DBKL ini amat tidak munasabah. Jadi...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]* Yang Berhormat Timbalan Menteri lama tak ada naik bas.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1500

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Padang Serai naik basikallah... *[Beberapa ahli ketawa]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, isu yang sama.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bila harga minyak naik, tidak ada duit mahu taruk minyak saya memang akan naik basikal.

Tuan Yang di-Pertua: Mulalah ini, mulalah ini.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Padang Serai.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dah mula dah, dah mula ni.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, mulai, mula dah.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu yang sama fasal pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segambut, sila.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, ini fasal isu sistem pengangkutan di Kuala Lumpur. Itu draf KL Bandar raya 2020 pelan ini tidak sentuh langsung kepada sistem pengangkutan kargo *flex system*. Tolong jelaskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak menaikkan harga *charge* letak kereta. Kita cuma mengemaskinikan cara pengutipan. Itu saja. Ahli Yang Berhormat, tujuan kita memasang meter letak kereta untuk memastikan semua orang mengikut undang-undang yang sedia ada. Sebelum ini kita kenakan kompaun RM30 tidak ada orang ikut peraturan yang sedia ada. Inilah salah satu sebab kenapa kesesakan lalu lintas bertambah di Kuala Lumpur. Kerajaan sedar kenaikan harga minyak sebab itu kita tidak menaikkan *charge* letak kereta. Akan tetapi apabila kita memasang meter letak kereta, itu mengikut dengan peraturan-peraturan sedia ada. Apa Yang Berhormat nak? *You need a law less state* dengan izin?

Seorang Ahli: *No, no.*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang mana di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak betullah Tuan Yang di-Pertua. Di mana tempat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini sudah berdialog ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Banyak tempat, banyak tempat di kawasan saya memang ada petak letak kereta tetapi tidak ada meter. Tidak perlu bayar punya. Sekarang mereka pergi letak meter di mana-mana tempat yang memaksa orang bayar.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Kalau kementerian memasang meter...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kalau menteri menjawab duduk dulu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Duduk, duduk. Yang Berhormat, tolong duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak elok nanti nampak kalau yang lain berdiri. Sila, sila.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau Kementerian Wilayah Persekutuan memasang meter letak kereta bukan di kawasan perniagaan, maka saya minta Yang Berhormat Ahli Parlimen terus tulis kepada saya. Saya akan mengambil tindakan.

Kita sekarang memasang meter letak kereta di kawasan-kawasan perniagaan. Kawasan perniagaan memang digalakkan memasang meter meletak kereta. Apa salahnya? Tidak ada apa salah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Itu yang saya nak cakap ini Tuan Yang di-Pertua kalau boleh bagi laluan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya nak teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Boleh, boleh minta laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat duduk dulu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Duduk dulu. Apabila Tuan Yang di-Pertua tanya saya, kalau saya kata okey baru bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Lulus. Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu duduk dulu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tolong duduk... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk dulu. Duduk dulu... [Dewan riuh] [Ketawa]

Saya ada *mood* untuk kasi kelonggaran tetapi jangan terlampau, jangan terlampau ambil kesempatan kepada *mood* saya yang baik pada hari ini. Mana satu? Yang Berhormat Batu. Lepas Yang Berhormat Batu *proceed* lah Ahli Yang Berhormat. Sudah banyak isu yang telah ditimbulkan sebelum ini.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Okey, okey. Saya nak letakkan soalan ini, *I put the question the other way*, dengan izin. Setahu kita, banyak tempat-tempat ini sebelum ini tidak ada *parking* meter dan tidak pernah di saman. So, sekarang ini saya tidak mahu cabar dan bahas dalam isu ini tetapi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan kepada di mana-mana tempat dengan berapa unit kotak yang telah diadakan sebelum ini, sebelum meter ini tidak ada *charge*. Beri satu gambaran yang jelas seluruh Kuala Lumpur di mana *extra parking space* yang telah ditambah yang sebelum ini tidak ada. Kita juga perlu alasan kenapa tempat-tempat ini diletakkan dengan meter? Adakah ini untuk mengurangkan trafik, *traffic jam* atau ini untuk menambah keuntungan untuk DBKL?

Kita harus dapatkan satu penjelasan. Kalau tidak rakyat akan rasa ini satu lagi langkah untuk menambah beban kepada mereka. Bukan saja kita sebut tentang orang awam tetapi

banyak peniaga-peniaga dalam keadaan sekarang tekanan *business* ini sangat berat. So, kita kena fikir tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Cukuplah itu Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: So, saya harap dapatkan satu gambaran yang jelas di mana tempat itu telah ditambah dan juga tempat yang telah *extend hour of collection*. Dia dulu ini sampai pukul 4.30 atau 5.00, sekarang ada yang sampai pukul 8. So kita perlukan satu data yang lengkap dari pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab ini ada lagi Yang Berhormat yang belum jelas.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya betul-betul tertarik dengan kesopanan Ahli Yang Berhormat daripada Batu... [*Beberapa ahli ketawa*] Bukan macam Ahli Parlimen Seputeh nak menunjuk perasaan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Jangan lagakan...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, tujuan atau matlamat kita memasang meter di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan khususnya kawasan-kawasan peniaga adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Yang kedua, waktu untuk meter-meter *dichargekan* adalah daripada pukul 7.30 pagi hingga pukul 6 sahaja. Saya tidak pasti kenapa ada beberapa kekeliruan di Wilayah Persekutuan di mana kita tetap dengan pendirian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di mana kita *charge* daripada pagi pukul 7.30 sehingga pukul 6 saja. Itu saja.

Walaupun bagaimanapun...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi Yang Berhormat, bagi kawasan yang tidak ada bas, bagaimana kita pergi kerja?

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, belum pun dia kasi jemput untuk...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat, ikutlah peraturan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Harga petrol naik, *parking* pun terpaksa kita bayar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh, duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, apa pun Yang Berhormat bangkitkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri punya kedudukan begitu juga. Jadi mesej itu sudah pun diterima. Kita faham bahawa pada ketika di mana sekarang ini harga minyak naik, semua masyarakat rasa beban itu. Jelas?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua pun setuju saya ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dia pun jawab. Ini dia pun ada juga dia punya dasar. Siapa pun *complain* fasal kesesakan jalan raya. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Teruskan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap selepas ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menyoal, minta keizinan dulu. Janganlah terus bangun. Kalau Ahli Parlimen penggal pertama buat tidak apa. Yang Berhormat sudah berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat Timbalan Menteri. Biar saya yang buat *ruling* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu kerja saya. Nanti saya tiada kerja...
[Dewan riuh] [Ketawa]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Cuma saya membantu saja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K. Devamany a/l S. Krishnasamy]: Timbalan Yang di-Pertua baru... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Sila teruskan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sudi juga.

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: [Bangun]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Belum sampai giliran MIC... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, isu bantahan mengenai *charge* tempat letak kereta. Ingin saya menegaskan di bawah tiada sebarang kenaikan pada *charge* tempat letak kereta semasa menggunakan sistem bermeter. *Charge* yang digunakan ialah 10 sen bagi 7.5 minit iaitu 80 sen bagi setiap jam. Oleh itu tidak berlaku perbezaan jumlah *charge* dalam sistem lama dan sistem baru. Waktu operasi pula dikekalkan dari jam 7.30 pagi hingga 6 petang pada hari Isnin hingga Sabtu manakala hari Ahad dan cuti umum dikecualikan dari sebarang bayaran.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga mengambil tindakan bagi memperbetulkan kesilapan maklumat berkenaan memberitahu kutipan *charge* yang berlaku di Jalan Kuchai Maju 1...

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: [Bangun]

Tuan M. Monagaran [Telok Intan]: [Bangun]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Seputeh juga telah membangkitkan isu pembinaan pondok perhentian bas dan teksi di Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pembinaan perhentian bas dan teksi Kuala Lumpur adalah merupakan skim penajaan di mana pihak kementerian Wilayah Persekutuan tidak mengeluarkan sebarang kos untuk membina dan menyelenggara pondok perhentian terbabit bagi tempoh lima belas tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga orang berdiri. Yang Berhormat Labuan, Padang Serai dan Telok Intan.

Tuan M. Monagaran [Telok Intan]: Sini, sini.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Bagi laluan kepada Yang Berhormat Labuan. Yang Berhormat Labuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Labuan, sila.

Datuk Haji Yussof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk Labuan, kita tidaklah begitu mempertikaikan tentang masalah-masalah *parking* dan sebagainya kerana kelihatannya di Labuan masalah *parking* sudah hampir selesai walaupun ada sedikit sebanyak ada masalahlah. Cuma saya akan bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada tahun yang sudah, Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun berunding dengan kerajaan negeri Sabah tentang masalah kita punya marin *transportation*, dengan izin antara Labuan dan Menumbok iaitu pengangkutan feri kenderaan yang mana sistem monopoli masih dikekalkan di situ.

Apakah keputusan ataupun hasil daripada perundingan tersebut yang mana di rasakan perundingannya itu sampai saat ini tidak ada perkembangan dan apakah langkah-langkah yang seterusnya untuk kementerian meng *upgrade* ataupun menyelesaikan masalah sistem pengangkutan laut antara Labuan dan Menumbok. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1510

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Isu tersebut adalah di bawah bidang kuasa Jemaah Menteri dan kita perlukan kelulusan dari segi dasar. Maka isu ini masih dalam perbincangan dan saya pastikan kita mempercepatkan isu tersebut, terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [*Bangun*]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, dan seterusnya soalan daripada Ahli Yang Berhormat Seputeh dan juga Ahli Yang Berhormat Titiwangsa telah membangkitkan isu...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu dua Ahli Yang Berhormat. Dia sudah nampak. Umpamanya kalau dia sudah...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Telok Intan.

Tuan Yang di-Pertua: Mana?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Telok Intan.

Tuan Yang di-Pertua: Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ada *mood* sekarang, jadi ada peluang. Yang Berhormat soalan saya tadi mengenai tempat letak kereta. Saya difahamkan di *City Centre* ada tempat letak kereta yang telah bermula caj pada hari minggu dan sampai 10 malam. Adakah ini benar dan bagaimana ini terjadi dan penjelasan yang saya

perlu lagi adalah tempat-tempat letak kereta di *open spaces*, dengan izin, adakah ini diberi secara tender umum atau cara lain dan di Hospital Besar Kuala Lumpur, dikenakan caj tempat letak kereta. Kenapa DBKL caj tempat letak kereta di sana. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya nyatakan tadi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan caj untuk tempat letak kereta pada hari Isnin hingga Sabtu sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan hari Jumaat meh?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tolonglah, apa ini? Ini Parlimen Ahli Yang Berhormat.
[Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tengok, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun membuat kesilapan. Isnin sampai Jumaat.

Tuan S.K. Devamany: Duduklah ikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Seputeh, Seputeh

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Exco pun tidak faham peraturan ke?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hali Jumaat! *[Ketawa]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Padang Serai. Padang Serai duduklah.

Tuan S.K. Devamany: Duduklah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh cakap?

Beberapa Ahli: Tidak boleh cakap, duduk. Duduklah. Tidak faham bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah menteri?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tidak, tidak. Sudah hendak habis sudah. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mencaj untuk tempat letak kereta pada hari Isnin hingga Sabtu sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mencilah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi laluan sama Padang Serai, sekali lagi.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Dipersilakan.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu menteri jawab.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga kali dia sudah berdiri.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi laluan. Ini kawan lama saya, pilih kasih tidak apa. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, di Bandaraya Kuala Lumpur, kawasan-kawasan persekitaran Dewan Bandaraya ada beribu-ribu tempat letak kereta. Kebanyakan tempat-tempat letak kereta besar ini hanya

diselenggarakan oleh syarikat-syarikat besar, dimonopoli oleh beberapa syarikat sahaja. Memandangkan di kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ramai yang memiliki syarikat-syarikat kecil dan ramai penganggur, apakah Dewan Bandaraya boleh mengambil langkah-langkah supaya memberi peluang kepada mereka-mereka yang mahu menceburkan diri dalam perniagaan ini tanpa memilih kasih terhadap syarikat-syarikat besar.

Berilah peluang kepada syarikat-syarikat kecil ini supaya mereka juga boleh mengendalikan kawasan-kawasan tempat letak kereta di mana dengan ini boleh memberikan nafkah kepada beberapa orang penganggur ini. Sebab saya melihat kebanyakan kawasan tempat letak kereta di Kuala Lumpur dimonopoli oleh beberapa syarikat sahaja. Itu sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Telok Intan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan caj mulai hari Isnin sehingga Sabtu sahaja, bukan hari Ahad. Kedua, beberapa kawasan di Wilayah Persekutuan dikendalikan oleh syarikat swasta, mungkin mereka yang mengenakan caj, bukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ketiga, mengenai kadar tempat letak kereta di Hospital Besar Kuala Lumpur, bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, tetapi di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Seterusnya mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Padang Serai, semua tempat letak kereta ditawarkan kepada syarikat melalui sistem *open tender*, dengan izin. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan sama sekali kita tidak pilih, kita tidak kasih. Pilih pun tidak ada kasih pun *tidak ada*. [Ketawa]

Maka sekiranya kalau ada peluang untuk pilih kasih, saya sendiri akan ambil. Walau bagaimanapun, saranan saya kepada Ahli Yang Berhormat sekiranya ada syarikat yang berupaya, tolonglah daftarkan diri dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekiranya ada peluang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama itu auto *pay parking* itu, ia diswastakan ke? [Dewan riuh]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... kenapa DBKL dapat berapa syarikat...

Tuan Yang di-Pertua: Seputeh, tolonglah. Duduk dahulu Seputeh. Tolonglah, kalau pun berhujah, untuk minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, buat dengan cara yang baik. Empat lima kali sudah Seputeh bangun, pasal soal yang sama. *Parking* kereta, isu pun sudah dijelaskan. Sekarang buat kali penghabisan, Seputeh, habiskan pertanyaan. Selepas itu menteri jawab dan terus sahaja sambung perbincangan. Sila, puaskan hati.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana ada *mood* bagi saya peluang untuk ulang...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan berucap, timbulkan soalan yang perlu. Jangan ambil helah untuk berbahas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jangan berucap. [*Cuba bercakap dalam suara perempuan*][Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tengok, tidak tahu mana ada monyet...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat mana itu?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Apa perempuan baru ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat mana ini?

Beberapa Ahli: Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada Ahli Yang Berhormat yang saya dengar lagi dan saya nampak, saya akan gunakan kuasa. Ini bukan kita main-main.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya Pasir Mas, dengar baik, baik. Tuan Yang di-Pertua, tengok di kawasan saya di Jalan Kuchai Maju. Tengok meter mana yang betul. Satu tulis Isnin hingga Jumaat 7 pagi hingga 6 petang, yang sebelahnya tulis 7.30 pagi hingga 6 petang Isnin ke Sabtu. Yang mana betul? Tidak tahu? Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sehingga hari Sabtu, itu masanya kita pergi *shopping* pun kena bayar duit pun kena bayar. Apa ini?

Saya rasa memang tidak munasabah kerana banyak tempat tidak ada bas. Saya rasa kalau sistem pengangkutan di Kuala Lumpur telah ditambahbaikkan, okeylah DBKL boleh kenakan caj semua ini dan saya rasa ini masih boleh diterima tetapi sekarang tiba-tiba banyak tempat, ada tempat kedai yang atas sekali adalah tempat kediaman. Jadi mereka pun kena bayar kerana letak kereta di hadapan rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya sudah faham Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dan juga Tuan Yang di-Pertua, sekarang baru kami tahu, dia kata ini *parking* meter ini ada tender daripada syarikat. Maksudnya ia diswastakan. Jadi soalan saya ialah, DBKL dapat berapa peratus, syarikat dapat berapa peratus? Bagi kami, masih ingat ini adalah DBKL yang letak semua ini. Kalau semua pendapatan daripada *parking* itu diterima oleh DBKL, sekarang baru kita tahu ini diswastakan, syarikat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih, terima kasih. Menteri, sebelum menjawab menteri. Perkara-perkara begini spesifik, Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada Seputeh tadi itu pun tidak menentukan mana tempat? Di mana seksyen? Jalan raya mana? Bangunan depan mana?

Begitu, jadi lain kali kalau timbulkan soal-soal begitu, bagi maklumat yang tepat kepada menteri supaya menteri boleh jawab dengan tepat. Sila menteri. Itu hal-hal baru, secara spesifik. *Unfair to the minister*. Itulah yang saya ingatkan dalam mencelah sewaktu penggulungan perbahasan, tidak boleh menimbulkan perkara-perkara baru. Sila menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi perbezaan mungkin *typing error* ataupun *printing error* Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya memberi jawapan yang tepat dan saya harap selepas ini tidak ada mana-mana pihak yang menimbulkan masalah ini di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan caj untuk tempat telak kereta dari jam 7.30 pagi hingga 6 petang sahaja mulai hari Isnin hingga Sabtu. Saya harap cukup jelas Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Semua tempat?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Ya, seluruh Wilayah Persekutuan. Yang kedua, saya harap percaya dan yakin Ahli Yang Berhormat Seputeh jangan menyalahgunakan Dewan ini untuk *misguide* Dewan yang mulia ini, dengan izin. Saya sudah menjawab kepada Yang Berhormat Padang Serai apabila beliau menyoal mengenai tempat letak kereta, bukan meter letak kereta Yang Berhormat.

■1520

Yang Berhormat Padang Serai telah menyoal saya bahawa apakah kadar yang digunakan bagi memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk menguruskan tempat letak kereta di Wilayah Persekutuan, di mana saya telah jawab bahawa kita beri secara tender bukan meter letak kereta dan minta berapa peratus. Sama ada Ahli Yang Berhormat daripada Seputeh faham atau pura-pura.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Dia tak faham!

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh dan Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa telah membangkitkan isu Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur. Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh mencadangkan seperti biasa draf pelan bandar raya digantung. Manakala Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa pula menyatakan bahawa draf ini hanya draf ini hanya ada kekurangan sahaja iaitu dari segi Pelan Pembangunan Modal Insan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara pendekatan yang digunakan dalam penyediaan Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 adalah melibatkan penyertaan dari peringkat awal kajian sehinggalah ke peringkat Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 dikemukakan kepada orang awam untuk memberi pandangan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [Bangun]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Semasa kajian dilaksanakan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan konsultan telah berbincang dengan semua pihak yang berkepentingan dan dengan mengambil kira penemuan tersebut merumuskan cadangan untuk dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Draf Pelan Kuala Lumpur ini tidak perlu digantung kerana pelan ini masih dalam proses bantahan awam. Sebarang bantahan dan pandangan

awam termasuk, supaya draf ini digantung hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Semua bantahan akan didengar dan dinilai oleh Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA). Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil badan profesional, ahli-ahli akademik dan individu-individu yang berpengalaman luas dalam bidang perancangan perbandaran.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sekiranya perlu penyiasatan tempatan boleh dijalankan untuk membantu JKPPA untuk membuat keputusan. Penyiasatan tempatan ini boleh melibatkan pakar tertentu yang di fikir sesuai untuk membuat penyiasatan. Laporan JKPPA akan dikemukakan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi tujuan pindaan Draff Pelan Bandar raya Kuala Lumpur. Seterusnya pindaan dan laporan JKPPA ini akan dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk kelulusan sebelum diwartakan atas khidmat nasihat daripada Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tunggu sekejap ya. Ada tiga orang berdiri. Saya kasi pilihan sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua: ...habiskan dahulu, habiskan dahulu...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: ...habiskan dahulu jawapan daripada penggulungan perbahasan lepas itu baru *entertain* mereka ini ataupun pada ketika sekarang ini?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, dia sudah beri peluang.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terpulang sama ada hendak menyoal menyentuh Pelan Draff Kuala Lumpur atau isu lain.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Menyentuh draff pelan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey mana satu? Yang Berhormat Segambut ataupun...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai dengan bantahan-bantahan ini kepada sebuah komiti kami amat dukacita oleh kerana komiti yang menerima bantahan ini adalah semua boleh kata golongan yang telah dipilih oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ahli-ahli Parlimen tak dipilih juga, sedangkan Ahli Parlimen semua ini dipilih oleh rakyat dan kepentingan rakyat barulah boleh dipertahankan oleh Ahli-ahli Parlimen. Itu yang pertama.

Yang keduanya, draf-draf pelan ini kalau saya tak salah ada lima *volume*. 1, 2, 3, 4, 4A dan 4B. Kenapakah *volume* 3 tak ada sama dengan *volume* yang lain. Jadinya tak lengkap draf pelan ini. Bagaimanakah orang awam boleh buat bantahan sedangkan *volume* 3 ini tidak dimasukkan dalam set ini. Apa dalam set ini? Ada apa? Ada rahsiakah? Kalau ada rahsia mesti tak masuk dalam *volume* berkenaan. Ini sangat penting.

Sila beri penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara ini amat penting dan mustahak. Kalaulah kita hendak beri peluang kepada orang awam membuat bantahan kita mestilah memberikan *volume* dengan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju cukuplah itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi mahu dengar dahulu? Okey, Yang Berhormat Wangsa Maju, sekarang Yang Berhormat Segambut.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun soalan saya tadi mengenai *fake company* tidak dijawab. Pasal Draft Pelan Kuala Lumpur ini saya tidak berpendapat dia digantung. Saya pun tidak membantah kemajuan di bandar raya, tapi saya hanya hendak tanya kesahihan dari sesi dasar negara Draft Pelan Kuala Lumpur ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Draft Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 ini telah cukup jelas bercanggah. Yang pertama dia telah bercanggah dengan Dasar Perbadanan Negara yang diumumkan pada tahun 2006 ia juga ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu Dato' Seri Ong Ka Ting.

Yang kedua, dia yang mencegah ialah *National Physical Plan*. Ini telah diumumkan pada tahun 2005. Ia juga ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan masa itu. Dalam *National Physical Plan* dan Dasar Perbadanan Negara, dia telah menetapkan polisi di seluruh Malaysia bahawa:-

- (i) *density* dengan izin per hektar di negara Malaysia dapat mengurangkan kepada 25 orang per hektar;
- (ii) tempat kosong per hektar mesti ada dua meter.

Akan tetapi dalam Draft Pelan Kuala Lumpur ini dia telah bercanggah kedua-dua ini sekali. Jadi saya rasa ini bukan isu hendak gantung atau hendak batal tapi dia memang salah dari segi undang-undang. Tolong jelaskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Yang seorang lagi ini?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya bagi laluan kepada Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit mengenai bantahan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedikit tambahan kepada Yang Berhormat Wangsa Maju dengan izin.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah satu aspek bantahan yang mungkin perlu ditekankan dan mohon penjelasan ialah mengenai kedudukan tribunal di dalam *Federal Capital Act* dan juga *Federal Territory (Planning) Act*. Ini kerana kerangka sekarang Datuk Bandar sendiri akan mempengerusikan; kerana terdapat kes contoh projek di Bandar Baru Sentul yang mana terdapat bantahan daripada ramai dan ketika itu melibatkan hingga 20,000 orang lebih. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai maklumat. Namun persoalannya di sini merupakan satu asas dengan izin menteri kata *natural justice all the outran bottom* yang mana mengatakan kita tidak boleh untuk mengadili sesuatu yang mana kita mempunyai kepentingan.

Jadi apakah pendekatan ataupun ada cadangan pihak kementerian supaya mekanisme bantahan ini bersifat lebih adil kerana di sini contoh dalam kes di Bandar Baru Sentul itu merupakan satu projek *joint venture* di antara dan juga pihak pemaju. Jadi maksudnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai kepentingan. Saya tak hendak sebut nama pemajunya di sini. Mungkin kita boleh cakap di luar.

Ini telah berlarutan dan saya rasa melibatkan kepentingan di mana penduduk di Bandar Baru mempertikaikan. Ini melibatkan tempat rekreasi di mana satu padang bola yang digunakan untuk satu larian merdeka dan sebagainya yang digunakan oleh lima sekolah berdekatan tetapi dibina projek kondominium dalam Parlimen Batu kalau tak silap saya. Sebab itu saya terlibat secara langsung walaupun saya daripada Balik Pulau.

Jadi mohon penjelasan terutama dari segi aspek kepentingan yang mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai kepentingan secara langsung dan saya kata di sini kepentingan kewangan. Jadi apakah mekanisme yang terbaru yang bakal dibuat. Kalau tidak ia tidak akan memberi satu keyakinan kepada rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan yang penghabisan tadi itu berkaitan dengan soalan minta pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan tafsiran pendapat undang-undang. Itu tak payah jawablah kerana itu tidak termasuk dalam *ruling* Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk beri tafsiran seperti itu. Sila.

■ 1530

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Wangsa Maju yang memulakan dengan perkataan dukacita. Menggunakan perkataan dukacita bukan barulah, setiap kali beliau dukacita tidak pernah sukacita. *[Ketawa]*

Apabila kita menubuhkan jawatankuasa untuk mulakan deraf pelan, yang mana terdiri daripada wakil-wakil badan profesional, ahli-ahli akademik, individu-individu, mereka juga merupakan sebagai masyarakat tempatan iaitu wakil.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Mereka yang telah melibatkan dalam urusan ini adalah pakar yang begitu luas pengalamannya dalam isu-isu perancangan negeri.

Yang kedua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen daripada Segambut. Beliau mengatakan bercanggah dengan kenyataan Perdana Menteri dan sebelum menteri. Setiap dasar kita boleh berubah mengikut kehendak masyarakat dan situasi. Mungkin ada perubahan sedikit sebanyak untuk memperbaharui draf pelan Kuala Lumpur dan sekiranya Ahli Yang Berhormat berasa bahawa ada salah dari segi undang-undang, silalah ke mahkamah. Saranan saya, sila ke mahkamah sekiranya Ahli Yang Berhormat berasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau Kementerian Wilayah Persekutuan bersalah dari segi undang-undang.

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengingatkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita bermula Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab pada 12.47 tengah hari tadi. Jadi, sekarang sudah jam 3.32 petang.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau soalan itu pernah dibangkitkan, ada penjelasan perlu dibuat boleh buatlah, ya. Sila. Ada empat Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat. Ada empat orang yang bangun itu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Masa tidak mengizinkan saya, maka saya meneruskan. Maafkan saya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab kenapa volum ketiga ini tidak bersama-sama dengan set yang dijual kepada orang awam untuk Draf Pelan 2020 ini?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tak ada, tak ada...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini sangat penting.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tak ada sebarang sebab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kenapa tak...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sebab apabila Yang Berhormat tidak tahu kenapa dia kecil, tidak perlulah Yang Berhormat hendak jadi ahli panel.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No*, itu volum ketiga ini. Kenapa dia tidak dimasukkan jadi satu set bila dijual kepada orang awam supaya mereka boleh *consider*, boleh baca. Kenapa dikeluarkan? Itu yang saya kata dukacita itu. Saya tidak boleh kata sukacita Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dalam keadaan sakitkan? Itu yang saya kata dukacita itu. Jawablah itu! Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya akan tidak akan mengkaji kenapa volum ketiga dikecilkan. Mungkin ada sebab-sebab tertentu. Saya akan menjawab secara bertulis Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang telah turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan beliau telah menyentuh tentang isu kelab-kelab malam di Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan memandang serius dengan gejala-gejala sosial yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada masa kini dan pelbagai pendekatan telah diambil bagi menangani gejala tersebut.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, khususnya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil pendekatan dengan mengehadkan pemberian lesen hiburan kepada penguasa pusat hiburan malam seperti kelab malam, karaoke, *live music* dan dangdut. Ini dapat dilihat melalui jumlah penurunan pemberian lesen kepada penguasa pusat hiburan malam, daripada 418 lesen pada tahun 2006 kepada 104 sahaja pada tahun 2007. Ini menunjukkan keselesaan Kementerian Wilayah Persekutuan dalam memantau pemberian lesen hiburan kepada pengusaha kelab-kelab malam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan perlu mengimbangi pemberian lesen-lesen hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disebabkan keperluan rakyat yang berbilang kaum di samping faktor-faktor kedatangan pelancong asing di negara ini, khususnya di Kuala Lumpur. Ini perlu bagi memastikan perkembangan industri hiburan yang sejajar dengan perkembangan ekonomi yang membangun secara positif dari segi sosial dan politik.

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: [*Bangun*]

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun menggubal dasar...

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Boleh minta jalan tak? Pasir Mas.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Silakan.

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Saya ada perkara yang ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut kalau tidak puas hati pergi ke mahkamah. Saya rasa memang mahkamah adalah proses terakhir tetapi pada saya kalau boleh kita elakkan, sebab proses di mahkamah mengambil masa yang terlalu lama untuk rakyat mendapat keadilan.

Saya menyatakan perkara ini, saya hendak beritahu contoh kepada Yang Berhormat. Saya sendiri pernah terlibat tetapi saya tak bisinglah, walaupun tak puas hati. Contoh dalam

Wilayah Persekutuan, ada jual-beli hak milik tanah, saya pernah terlibat beli tanah. Rupa-rupanya, ada pihak lain yang mari *claim*. Ada geran bertindih. Geran sementara keluar, dah ada dalam mahkamah. Dah tiga tahun, dua tahun belum selesai lagi. Berapa banyak kena bayar dekat bank. Berapa banyak kena bayar duit *interest*? Mahkamah mengambil masa bertahun-tahun.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju iaitu apa sahaja masalah yang timbul cuba elak daripada proses mahkamah ini, supaya menentukan perkara-perkara yang membabitkan rakyat ini dcepatkan. Jangan dilengah-lengahkan. Mahkamah, pihak yang dianiaya pula kena bayar pula duit mahkamah. Duit peguam lagi, *and the end of the date* apa benda pun tidak dapat. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Isu yang sama.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Isu yang sama sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Segambut duduk. Yang Berhormat Segambut duduklah. Kalau isu yang sama, satu sudah jawab, satu juga jawapannya Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau 10 orang bawa isu yang sama, makna 10 orang bercakap. Buang masa sahaja. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai projek-projek di Wilayah Persekutuan dan pelan draf Kuala Lumpur jauh berbeza. Pelan draf Kuala Lumpur apabila penduduk tidak berpuas hati dengan pelan, maka bantahan awal boleh dibuat dan akan didengari oleh satu jawatankuasa yang diketuai oleh Datuk Bandar sendiri.

Sekiranya bantahan awal itu ataupun pemantauan tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Datuk Bandar Kuala Lumpur, maka bolehlah mengemukakan bantahan ke peringkat kedua kepada Menteri Wilayah Persekutuan. Sekiranya masih lagi tidak puas hati, maka bantahan itu akan terus dipanjangkan kepada satu panel yang terdiri daripada dua hakim mahkamah yang bersara. Masih tidak puas hati lagi barulah digalakkan ke mahkamah, sekiranya perlu.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun menggubal dasar dan garis panduan hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu dasar mengenai Perancangan Pembangunan Terancang serta Penguatkuasaan pengawalan dan pemantauan tempat-tempat hiburan khususnya kelan-kelab malam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan adanya dasar tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat mengawal pengeluaran lesen kepada pengusaha-pengusaha pusat hiburan dalam memastikan gejala sosial di negara ini dapat dibendung.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Datuk Saravanan a/l Murugan: Melalui dasar tersebut juga, kesesuaian lokasi dan jumlah tempat hiburan yang dibenarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dikelaskan mengikut zon bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir ialah apa yang dibangkitkan oleh...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Penjelasan. Sedikit sahaja.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Saya sekarang isu yang terakhir, you punya. Yang Berhormat duduk. Duduk dulu. Isu yang terakhir ialah perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, yang mana beliau telah membangkitkan isu mengenai lawatan menteri ke luar negeri.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan semua perbelanjaan yang digunakan untuk keluarga Yang Berhormat Menteri tidak ada kena-mengena dengan duit kerajaan. Semua ditanggung oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan itu saya akan bawa dengan Menteri Wilayah Persekutuan sendirilah. Akan tetapi yang pentingnya saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan tadi yang saya amat tertariklah itu jawapan mengenai dengan pelan-pelan yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

Oleh kerana Yang Berhormat pun sedia tahu mengenai Bazar Masjid India itu yang DO dikeluarkan oleh Jabatan Perancang, tanpa mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba.

■1540

Bagaimana satu DO boleh keluar oleh Mahadi Che Ngah ini, pengarah ini tanpa dapat kelulusan daripada Jabatan Bomba. Ini adalah jawapan daripada Menteri Wilayah Persekutuan pada 27 Mei 2008 kepada Yang Berhormat Tuan Zulkifli bin Noordin daripada Kulim Bandar Baharu. Dia mengesahkan di sini bahawa DO yang diberi kepada pembinaan bazar Masjid India ini dengan harga RM13.5 juta tanpa kelulusan daripada bomba. Di sana telah berlaku satu kebakaran di mana kereta bomba tidak boleh masuk ke dalam. Yang saya kawatir bagaimanakah kalau ada satu kebakaran?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Sudah faham Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Beri penjelasan dan kenapakah Jabatan Perancang tidak ambil tindakan untuk menubuhkan bazar Masjid India ini.

Tuan Charles Santiago [Klang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sedangkan itu adalah membimbangkan yang membahayakan nyawa dia.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah dengar tiga kali Yang Berhormat *repeat*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah *repeat* lagi. Timbalan menteri kalau hendak bagi, bagi Yang Berhormat Telok Intan kan?

Tuan Charles Santiago [Klang]: Klang, Klang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Klang. Yang Berhormat Segambut, sudahlah. Saya ingat dari pagi tadi Yang Berhormat. Banyak cerita Yang Berhormat Segambut itu. Jangan gunakan masa untuk menjawab ini...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Bagi peluang kepada Yang Berhormat Klang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu saya habis. Saya belum habis bercakap.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Oh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduklah semua. Jangan gunakan masa menggulung ini sebagai masa bersoal jawab, dialog ataupun berucap, walaupun Yang Berhormat tidak ada kesempatan untuk berucap. Itu cara lain, cerita lain, masa lain.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri kalau ada soalan dibangkitkan masa ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat itu tolong jawab. Kalau yang baru itu katakan, jawab kemudian. Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini akhbar-akhbar tempatan telah membangkitkan beberapa isu mengenai perobohan ataupun *backing of Hindu temple*. Saya ingin tahu apakah sikap ataupun dasar kementerian dan juga draf Kuala Lumpur mengenai robohan kuil-kuil ataupun tempat-tempat sembahyang hindu di Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Wangsa Maju, projek menaik taraf dan mengindahkan Jalan Melayu, Jalan Masjid India dan kawasan persekitarannya merupakan projek bagi membina tempat berbumbung di sepanjang Jalan Melayu dan Jalan Masjid India, Kuala Lumpur. Tujuan

pembinaan ini adalah untuk menempatkan 143 lot peniaga berselerak dengan persekitaran kawasan ini untuk menjadikan keadaan perniagaan yang lebih tersusun, bersih dan selamat kepada peniaga-peniaga dan juga pembeli.

Projek ini telah di siap pada 21 Mei 2007. Perintah pembangunan untuk projek ini dikeluarkan pada 13 September 2005. Sementara itu kebenaran mendirikan bangunan dikeluarkan pada 2 Mei 2006. Berdasarkan kepada kelulusan perintah pembangunan dan kelulusan pelan bangunan, projek ini bukanlah satu projek yang dibangunkan tanpa kelulusan. Dimaklumkan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang berbincang dengan Jabatan Bomba untuk mencari pendekatan kaedah melawan kebakaran di kawasan projek.

Beberapa perbincangan dengan Jabatan Bomba telah diadakan beberapa kali dan terakhir ialah pada 6 Jun 2008. Di dalam perbincangan tersebut Jabatan Bomba meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengemukakan laporan kaedah melawan kebakaran untuk bangunan bersebelahan projek ini iaitu Bangunan Wisma Yakin. Laporan telah dikemukakan di Jabatan Bomba pada 24 Jun 2008 untuk kajian, komen dan ulasan Jabatan Bomba dan selanjutnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Yang akhir sekali mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Klang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Wilayah Persekutuan tiada merobohkan mana-mana kuil di Wilayah Persekutuan. Dari segi dasar, kita telah bersetuju untuk memberi *alternate* sekiranya ada kemajuan. Kementerian Wilayah Persekutuan dalam usaha untuk menggabungkan kuil-kuil yang sedia ada di satu kawasan tertentu sekiranya kuil-kuil itu ada lebih daripada satu khususnya di Jalan Ansing, Kawasan Jalan Ansing yang terlibat dalam kerja-kerja kemajuan di mana satu lorong terdapat lapan kuil Hindu di atas tanah kerajaan.

Maka kerajaan memberi satu tapak tertentu untuk menggabungkan kuil-kuil tersebut dan terpulang kepada pemilik kuil ini sama ada mereka hendak bersatu membina satu kuil yang besar ataupun membahagi kepada lapan, yang kecil. Saya bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, Kementerian Wilayah Persekutuan atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak akan merobohkan mana-mana kuil di Wilayah Persekutuan. Pada masa yang sama kementerian tidak menggalakkan mana-mana pihak membina kuil di Wilayah Persekutuan.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga harus memastikan bahawa sekiranya ada pembinaan, *development* atau kawasan perumahan baru, kita akan memastikan ada ruang untuk rumah-rumah ibadah untuk mengelakkan sebarang kuil-kuil haram di bina di seluruh Wilayah Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua dengan kata-kata ini akhir sekali saya mengucapkan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah Yang Berhormat. Tidak ada sikit, Yang Berhormat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau satu yang pendek dijawab yang panjang yang hal berbangkit...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No*, yang pendek sekali. Minta satu sahaja, *last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, *last*. Satu pendek sahaja.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang penting, yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Timbalan menteri mahu hendak bagi tidak?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Satu pendek sahaja, *very short*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak bagi dia? Tidak payahlah, dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih, dia kasi kan? Yang pendek. Terima kasih timbalan menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Tadi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu saya amat tertariklah mengenai dengan bazar Masjid India ini. Soalannya saya mintak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa bukannya ini satu *precondition* sebelum perintah pembangunan di keluarkan sesiapa pun perlu dapatkan kelulusan daripada Jabatan Bomba dahulu. Itu yang saya hendak tahu, bukannya ini satu *precondition* sebelum perintah pembangunan akan dikeluarkan, kita perlu dapat kelulusan daripada Jabatan Bomba dahulu. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah, sudah-sudah.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meneruskan. Ada ramai lagi hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu yang penghabisan Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, membina bazar di Masjid India tanpa kelulusan Jabatan Bomba tidak akan mencatitkan pembinaan dan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Soalannya, sama ada ini satu *precondition* untuk....

Datuk Saravanan a/l Murugan: *Curable* dengan izin.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No, no*, bukan *curable*, sama ada ini satu *precondition*?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Bukan, bukan satu syarat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bukan satu syarat? Jadinya kita boleh buat satu permohonan untuk perintah pembangunan tanpa mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terpulang kepada hendak bina apa.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Rumah ke bazar...

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terpulang kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah-sudah, dua-dua saya tutup ini. Saya sudah tutup dua-dua ya.

Yang Berhormat saya hendak menjelaskan apa ertinya penjelasan daripada kementerian. Kementerian menjelaskan situasi dan kedudukan kementerian dan tindakan yang telah diambil oleh kementerian. Kalau Yang Berhormat tidak terima ataupun mengatakan ada cadangan yang lain, itu satu cadangan yang baru Yang Berhormat.

Jadi bukan tempat kita hendak menegakkan siapa betul, siapa salah dekat sini. Kalau yang fikir ini satu bukan *precondition* dan bagi, hantar surat dengan dia orang, protes pada dia. Kalau saya Yang Berhormat, saya bawa kes ini pergi mahkamah, ini cara dia. Menghalang mereka, kerajaan yang tidak ikut peraturan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jadi sudahlah Yang Berhormat, tidak payah jawab dengan saya. *You know that as much as I know*. Okey Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Okey Yang Berhormat duduk, duduk Yang Berhormat. saya tidak bagi Yang Berhormat. Sila timbalan menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih timbalan menteri, cukup baik jawapan. Yang Berhormat Kelana Jaya pun ada soallah, dia menumpang dengan Yang Berhormat Wangsa Maju. Jadi ada soalan masuk nama Yang Berhormat Kelana Jaya dalam Hansard juga hari ini. Sekarang kita menjemput Menteri Kerja Raya untuk menggulung. Sila Yang Berhormat Menteri.

3.49 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Insya-Allah saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana panduan asas yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua.

■ 1550

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, prestasi untuk tahun 2006 dan 2007 dalam keadaan sektor pembinaan telah kembali pulih dan diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah pun dirancang. Bagi prospek tahun 2008 sehingga 2010, sektor pembinaan dijangka terus mencatat pertumbuhan yang kukuh dengan kadar purata sebanyak 5.8% setahun. Pertumbuhan yang kukuh dalam sektor pembinaan menyumbangkan kesan yang besar dalam pembangunan negara. Ini juga merupakan satu cabaran besar kepada Kementerian Kerja Raya selaku agensi utama yang bertanggungjawab terhadap perancangan dan pembinaan prasarana dan kemudahan awam negara.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang dan Kuala Krai telah membangkitkan isu kenaikan harga bahan binaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fenomena kenaikan harga bahan binaan telah dijangkakan berikutan kenaikan harga minyak yang berterusan terutama harga minyak di pasaran global. Kementerian memang sedar dan faham masalah dan cabaran yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor pembinaan dalam berhadapan dengan kenaikan kos bahan binaan terutamanya besi dan simen yang merupakan bahan utama dalam sektor pembinaan.

Atas dasar memahami masalah ini, kementerian telah mengadakan siri perbincangan dan dialog dengan persatuan-persatuan kontraktor, juru perunding dan juga mengadakan perjumpaan dengan semua kontraktor di seluruh Malaysia yang sedang menjalankan projek-projek kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Hasil daripada perbincangan tersebut, kerajaan telah mengambil langkah dengan memansuhkan harga siling ke atas besi keluli dan simen supaya pengilang tempatan tidak menjadikan alasan harga siling tidak setimpal sebagai penyebab mengurangkan pengeluaran dan seterusnya mengurangkan bekalan dalam pasaran tempatan.

Selain dari itu, kerajaan telah memberi pengecualian duti import ke atas besi keluli mulai 12 Mei 2008 dan mengurangkan duti import simen dari 50% kepada 10% mulai 5 Jun 2008 untuk pengimportan dari luar negara bukan ASEAN dan duti import 5% ke atas pengimportan dari negara ASEAN. Dengan pengumuman ini, maka kontraktor dan pembekal boleh mendapatkan sumber bekalan luar negara dengan harga yang lebih kompetitif. Di samping itu juga, bagi membantu kontraktor yang sedang melaksanakan projek kerajaan secara kontrak konvensional, kerajaan melalui surat pekeliling Perbendaharaan telah memutuskan bahawa bayaran perubahan

harga bahan iaitu dengan izin, VOP, *variation of price* untuk besi keluli mengikut harga transaksi sebenar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini besi keluli adalah salah satu daripada 15 komponen bahan dalam indeks kos bahan binaan dan bayaran VOP adalah berdasarkan kepada penggerakan indeks tersebut. Sekarang ini besi keluli dikeluarkan dari komponen 15 bahan dan bayarannya dibuat secara berasingan mengikut perbezaan harga unit. Bagi kontrak secara reka dan bina pula, bayaran VOP untuk besi keluli adalah berdasarkan perkongsian sama rata iaitu 50-50 yang mana dahulunya tidak ada diperuntukkan bayaran VOP, tetapi kini bagi kontrak baru, VOP untuk besi keluli akan diperuntukkan dalam kontrak kerajaan.

Dengan pengumuman pembayaran perubahan harga bahan binaan, VOP, mengikut harga transaksi, maka kenaikan harga besi keluli tidak lagi ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor. Dengan langkah ini maka dijangka sektor pembinaan akan terus berkembang dan projek-projek kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan terus berjalan dengan lancar. Selain daripada pengumuman tersebut, kementerian juga menerima banyak cadangan yang bernas yang perlu dikaji untuk kelulusan Jemaah Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Rembau bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi saya habiskan ini. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah meminta syarikat kerajaan atau GLC untuk mewujudkan stok penimbal besi keluli dan simen dengan pengilang tempatan atau mengimport dari luar negara untuk menstabilkan harga bahan binaan tersebut. Sila Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya hendak tanya soal stok penimbal tadi itu sebab ramai yang setuju dengan langkah kerajaan untuk *liberalize* industri besi keluli tersebut dengan adanya membiarkan harga pasaran dan membiarkan import daripada luar. Walau bagaimanapun, apabila langkah *liberalization* ini dibuat, ada satu sekatan dari segi import dan itu telah mewujudkan satu keadaan di mana tidak cukup besi keluli untuk sektor pembinaan dan akibat daripada itu harga besi keluli telah melonjak dengan begitu tinggi.

Jadi masalah timbul pada hari ini di mana kita terpaksa memberi *variation of pricing* dan sebagainya. Kenapa kerajaan tidak memikirkan untuk mewujudkan stok penimbal sebelum langkah untuk *liberalize* industri besi keluli itu dibuat memandangkan ada *time lag* di antara keputusan tersebut dengan import yang akan mengambil masa dalam enam bulan ke atas. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sebagaimana yang Yang Berhormat Rembau sedia maklum bahawa langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menghapuskan harga siling kepada bahan utama iaitu simen dan juga besi keluli

ialah dengan harapan supaya kita boleh mewujudkan dengan izin, *supply and demand situation* dalam pasaran yang akan menentukan bahawa harga yang dapat dibeli oleh pihak pengguna adalah satu harga yang betul-betul boleh mewujudkan prinsip *supply and demand situation* tetapi oleh kerana harga dan juga permintaan bahan binaan ini juga menghadapi tekanan daripada luar negara, pihak pengeluar ada beberapa pilihan untuk menentukan supaya bahan ini dapat diwujudkan dan diberi keutamaan kepada para pengguna dalam negara.

Ini satu fenomena yang harus kita tangani di mana perkara yang berhubung kait tentang sama ada sesuatu tindakan itu hanya berasaskan kepada pulangan daripada keuntungan perniagaan ataupun dalam satu waktu yang sama, semua pihak sama ada kerajaan, *stakeholder*, dengan izin, dan juga para *strategic partner* dalam industri pembinaan negara mengambil satu sikap yang lebih patriotik supaya menentukan bahawa bahan utama ini dapat diperolehi oleh para kontraktor dengan harga pasaran yang berpatutan dan saya akan meneliti tentang perkara yang telah pun dibangkitkan ini dan salah satu usaha yang saya sebut tadi adalah untuk kita mewujudkan stok penimbal kepada bahan utama ini. Silakan Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kubang Kerian ya.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kubang Kerian kontraktor ke apa ini? [*Ketawa*]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: VOP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih menteri yang datang sendiri menjawab. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang VOP terhadap besi keluli dan juga melepaskan harga siling bagi simen. Saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri juga faham, bukan sekadar simen dan besi keluli sahaja yang naik harga tetapi komponen lain seperti pasir, kayu dan komponen-komponen elektrik juga naik.

Jadi apakah langkah-langkah kerajaan, bila semuanya naik, maka apakah maknanya tender ataupun bayaran yang telah dipersetujui di antara kerajaan dan kontraktor sebelum harga minyak ini naik? Adakah kerajaan sekarang *review* semula semua harga tender ini kerana saya merasakan kepentingan kontraktor ini juga satu perkara yang mesti diambil kira. Minta penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya boleh rumuskan apa yang dibangkitkan oleh Kubang Kerian sama ada kerajaan bercadang untuk menilai semula harga tawaran yang telah pun dimeterai antara pihak kerajaan dengan para kontraktor yang melaksanakan tanggungjawab untuk menentukan sama ada projek yang telah pun berjalan di Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan dapat diteruskan untuk berdaya maju.

■1600

Yang Berhormat, sebagaimana yang saya jelaskan bahawa sebelum tekanan kenaikan harga bahan bakar yang berlaku baru-baru ini, 15 item yang berhubung kait tentang bahan binaan dalam industri pembinaan negara diletakkan di bawah takrif VOP, iaitu item yang boleh

diadakan *provision*, dengan izin, untuk mengadakan *Variation of Price* terhadap 15 item. Itu apa yang telah berlaku selama ini yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu supaya bahan-bahan binaan ataupun dengan izin, *construction material* ini akan menjadi satu bahan keperluan asas bagi melakukan kerja-kerja pembinaan terutama yang akan menentukan sama ada kita berjaya ataupun tidak, menentukan sesuatu projek itu berdaya maju ataupun berdaya tahan. Akan tetapi, dalam dialog yang saya adakan dengan pihak kontraktor yang terlibat dan kita telah pun menerima balas dengan pihak juruukur bahan Kementerian Kerja Raya melalui Agensi Pelaksana Jabatan Kerja Raya.

Kita pun memperakui dan mengenal pasti sekarang ini hampir 80 item yang terlibat ini ada dia punya kenaikannya. Akan tetapi, untuk kita mengadakan satu dasar, *across the board* untuk menentukan supaya ada satu penilaian semula, yang itu adalah satu keputusan dasar yang harus dibuat. Saya lebih menjuruskan kepada kita meneliti perkara ini secara dengan izin, *case by case study*. Justeru, kerana itu, saya telah pun menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani projek yang bermasalah, yang dihadapi oleh pihak kontraktor yang secara *genuinenya*, mereka berusaha secara daya upaya untuk menentukan tanggungjawab pelaksanaan projek dapat dijalankan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian, dan kita sedang mengumpul segala data maklumat. Mengikut maklum balas yang saya terima dan saya sendiri telah pun didatangi oleh berbagai-bagai pihak yang memerlukan bantuan dan saya suka menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan amat prihatin dan melihat ini sebagai satu cabaran yang harus kita atasi.

Justeru itu, salah satu tekanan yang dihadapi oleh pihak kontraktor selama ini, selain daripada bahan simen yang pada awalnya, kita ingat ianya sebagai satu bahan yang akan menentukan sama ada pembinaan di tapak bina dapat berjalan sebagai mana yang terjadual, tetapi bekalan besi keluli adalah satu bekalan yang juga menghadapi tekanan yang luar biasa, kerana mengikut harga siling yang ditetapkan, dia naik sampai 300% Yang Berhormat. Jadi ini memberikan kesan yang besar kepada industri pembinaan. Mana perkara yang berhubung kait tentang kontrak yang dilaksanakan secara konvensional ini yang berasaskan kepada *take-off quantity* dengan ia ada *summary of work*, dengan ia ada dia punya *job spec*, yang itu, kita tahu berapa peratus bahan-bahan yang digunakan yang berasaskan kepada keluli. Akan tetapi, *design and built* ini satu tawaran yang dibuat secara pakej. Ini tidak dapat dilaksanakan melainkan kalau kita ada *take-off quantity* kepada bahan besi, keluli, yang itu pun kerajaan telah mengambil keputusan, iaitu kita akan melakukan *take-off quantity* kepada *design and built* ini, dan tanggungan dia, kita bagi 50-50.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh minta jalan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sehingga ke peringkat yang... Nanti sekejap Yang Berhormat Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia masih menjawab Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tidak mencadangkan supaya pertikaian ini dibawa kepada mahkamah, kerana saya setuju apa yang Yang Berhormat, disebutkan.

Jadi untuk maklumatnya bahawa sama ada kerajaan prihatin, ya, jawapannya kita amat prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor dan kita telah mengambil langkah yang sesuai, bagaimana untuk kita mengatasi masalah ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak tanya Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pihak Kementerian Kerja Raya mengenal pasti syarikat-syarikat yang tidak menyiapkan projek sebelum kenaikan harga petrol, kerana saya bimbang ada syarikat-syarikat yang gagal melaksanakan projek sebelum kenaikan harga petrol, bila datang kenaikan harga petrol, mereka memberi alasan sebab kenaikan harga petrol. Ini, mereka akan mengambil kesempatan dengan menuntut berbagai-bagai kos tambahan yang membebankan kerajaan, wang rakyat, manakala sepatutnya, mungkin kegagalan mereka juga adalah disebabkan penyelewengan dalam syarikatnya, tamaknya, tidak bertanggungjawabnya, menyalahgunakan kemudahan yang kerajaan bagi, jadi mereka ini akan menggunakan saluran-saluran politik, saluran-saluran kabel, ahli-ahli jawatankuasa bahagian, menaik ke atas untuk *cover* kos-kos ini. Ini Yang Berhormat kena jaga. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ini peraturan 36(6) Yang Berhormat. *[Ketawa]* Sebagaimana yang saya jelaskan awal tadi bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kita tidak boleh mengadakan *price review* kepada keseluruhan kontrak yang sedia ada dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini, dengan izin, secara *across the board*. Maknanya kita ambil dari segi secara keseluruhan.

Saya sebut tadi bahawa kita mengkaji *case by case* untuk melihat ini secara lebih terperinci dengan melihat latar belakang. Kalau katakan, dengan izin, *the role out plan of RMK-9* ini bermula pada *mid* 2006, sama ada di peringkat *preliminaries*, tarikh bila dia *take-off*. Maknanya, tahun 2007 dan tahun 2007 itu, apa bahan-bahan yang melibatkan kenaikan kos kepada pembinaan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum pada masa itu bahawa ada kawalan harga siling terhadap simen dan keluli. Jadi, bila ada kawalan harga siling dan keluli, jadi kalau ada kenaikan yang melampaui batasan tentang harga siling itu, maka harga kos itu ditanggung oleh pihak kontraktor, kerana ia satu perkara yang tidak ada *provision* dalam dia punya VOP atau *variation of price*. Akan tetapi, bahan itu telah pun dikeluarkan dan ianya boleh dilakukan secara kaedah untuk mengurangkan bebanan, tekanan kepada kenaikan harga barang ini dengan mewujudkan VOP terhadap bahan utama iaitu simen dan keluli, dan termasuklah 15 item yang saya sebut tadi. Oleh kerana kenaikan tekanan harga bahan bakar ini, dia telah pun meningkat kepada lebih

kurang 80 item. Bila 80 item ini, kalau *across the board*, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya katakan bahawa kenaikan keseluruhannya berasaskan kepada 25% hingga ke 30%.

Jadi, sekarang ini, macam mana kita hendak selesaikan masalah ini. So, sama ada, opsyen nombor satu, kita *make price adjustment across the board* ataupun, opsyen yang kedua, kita melihat dan teliti tentang tawaran yang telah pun dibuat secara satu per satu. Saya memilih opsyen yang nombor dua dan saya telah pun mewujudkan jawatankuasa ini, dan Timbalan Menteri Kerja Raya sendiri menjadi pengerusi dan kita telah pun mengadakan perundingan dengan pihak kontraktor dan juga pihak yang menjadi jurutera, penyelia untuk kita menentukan bahawa apa pun perkara yang berlaku di tapak bina dan dengan tekanan kenaikan harga barang-barang itu adalah satu perkara yang *genuine*. Akan tetapi, sama ada dia melibatkan kenaikan harga bahan binaan itu terhadap projek yang berjalan, yang berasaskan tentang sama ada tawaran yang dibuat sama ada dengan tawaran terbuka, tawaran terhad ataupun *direct nego*, apa pun dia punya *rate* telah pun ditentukan, yang ini kita akan teliti dan kaji secara terperinci dan dia mesti dibuat dengan izin, *case by case, cannot be across the board*.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih, sedikit sahaja lagi. Saya terima baik penjelasan Yang Berhormat Menteri cukup profesional, saya kagumlah, tahniah. Akan tetapi, saya hendak ambil ingatan, walaupun hendak buat *according to adjustment across the board* ataupun opsyen yang kedua tadi, *fair*. Ini urusan Yang Berhormat Menteri. Tinggal lagi, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, saya lupa, ada satu kes saya boleh sebut nama syarikat. Saya diberitahulah, betul tak betul, mungkin saya silap, saya minta maaf.

■1610

Ada satu syarikat di Terengganu - sebelum petrol naik, saya diberitahu bahawa Syarikat Ibai Sdn. Bhd. buat jalan daripada Terengganu sampai ke Gua Musang. Saya tidak pasti kerana saya diberitahu. Mungkin ia tidak betul. Kalau tidak betul saya minta maaf. Kalau Yang Berhormat tidak ada jawapan boleh jawab secara bertulis nanti, pegawai ada di sini.

Dahulu projek itu diberi kepada Syarikat Ibai Sdn. Bhd, kosnya RM138 juta. Kemudian projek itu di subkontrak kepada Redland - saya diberitahu. Akhir sekali projek itu naik kepada harga RM183 juta, nombor itu terbalik. Syarikat ini juga dapat membuat Jambatan Sultan Yahya yang kedua, yang saya tengok tidak ada kemajuan. Saya sudah pun bangkitkan baru-baru ini dalam ucapan. Saya takut tinggal balik nanti atas dasar kenaikan kos petrol, dia kemukakan dengan harga baru yang akan naik berlipat ganda lagi.

Saya hendak ingatkan sahaja. Kalau Yang Berhormat buat jalan yang elok sebab saya percaya kepada Yang Berhormat Menteri ini. Saya cuma hendak mengingatkan. Esok-esok kalau saya bangkitkan lagi, jangan marah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih atas peringatan Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat Pasir Mas ini pun orang yang hebat. Dia, kalau layak boleh dipanggil dengan panggilan doktor.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Doktor persuratan atau apa pun tetapi doktor.
[Ketawa]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Undang-undang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Doktor undang-undang. Yang Berhormat ini dia pernah jaga undang-undang semasa dia di sebelah sini. Saya tidak tahu bila dia hendak datang ke sebelah sini lagi, saya pun tidak tahu. [Ketawa]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia bukan kontraktor?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk saya memberikan jawapan secara terperinci tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berhubung kait tentang projek di Kuala Terengganu, ini satu perkara yang tertentu. Jadi, saya mohon notis dan insya-Allah saya akan berikan jawapan bertulis terhadap perkara yang dibangkitkan. Mengenai soalan tentang Redland yang berhubung kait dengan Jambatan Yahya Petra, ia ada dalam jawapan saya sekejap lagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana prihatin kepada masalah kontraktor yang menghadapi kenaikan harga barang-barang pembinaan, khususnya besi keluli, simen dan lain-lain.

Dalam pada itu saya merasa terpanggil juga untuk memberi sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kenaikan kos pembinaan ini bukan sekadar disebabkan kenaikan harga barang-barang tetapi juga ketidakcekapan dari segi pelaksanaan di pihak jabatan dan agensi kerajaan. Kadang-kadang saya dapat maklumat hendak keluarkan dokumen tender pun sampai bertahun. Bertahun!

So, time is money, dengan izin, and sometimes you are over taken by event. Sepatutnya projek itu dilancarkan pada hari ini berdasarkan *costing* yang dibuat, harga barang waktu ini ataupun jangkaan tempoh yang telah dianggarkan iaitu dalam masa setahun. Namun kalau ada kelewatan dua, tiga tahun *then* harga barang yang di dalam *costing* itu sudah lari. Dia tidak ada lagi... [Memandang ke arah Yang Berhormat Pasir Mas] Yang Berhormat Pasir Mas jangan hendak mencelah-celah, ya? [Ketawa] Saya tengok dia sudah pegang pembesar suara tu!

Saya dapati kita menghadapi kenaikan kos pembinaan disebabkan *inefficiencies* daripada pihak Kementerian Kewangan, EPU, JKR dan *end users*. Kalau Kementerian Pelajaran umpamanya hendak buat sekolah banyak kementerian dan agensi yang terlibat sehingga hendak sampai ke tahap *take off*. Ini yang lambatnyanya.

Saya bukan sahaja bimbang dari segi kos yang membebankan kerajaan tetapi juga matlamat kita hendak mencapai Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Kita hanya ada dua tahun

setengah sahaja lagi. Kalau kita dengan budaya yang lama, saya rasa nanti kita akan mengalami apa yang kita alami dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sebagaimana yang kita tahu banyak projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang terpaksa dibawa ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pelaksanaannya.

Jadi, haraplah kalau boleh, saya pun macam Yang Berhormat Pasir Mas juga. Saya yakin kepada menteri kita yang baru ini, orangnya berkaliber. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Elok pula Yang Berhormat Pasir Salak bercakap. Lain kali begitulah!

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi saya jawab. Apa yang saya faham daripada ucapan Yang Berhormat Pasir Salak itu ialah memberi penekanan bahawa bagaimana untuk kita melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab itu secara lebih optimum dan secara lebih efisien.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kerja Raya ada dua tanggungjawab. Tanggungjawab pertama wang yang disatukan, yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini yang diberi tanggungjawab kepada Kementerian Kerja Raya itu satu tanggungjawab. Kedua, sebagai agensi pelaksana dan sebagai dengan izin, *the technical service provider* kepada kementerian-kementerian yang lain, kita juga melaksanakan tanggungjawab projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan yang diluluskan kepada kementerian-kementerian yang lain.

Yang Berhormat, yang itu kita kena berurusan dengan pihak kementerian yang lain kerana kalau perkara yang telah diputuskan dengan izin, telah pun ada projek yang tersenarai dengan *needs, statements* yang telah sedia ada dan diserahkan kepada kita tentang proses perolehan, panggil tender dan sebagainya dan kemudian proses untuk mengeluarkan tawaran dan proses untuk kawal selia, itu satu tanggungjawab yang lain.

Tanggungjawab yang satu lagi, yang di bawah kementerian ini kita sudah boleh rancang daripada awal. Contohnya kalau jalan baru, maknanya sudah pun diputuskan dengan *alignment* dan *alignment* yang sudah ada, notis untuk pengambilan tanah pun sudah dikeluarkan, reka bentuk sudah pun siap dan proses tawaran pun telah berjalan. Urusan yang berhubung kait dengan agensi yang lain ini dan juga dengan proses yang berhubung kait tentang pengambilan tanah ini kadang-kadang satu perkara yang tidak terduga, Yang Berhormat Pasir Salak.

Katakan dijangka jalan baru antara A dengan B, kalau pembinaan boleh bermula ia boleh memakan masa selama 24 bulan atau 30 bulan. Itu kita boleh kawal. Namun kalau kita hendak buat projek jalan baru antara A ke B tetapi kalau proses pengambilan tanah belum selesai sudah menghadapi masalah untuk mengalihkan bangunan contohnya seperti masjid atau kuil yang mendapat protes daripada pengguna, yang itu pun hendak diselesaikan dengan cara runding yang berterusan. Kalau perkara ini berlaku ia tersekat.

Ini sebenarnya melibatkan banyak kelewatan dan ini tidak disalahkan kepada agensi pelaksana terutama pihak Jabatan Kerja Raya. Pada hari ini JKR adalah sebagai salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kerja Raya. Kita mempunyai anggota lebih kurang 8,500 orang profesional dan sub profesional dan kita mempunyai kepakaran dari segi bidang yang apa sahaja disebut dalam aspek kejuruteraan dan juga arkitek, *land survey* serta ukur bahan. Saya rasa bahawa agensi ini berkemampuan untuk melaksanakan tanggungjawab ini secara yang telah pun diamanahkan.

Namun apa yang disarankan oleh Yang Berhormat supaya ada usaha untuk menambah nilai. Menambah nilai ini, Yang Berhormat, saya bersetuju kerana ia proses yang berterusan. Ini yang kita sebut *build capacity* supaya kita boleh melaksanakan tanggungjawab ini. Akhirnya *stakeholder*, rakyat juga yang akan mendapat manfaat.

■1620

Saya bersetuju sangatlah Yang Berhormat kalau projek itu dijangkakan diselesaikan dalam tempoh tiga tahun sebaik mungkin mesti diselesaikan dalam tempoh tiga tahun kerana kalau dia lambat, terutama kalau projek itu terbengkalai dia hendak *jump start* balik Yang Berhormat, dia makan kos *over run* yang banyak. Ini kita cuba elakkan seberapa daya. Justeru kerana itu dengan tekanan kenaikan harga barang binaan dia akan menjadi satu ancaman kepada projek-projek yang telah dilaksanakan sekarang akan menghadapi masalah projek terbengkalai. Yang itu sedang kita usahakan supaya menentukan perkara itu tidak wujud dan kita akan cari jalan bagi menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat cakap, saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, baru berucap tujuh minit. Lepas itu selepas 3.55 semua menjawab soalan-soalan dibangkit daripada yang tujuh minit itu. Jadi kalau macam inilah keadaannya, bila masa kita hendak habis? Jadi saya minta menteri jawab dulu, lepas tu dengarkan cerita menteri.

Dr. Mohd. Hatta bin Othman [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, kita pun puas hatilah dengan jawapan secara profesional daripada pihak menteri yang menggabungkan masalah daripada agensi-agensi dan kementerian yang berlainan sehingga kadang-kadang menjejaskan proses pembangunan ini. Saya ada menerima satu jawapan daripada Menteri Kesihatan mengenai pembangunan sebuah hospital baru di Kuala Krailah, yang diputuskan akan di buat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Masalah terbesar sudah tentulah pengambilalihan tanah dan saya dimaklumkan dalam jawapan ini kerajaan telah pun membuat pengambilan balik sebidang tanah seluas 100 ekar di Kuala Krai.

Tidak disebutkan masalah-masalah lain tiba-tiba pembinaan hospital ini dijangka hanya akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Jadi kalau begini keadaannya apa jadi dengan semua Rancangan Malaysia Kesembilan kalau tidak ada punca maka terhalang satu pembangunan projek yang penting seperti hospital. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, pada umumnya mana-mana projek yang telah pun tersenarai di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebaik mungkin projek ini hendaklah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tapi ini tidak bermakna kita tidak boleh merancang pembangunan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ini yang kita sebut dengan *forward commitment* supaya kita boleh lakukan pembangunan kepada Rancangan Malaysia Kesembilan dengan menyelesaikan perkara-perkara yang berhubung kait tentang soal tapak, soal reka bentuk, soal bekalan air, api *and all that*.

Jadi mungkin projek yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini ialah di dalam peringkat untuk menyediakan, dengan izin *preliminary works*. Jadi apabila sudah selesai benda dengan peruntukan yang akan dapat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh maka perkara itu bila *start* sahaja Rancangan Malaysia Kesepuluh pembinaan di tapak bina boleh dilaksanakan. Itu satu pendekatanlah. Jadi saya tidak tahu apa yang, yang itu nanti kalau Yang Berhormat hendak saya akan semak benda itu dan bagi jawapan apa yang sebenarnya berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Rasah telah membangkitkan isu berhubung dengan penswastaaan lebuhraya dan kadar tol. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam sidang yang lepas saya ada mengumumkan satu kajian yang lebih terperinci akan dijalankan ke atas lebuhraya-lebuhraya dan telah berusaha untuk mengurangkan beban rakyat untuk membayar tol. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan yang di pengkerusikan oleh Pengerusi Lebih Raya Malaysia dan dianggotai oleh pegawai kanan kementerian dan dibantu oleh Juru Perunding dan firma guaman yang terkemuka di Malaysia.

Jawatankuasa ini juga mendapat bantuan dan input daripada Pakar Akademik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Antara kajian yang akan dijalankan dan telah pun berjalan oleh jawatankuasa ini adalah merangkumi aspek-aspek berikut :

- (i) kajian trafik sebenar dan unjuran trafik;
- (ii) kajian hasil pendapatan sebenar berbanding dengan pendapatan unjuran;
- (iii) kajian perbelanjaan kewangan termasuk membayar balik pinjaman oleh syarikat konsesi;
- (iv) mengkaji *cash flow*, dengan izin aliran tunai syarikat konsesi;
- (v) keupayaan syarikat konsesi mengekalkan kos penyelenggaraan dan membayar balik pinjaman sekiranya kadar tol dikurangkan atau dikekalkan;
- (vi) diskaun diberi kepada pengguna *smart tag* dan pengguna tetap lebuhraya atau pengguna lebuhraya di luar waktu puncak;
- (vii) perbezaan kadar tol untuk bandar dan luar bandar; dan
- (viii) penyusunan semula klausa-klausa dalam perjanjian konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jawatankuasa ini telah selesai dalam mengumpulkan data-data dan maklumat yang diperlukan. Pada masa sekarang Jawatankuasa sedang mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya. Segala hasil kajian tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan kelulusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan isu penswastaaan lebuhraya tidak semua lebuhraya akan dibina melalui penswastaaan. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pembinaan lebuhraya secara penswastaaan adalah berpandu kepada Pelan Pembangunan Rangkaian Lebuhraya ataupun dengan, izin *Highway Network Development Plan* (HNDP). Pembinaan lebuhraya secara penswastaaan hanya akan dijalankan bagi rangkaian jalan raya yang berdaya maju dan dapat memberi faedah kepada rakyat. Pada asasnya, lebuhraya yang dijalankan secara penswastaaan adalah merupakan rangkaian jalan alternatif kepada jalan sedia ada. Rakyat, pengguna boleh memilih sama ada untuk menggunakan jalan sedia ada atau pun jalan alternatif yang bertol tersebut.

Penswastaaan lebuhraya dapat mengurangkan bebanan kerajaan dalam memenuhi keperluan pengguna, rakyat kerana kos pembangunan lebuhraya berkenaan akan dibiayai oleh pihak swasta. Penjimatan tersebut dapat digunakan oleh kerajaan untuk projek-projek lain, projek-projek rakyat yang lebih penting seperti penambahbaikan infrastruktur negara termasuk penambahbaikan jalan-jalan bandar dan luar-luar bandar.

Di samping itu, pembinaan lebuhraya dapat menjana ekonomi dengan mewujudkan sistem infrastruktur yang lebih baik dan mempercepatkan perjalanan dari satu destinasi ke destinasi yang lain. Infrastruktur yang baik ini dapat membangun dan memajukan kawasan-kawasan sekitar lebuhraya tersebut. Secara tidak langsung ia akan menambahkan lagi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada tiga orang yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bagi saya habis bab tol ini lepas itu saya akan jawab ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Segambut.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Berhubung dengan menaik taraf Jalan Persekutuan jadikan lebuhraya tanpa tol, seperti telah saya maklumkan pada sidang yang lepas kerajaan memang ada rancangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan iaitu jalan alternatif kepada lebuhraya bertol. Antara projek-projek yang akan dijalankan termasuklah:

- (i) menaik taraf 150 kawasan berbahaya dengan izin, *black spot* di Jalan Persekutuan;

- (ii) menaik taraf jalan-jalan pesisiran pantai, *castor road* khususnya menggantian jambatan-jambatan lama yang melebihi 50 tahun;
- (iii) jalan antara bandar iaitu *interland road* iaitu dari Gemas, Pilah, Bahau, Manchis dan Bandar Muadzam;
- (iv) Jalan Tulang Belakang Semenanjung dengan izin, *Back Bone Road* iaitu dari Bentong, Raub, Kuala Lipis dan Gua Musang; dan
- (v) menyiapkan dengan izin, *missing link* dari Simpang Pulai, Gua Musang, Lojing, Kuala Berang dan Telemong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bayan Baru, sila.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sentuh tentang tol. Kita bayar tol ini untuk kita menggunakan jalan raya tapi sekarang masalahnya banyak jalan-jalan raya – lebu raya sedang *dirrepair* dan menyusahkan pengguna khususnya jambatan Pulau Pinang. Hendak melintasi jambatan itu sekurang-kurangnya sekarang ini sejam kadang-kadang tu. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ada tidak kemungkinan kerajaan lihat bahawa kalau hendak menyenangkan kita letak tol, kalau menyusahkan tarik balik tol. Bermakna ataupun kurang tol, harga tol.

■1630

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tak berapa jelas dengan soalan Yang Berhormat. Sila ulangkan balik.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Maksud saya, bila tadi Yang Berhormat Menteri kata kita bayar tol ini untuk menyenangkan pengguna lebu raya. Sekarang ini, misalannya di Jambatan Pulau Pinang dan juga Lebu Raya Utara-Selatan, yang *repair* sedang berlaku. Ini menyusahkan pengguna. Jadi adakah peluang di mana kerajaan akan pertimbangkan untuk mengurangkan tol ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Itulah sebab Yang Berhormat, saya jelaskan di awal tadi, salah satu dengan izin parameter apabila kita kaji tentang tol ini, kita tengok unjuran trafik dia tadi.

Sebagai contoh, Yang Berhormat sebutkan tadi Jambatan Pulau Pinang. Dahulu Jambatan Pulau Pinang ini dibangunkan dengan izin, dua *lane* pergi, dua *lane* balik. So, hari ini kita sudah besarkan jadi tiga *lane* pergi, tiga *lane* balik dan dia dijangka siap pada 2009. Apabila dia siap pada tahun 2009, secara optimumnya infrastruktur Jambatan Pulau Pinang ini, boleh *carry traffic* sebanyak 165,000 trafik satu hari. Ini bermakna, kalau dia boleh diiktirafkan dengan servis dia, dipanggil *level C* punya servis, dia ada A, B,C, D, E. *Level C* ini, maknanya trafik akan berjalan lancar. Dia tidak tersekat-sekat. Maknanya *smooth flow*lah.

Akan tetapi sekarang, tentulah kerana dalam proses hendak besarkan dia. Jadi bila hendak besarkan, kadang-kadang yang dua *lane* itu sudah jadi satu *lane* setengah. Jadi dia akan melibatkan *traffic congestion*. Begitu juga dengan di Lebuhraya Seremban – Kuala Lumpur. Dahulu, dia dipanggil dengan izin *dual carriageway*, dua *lane*. *Dual carriageway* ini Yang Berhormat, dia punya secara optimumnya, dia punya *design* minimumnya 40,000 trafik, pengguna. Akan tetapi kalau sudah kapasitinya *increased* kepada 70,000, jadi dia akan *create congestion* dan servis dia akan turun kepada *level* yang lebih rendah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi apa yang dijalankan oleh kerajaan ialah kita jadikan dia tiga *lane* pergi dan tiga *lane* balik. Ini proses yang berterusan dan *in future* Yang Berhormat, mungkin jalan ini dia akan jadi jalan *turnpike*, yang dia ada enam *lane* pergi dan enam *lane* balik. Jadi apa Yang Berhormat bangkitkan ini, dia terpulang dan tertakluk kepada unjuran trafik apa yang berlaku. Kalau negara ini berlaku dengan kerjasama Yang Berhormat daripada pembangkang mewujudkan keadaan yang aman, damai, stabil, negara maju, jadi banyakkah pengguna. Jadi ini adalah proses pembangunan yang berterusan, Yang Berhormat.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya tidak nafikan, tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Saya minta sedikit mengenai perkara ini. Saya minta maaf, saya rasa Yang Berhormat Menteri kurang faham tentang perkara ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Masalahnya sekarang ialah kita menghadapi masalah hendak menyeberangi jambatan di Pulau Pinang dan juga pengguna lebuhraya. Saya tanya, dalam masa susah ini, dalam masa dok membaiki ini, saya tak nafi tiga *lane* pi, tiga *lane* mai balik, tidak ada masalah. Yang ini kita ucapkan terima kasihlah. Akan tetapi yang masalahnya sekarang kita menghadapi ini, dalam dok perbaiki ini yang akan mengambil masa 3 tahun. Yang hendak siap ini pun hujung 2009 baru hendak siap.

Saya tanya, bolehkah kerajaan minta mengurangkan tol itu, sebab kita menyusahkan orang masa ini, masa hendak perbaiki ini. Itu soalan saya sebab *jam* teruk sekali.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi Yang Berhormat kata, kalau kurang tol jalan tak jam? [Dewan riuh]

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak, dia kurang bebanlah sebab...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, ya, ya, okey. Saya kurang Yang Berhormatlah kalau kurang tol, jalan tak *jam*?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Tidak isunya bukan, isu dia sebab kita bayar.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tak mengapalah Yang Berhormat, saya jawablah. Saya tak faham yang ini. Saya jawab dengan jawapan yang lebih akan memuaskan tetapi Yang Berhormat respons dengan tidak bagi satu pandangan yang membina.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Jawapan tidak kena. Saya minta...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya beritahu Yang Berhormat, kalau kurang tol Yang Berhormat jamin bahawa para pengguna tidak akan gunakan Jambatan Pulau Pinang ini?

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Pada relatifnya tengok harga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak boleh berbahas macam ini, Yang Berhormat seorang, seorang ya.

Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim [Bayan Baru]: Okey, okey, tetapi tidak tahu, tak puas hati saya.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Rasah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sila, sila sini, Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih. Negara memang aman damai, mungkin hati Yang Berhormat Menteri sahaja tak aman. Dalam Pakatan Rakyat, memang kita aman damai.

Jadi Yang Berhormat Menteri, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bila jalan raya sibuk, sesak, *jam* berlarutan, berpanjangan, kita minta dikurangkan kerana kita membuang banyak masa di dalam lebuhraya itu dan kerja kita tidak buat, gaji hari itu mungkin kena potong juga. Tidak mengapa.

Yang Berhormat Menteri, saya mahu imbas kembali balik ke Padang Serai, di mana di Paya Besar sudah dijanjikan oleh bekas Menteri Kerja Raya pada tahun 2000 berjanji untuk membina Sekolah Tamil Paya Besar. Kemudian, pada tahun 2000...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, ini perkara baru dan tertentulah. Saya bercakap tentang tol.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini tol sahaja?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Duduk, duduk, duduk. Ini perkara baru.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Okey Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Rasah, Rasah. Yang Berhormat, sini tol, sini tol, saya tanya tol.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey, Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ada dua soalan spesifik. Yang pertamanya, adakah dalam kajian Kementerian Kerja Raya yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tempoh konsesi untuk lebuhraya itu akan dikurangkan kerana saya tanya tadi kata Yang Berhormat Menteri, unjuran trafik. Saya bagi contoh KL-Seremban.

Jawapan dari Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa KL-Seremban telah mengutip RM3 bilion dalam 30 tahun yang lepas. Akan tetapi tempoh konsesi itu akan dilanjutkan sehingga 2038. Ada 30 tahun lagi. Jadi, saya hendak tanya adakah kalau unjuran trafik yang tinggi macam di Seremban, adakah tol ini boleh dimansuhkan terlebih dahulu atau akan dipendekkan tempoh konsesinya?

Yang keduanya, kos pembinaan plaza tol, saya tidak faham mengapa kementerian perlu membayar kos pembinaan plaza tol. Saya nampak di plaza tol baru di Jelapang, belanja lebih RM200 juta dan cadangan untuk membina satu plaza tol baru di Seremban, RM168 juta ditanggung oleh kerajaan. Mengapa ini perlu ditanggung oleh kerajaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Oleh sebab plaza tol untuk kutipan PLUS, mengapa kerajaan perlu tanggung kos pembinaan itu? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Kos yang melibatkan dengan pembinaan Tol Jelapang itu dengan izin *is part of the package* dalam tambah nilai kepada infrastruktur Lebuhraya Utara – Selatan yang melibatkan hampir RM900 juta yang melibatkan laluan tiga lorong semua itu. *That is the part of the package, under package 5A*. Itu soalan yang spesifik. Sama ada dalam kajian tol ini, tempoh konsesi dipanjangkan, dipendekkan, dikekalkan, itu adalah parameter yang sedang dipertimbangkan. Okey?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ada tiga soalan. Soalan pertama, awal minggu ini saya belum terima jawapan dari Kementerian Kerja Raya untuk soalan tambahan lisan saya iaitu jumlah kutipan yang telah diterima oleh syarikat-syarikat konsesi lebuhraya.

Soalan kedua, adakah betul informasi yang saya dapat, jumlah pampasan yang telah dibayar oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sepanjang masa ini adalah lebih kurang RM15 bilion. Adakah betul? Soalan ketiga, tadi Yang Berhormat Menteri kata telah

menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji semula sama ada boleh mengurangkan tol ataupun memansuhkan tol atau boleh mengambil alih syarikat-syarikat konsesi?

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bolehkah bagi satu tarikh akhir, *dateline* untuk mengumumkan apa jua keputusan? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Soalan satu dan dua tadi adalah soalan yang spesifik, tetapi secara umumnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *offence* ini saya ingat saya pernah jawab berapakah jumlah kumulatif *collection* dan berapakah jumlah untung? *I think figure to offence* ini, tetapi kalau saya boleh dapatkan maklumat balik dan saya boleh bagi jawapan ini. Jawapan ini saya ingat dibangkitkan oleh PJU ataupun dalam tempoh kongsi. Yang kedua ini, berapakah jumlah keuntungan pun jawapan yang sama telah diberi.

■ 1640

Sama ada Yang Berhormat hendak bagi tekanan kepada saya hendak tentu bilakah. Jadi Yang Berhormat dalam satu kajian, kita kena ambil sedikit masa sebab apabila kita hendak buat keputusan, dia mesti berasaskan kepada dengan izin *win-win situation*. Kita tidak boleh buat keputusan yang pertama, boleh memudaratkan pihak kerajaan kerana kalau kerajaan mudarat akhirnya dengan izin *stakeholder* juga akan menerima tanggungan ini, kerana kita bertanggungjawab kepada rakyat.

Keduanya pihak pemegang konsesi ini dia pun ada tanggungjawab kepada yang memberikan modal awal pembinaan. Banyak daripada modal ini berasaskan kepada dengan izin *security bon* yang telah pun menjadikan sebagai satu jaminan kepada pinjaman berpanjangan dan itu juga kita akan mengambil kira. Akan tetapi yang paling penting dan yang mustahak supaya *concession agreement* yang ada itu dapat di *review* dan dinilai balik dengan mewujudkan terma-terma yang baru supaya dia akan memberikan satu keadaan yang *win-win situation* daripada pihak kerajaan, daripada pihak konsesi yang akhirnya kita akan dapat memberikan manfaat kepada *stakeholder*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya rasa apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Segambut adalah sangat berasas, yang diminta adalah satu tempoh. Kalau jawatankuasa mahu mengkaji sesuatu mesti ada tempoh diberi. Kita tengok kita ada Wawasan 2020 di mana kita ada tujuannya dan tempoh di mana keputusan akan diberi selepas kajian itu mesti ada, yang paling asas sebab sekarang kita pengguna jalan amat dibebankan dengan bayaran tol ini. Jikalau kata yang paling asas ini tempoh tidak diberi, ini ada harapan satu keputusan dapat diberi dalam jangka masa terdekat ini. Apa yang paling asas ialah tempoh keputusan tersebut.

Jadi saya pohon jangan mengelak dan kalau ada *political view* dan kalau benar-benar mahu *win-win situation*, mesti ada tempoh kajian tersebut.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Batu Gajah, terima kasih. Jawapan yang saya beri kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya

Utara dalam sidang yang lepas bahawa saya kata saya akan mengambil masa lebih kurang tiga bulan. Jadi tiga bulan itu belum sampai lagi Yang Berhormat, kalau tiga bulan itu sudah sampai Yang Berhormat hendak itu, nanti saya akan jawablah. Jadi bagi saya dia punya *period of limitation* nilai tiga bulan. Yang Berhormat pun kena berdoalah supaya benda-benda yang kita buat ini akan mendapat manfaat kerana kalau mendapat manfaat ini bukan hanya penyokong Barisan Nasional sahaja, penyokong Pakatan Rakyat pun akan mendapat manfaat.

Jadi kita mesti buat kajian secara dengan izin holistik, *we must have a total solution to this one*, Yang Berhormat. Saya tidak mahu ambil pendekatan berasaskan kepada *piecemeal solution*. *So I am more looking on the total solution for this one* kerana kita Yang Berhormat ya, sabar sedikit.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Pasir Salak benda yang sama ke apa ni?

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Benda lain, pasal tol. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan dan keterangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Apabila perjanjian dibuat dengan syarikat *concessionaire* tol lebuhraya yang melibatkan pemasangan tol. Adakah perjanjian tersebut dibuat berdasarkan jangkaan tahun, 20 tahun, 30 tahun ataupun ada tidak elemen jumlah kereta yang lalu-lalang? Ini kerana saya rasa kalau diambil kira bilangan kereta yang lalu-lalang di lebuhraya ini dan di tol-tol ini mungkin di luar jangkaan pihak kerajaan ataupun *concessionaire* apabila mereka membuat perjanjian tersebut.

Jangan terlupa bahawa yang menentukan kutipan ialah bilangan kereta yang lalu-lalang. Berapa peratus *projection* unjuran trafik dalam masa perjanjian *concessionaire* itu dibuat? Adakah berdasarkan 10% pertumbuhan trafik, bilangan kereta ataupun 15%, 20%, 30%? Yang Berhormat Bukit Bintang tengok saya, dia faham ini pasal dia orang kereta.

Saya rasa apa yang telah berlaku dalam tempoh *concessionaire* ini mungkin bilangan kereta yang telah bertambah jauh lebih daripada apa yang dijangkakan semasa perjanjian itu dibuat.

Kedua, kos pembinaan lebuhraya yang melibatkan tol ini juga sangat tinggi dan membebankan rakyat kerana tol yang dikenakan dan apabila *concessionaire* ini dibuat dahulu, banyak kos-kos, *hidden cost*. Jadi hari ini rakyat yang menanggung. Jikalau kontrak itu berharga satu pakej RM100 juta, *hidden cost* mungkin ada RM100 juta lagi. Akan tetapi bagi pihak *concessionaire*, dia kira RM200 juta, bukan RM100 juta dan dia minta tempoh yang panjang untuk dapat kutip balik jumlah itu dan juga keuntungan yang diharapkan.

Jadi saya rasa perkara ini berlaku, saya harap pihak kerajaan dalam masa yang akan datang kalau buat projek tol ini pastikan bahawa *hidden cost* ini tidak membebankan rakyat. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit sahaja hendak tambah apa Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat. Baru-baru ini apabila masalah tol tidak dapat diselesaikan dan Yang Berhormat Batu Gajah pun bangkit tadi, di mana rakyat bertindak sendiri seperti yang berlaku di Cheras baru-baru ini. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, kita lihat di negara Thailand.

Di Thailand ada empat lorong lebuh raya daripada Sungai Golok sampai ke Bangkok, cukup cantik. Akan tetapi oleh kerana dikenakan tol dan rakyat tidak boleh terima, rakyat Thailand cabut sendiri tol-tol ini, buang. Sampai sekarang *free*, jadi apakah dalam rancangan tindakan Yang Berhormat Menteri memastikan supaya suatu hari nanti rakyat tidak akan mengambil tindakan sendiri membuang tol-tol di lebuh raya ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Pasir Mas, secara umumnya jalan yang bertol di Malaysia ini lebih kurang 1,200 kilometer tetapi ada jalan yang 15,000 kilometer yang tidak bertol. Jadi Yang Berhormat buat bandinganlah.

Soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Pasir Salak. Tadi Yang Berhormat sebut tentang unjuran trafik tetapi mohon saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini beberapa banyak pendekatan dan kaedah yang boleh kita gunakan. Salah satu pendekatan kaedah yang digunakan yang pertama, unjuran bilangan trafik. Yang kedua kita juga boleh kira hasil yang dijangka berdasarkan kepada unjuran trafik. Ketiga, kira pengurangan hasil dengan izin *lost of revenue*. Keempat kita kira nilai kini bersih, *net present value* dan selepas itu mungkin kita akan agihkan nilai kini bersih kepada bayaran yang berkala. Itu salah satu kaedah yang digunakan.

Namun secara umumnya Yang Berhormat, situasi yang adil *win-win situation* kepada semua pihak, apa dia? Pertamanya kepada kerajaan tiada bayaran pampasan, yang kedua tiada lanjutan tempoh konsesi, yang ketiga tiada berlaku pertukaran wang. Apakah yang *ideal situation* kepada syarikat konsesi iaitu tidak menjejaskan keuntungan bersih syarikat dalam jangka panjang. Apakah kebaikan dan keuntungan kepada rakyat, mungkin kekurangan tol. Ini pendekatan yang saya sebut tadi kita perlu mengadakan satu kajian yang terperinci dan saya memerlukan masa untuk melakukan ini. Jadi cukuplah setakat tol ini, saya hendak *move* dengan...

■1650

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Satu sahaja, satu sahaja.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dalam isu tol ini, satu perkara yang sering dituntut oleh rakyat dan juga banyak lagi pertubuhan-pertubuhan

orang awam. Kontrak ini yang ditandatangani di antara kerajaan dengan *consesionaire* ini sudah banyak kali dijanjikan untuk dibukakan, diumumkan tetapi sehingga hari ini, kita tidak dapat memeriksa, membaca apakah kandungannya. Bagaimana syarat-syarat yang tidak menguntungkan orang ramai dan pihak kerajaan boleh digubal di dalam kontrak-kontrak begitu.

Perjanjian-perjanjian ini, menteri yang dahulu pun pernah janji ini tidak sepatutnya diletak di bawah OSA. Namun, sehingga hari ini kita tidak nampak ada tindakan yang jelas untuk mengumumkan perjanjian-perjanjian ini. Boleh jelaskan? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, salah satu parameter yang saya sebut supaya kita boleh buat kajian tol ini ialah untuk mewujudkan satu terma-terma baru dalam *concession agreement* ini. Kita sedang meneliti perkara ini dan apa Yang Berhormat sarankan supaya dokumen ini dapat dijadikan sebagai satu *public document* ini, saya akan kembali kepada Dewan yang mulia ini dalam tempoh yang terdekatlah untuk memberikan jawapan kerana apa pun keputusan yang diperlukan saya mesti angkatkan perkara ini untuk kelulusan Jemaah Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Labuan bangun.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Labuan Yang Berhormat. Di belakang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Cukuplah.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Satu Yang Berhormat. Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *Last one* ya untuk ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya, kita di Sabah, Sarawak dan Labuan apabila kita dengar di sini semuanya bermasalah tol, kenaikan harga tol, mempunyai jalan yang ada tol tetapi kita di Sabah, Sarawak dan Labuan terutama Sabah dan Sarawak, sampai di saat ini kita juga mahu bayar tol sebenarnya tetapi tidak ada satu jalan tol pun yang dirancang oleh kerajaan.

Cuma pertanyaan saya, bilakah satu lebuhraya, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuat satu lebuhraya antara Sabah dan Sarawak yang mana membolehkan kita juga menikmati dan turut membayar tol. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Dekat sini kita hendak selesaikan tentang perkara yang ada permintaan. Namun untuk makluman Yang Berhormat, sama ada jalan bertol ini berasaskan dengan izinlah ekonomi *viability* sama ada benda itu *feasible* ataupun tidak kerana dia banyak sangat bergantung pada jumlah trafik yang menggunakan lebuhraya itu.

Kalau satu-satu unjuran trafik yang boleh dibangunkan sebagai lebuhraya dan dia boleh dilakukan berasaskan kepada pinjaman yang dibayar balik secara berjadual dan berskala, ia

banyak terpulung kepada *viability*. Secara minimumnya, saya dimaklumkan sekurang-kurangnya 40,000 trafik, baru boleh dijadikan sebagai benda itu tetapi kajian yang dibuat di negeri Sabah dan Sarawak, cuma jalan-jalan di dalam bandar sahaja, itu pun dia punya *traffic count* ini belum sampai kepada 20,000. Akan tetapi banyak jalan-jalan dia hanya di peringkat 6,000 ke 7,000.

Namun demikian, kerajaan telah pun dalam peringkat untuk menentukan dengan izin *Pan Borneo Expressway* ini dapat disempurnakan dan dibangunkan jalan *Pan Borneo Expressway* ini dengan tidak mewujudkan jalan bertol. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, PAS lah. Dia tidak ada ini. Jadi, saya hendak jawab atau tidak jawab.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah meminta kementerian menyatakan status projek Jambatan Sultan Yahya Petra yang telah ditawarkan dari syarikat *Redland Sdn. Bhd.* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2008, kemajuan pembinaan Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu Kelantan telah mencapai 13% sebenar berbanding 26% mengikut jadual iaitu mengalami kelewatan sebanyak 127 hari. Kelewatan ini disebabkan oleh masalah cuaca yang tidak menentu melibatkan kerja-kerja *piling* bersebelahan jambatan sedia ada tidak dapat dilakukan.

Selain itu, terdapat masalah pengalihan utiliti milik TNB dan milik Telekom Malaysia yang belum selesai. Bagi mempercepatkan proses pelaksanaan, Jabatan Kerja Raya telah mengeluarkan sebanyak tiga surat amaran agar pihak kontraktor mengambil langkah-langkah proaktif seperti menambah bilangan pekerja, mesin di tapak bina dan menambah waktu bekerja.

Selain itu, JKR juga sedang menyemak semula jadual kerja yang membolehkan projek ini berjalan lancar. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Rajang pula meminta kerajaan membuat jalan baru yang menampung...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri, mohon bertanya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Mohon bertanya sebab jambatan itu...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pasir Mas.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: ...Pasir Malaysia dan Tumpat terlibat sama. Saya seperti juga Yang Berhormat Pasir Mas amat kecewa dengan perkembangan jambatan Sultan Yahya Petra kedua itu. Kelewatannya saya yakin tidak disebabkan dengan cuaca sebab cuaca di Tumpat tidak jauh beza dengan cuaca di Kuala Lumpur ataupun di tempat-tempat yang lain.

Adakah ini disebabkan sebenarnya sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi *hidden cost*nya terlalu tinggi. *Hidden cost* bererti ada *hidden players*, ada *hidden contractors*, ada *hidden payments*, pembayaran-pembayaran yang melibatkan orang-orang parti yang mungkin ada dalam Dewan ini pun. Adakah ini yang mengambil tolnya tersendiri terlalu besar hinggakan akhirnya kontraktor sebenar sama ada *Redland* ataupun syarikat-syarikat mana pun tidak mampu melaksanakan kontrak ini kerana akhirnya bayaran wang yang ada, yang

tinggal kepada kontraktor sebenarnya yang tidak *hidden* ini terlalu kecil untuk meneruskan projek tersebut. Mohon penjelasan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat . Sebagaimana yang dimaklumkan bahawa projek ini sedang berjalan dan maknanya bukan projek yang terbengkalai. Maknanya *it is on going project*.

Cuma dia menghadapi kelewatan 127 hari. Kalau kita ikut daripada segi jadual asalnya, sepatutnya dah sampai 26% tetapi dia mencapai tahap 13%. Sebabnya dia lambat, pertama berhubung kait dengan kerja-kerja *piling*. Kerja-kerja *piling* ini, Yang Berhormat sedia maklum ianya melibatkan perkara yang di sebelah jambatan yang sedia ada. Jikalau berlaku cuaca yang tidak menentu yang melibatkan sungai Kelantan ini airnya naik, jadi *under current* akan jadi lebih keras dan ini mungkin menyebabkan perkara ini dalam kelewatan.

Apa-apa perkara yang lain yang disebut oleh Yang Berhormat, yang disebut kelewatan tersebut ialah untuk pengalihan utiliti milik TNB dan Telekom Malaysia yang melibatkan pengalihan kabel. Jadi, kalau ada pengalihan kabel yang belum selesai, maknanya kerja di tapak bina tidak boleh dilaksanakan kerana dia menghadapi masalah dengan izin *constrain on the site* Yang Berhormat ya.

Jadi, perkara-perkara yang lain yang disebut oleh Yang Berhormat itu, itu satu perkara la spekulatif lah. Jadi, kalau Yang Berhormat ada spesifik hendak maklumkan kepada pihak yang berkuasa, saya jemputlah Yang Berhormat maklumkan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang air, sungai dan sebagainya. Apabila Yang Berhormat ke Tumpat untuk merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Bahagian Tumpat, lalu ke jambatan itu, Yang Berhormat akan maklum bahawa oleh sebab oleh kerana pembangunan pesat Kelantan dan Kota Bharu di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat dan PAS ini, sungai Kelantan di tempat itu sudah menjadi agak sempit.

Oleh sebab itu, jambatan itu di atas sungai sebenarnya adalah amat pendek sekali. Yang panjangnya di atas tanah yang telah ditambak oleh projek pembangunan kerajaan negeri dan sebagainya. Jadi, faktor air agaknya paling kecil dalam keseluruhan pembinaan jambatan tersebut sebenarnya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat sebut sungai sudah jadi kecil. Maknanya ada *reclamation on the* sungai. Itu yang ke atas, tetapi *piling drive* Yang Berhormat, dia punya *condition* pun *very slimy condition* Yang Berhormat.

■ 1700

Jadi bila dia *pile* itu, dia bukan boleh *go straight*, kadang-kadang dia *pile*, dia hilang. *This is the real problem*. Jadi untuk kita *argue on that line*, kita biarkan orang yang mengendalikan di pihak teknikal dan apa pun maklum balas yang saya terima sebagai jurutera profesional,...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:yang kawal selia projek ini dan ini jawapan yang dia bagi kepada saya jadi *I have to trust my engineer on the site*. Jadi apa yang mereka bagi maklumat kepada saya, saya berkongsi dengan Yang Berhormat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Machang Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Laluan sikit, Yang Berhormat Machang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pasal dia dari Kelantan juga, kita kena bagi. *[Ketawa]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tumpat-Pasir Mas bila jambatan kedua siap, dia akan memudahkan laluan ke Kota Bharu. Kalau dari Kota Bharu nak ke Kuala Lumpur, dia akan melalui Machang juga. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Berhormat, memang dijadualkan di sana lebuh raya baru dari Wakaf Che Yeh ke Kuala Krai, saya difahamkan ada pertukaran syarikat yang memperoleh projek ini dan itu membawa kepada kelewatan perbincangan untuk memulakan kerja-kerja sedangkan *traffic flow* dengan izin, Kota Baharu ke Kuala Krai itu sangat sibuk sekali terutama pada musim perayaan. Mohon Yang Berhormat Menteri berikan kedudukan terkini tentang status projek itu, tahap perbincangan dan apakah yang mendorong kepada kelewatan berlaku.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey, terima kasih Yang Berhormat Machang. Saya akan mengemas kini maklum balas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat secara jawapan bertulis. Okey? Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Hulu Rajang pula meminta kerajaan membuat jalan baru yang menghubungkan Nanga Mujong ke Nanga Gaat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Nanga Gaat-Merirai-Tunoh-Antawau-Putai sepanjang 64km telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dengan sebanyak RM5 juta untuk kerja-kerja awalan. Kini Kementerian Kerja Raya sedang dalam proses pelantikan perunding-perunding kejuruteraan ukur tanah dan kajian alam sekitar. Adalah dijangkakan bahawa kerja-kerja awalan akan dapat disiapkan pada awal 2010 dan pembinaan jalan ini akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Untuk makluman, di samping projek di atas, Kerajaan Negeri Sarawak juga telah memohon projek membina Jalan Stungkor-Kapit kepada Unit Perancangan Ekonomi sebagai salah satu daripada projek-projek Wilayah Pembangunan Sarawak iaitu SCORE dan Jalan Nanga Mujong ke Nanga Gaat Yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah termasuk dalam jajaran projek ini. Ahli Yang Berhormat dari Kapit meminta kerajaan supaya meneruskan projek jalinan jalan raya di antara Sibul-Song-Kapit sejauh 80km dan di antara Kapit ke Song sejauh 45km. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMK-9, dua buah projek di bahagian Kapit telah disenaraikan dalam cadangan projek-projek baru RMK-9. Projek-projek tersebut

adalah cadangan membina Jalan Nanga Tada-Ngemah-Sirik-Tebelat sejauh 32km dengan anggaran kos sebanyak RM174 juta.

Cadangan membina Jalan Kapit-Song sejauh 45km termasuk jambatan utama di Sungai Katibas dengan anggaran kos sebanyak RM152 juta. Walau bagaimanapun, projek-projek lain juga harus diambil kira dalam menentukan senarai akhir projek RMK-9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bahagian Kapit adalah salah satu bahagian yang termasuk dalam kawasan SCORE daripada 6 projek utama SCORE bagi jalan raya dan jambatan. Tiga daripadanya terletak di bahagian Kapit dan satu daripada projek SCORE ini akan menghubungkan Pekan Kapit dengan Pekan Sangan di bahagian Bintulu dan seterusnya ke bandar-bandar utama di Sarawak. Ia akan melibatkan pembinaan Jalan 'R3' dari Saingan ke Nanga Merit sejauh 107km dan dari Nanga Merit ke Nanga Melukun sejauh 44km. Anggaran kos pembinaan adalah sebanyak RM1.4 bilion dan pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapit bangun Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Silakan.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Pertamanya, terima kasihlah Yang Berhormat Datuk Menteri kerana telah menyenaraikan beberapa projek yang dirancang ataupun dicadangkan untuk bahagian Kapit. Itu Ng itu bukan eng itu, Nanga itu, jadi dia dipendekkan NG. Kuala sebenarnya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Apa dia?

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kuala.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kuala.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kuala sungai itu. Kalau Merit, ada Sungai Merit, itu Kuala Sungai Meritlah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nanga.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Jadi Nanga. Jadi memang di dalam program ataupun SCORE ini banyak telah disebut dan dicadangkan untuk jalan-jalan yang begitu panjang ke pedalamanlah. Jadi, bagi saya, kita hendak lihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita dalam pertengahan ini berapa yang dicadangkan dan diluluskan itu tadi kita nak pastikan jangan digugurkanlah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebab kita kluatir oleh kerana banyak telah berlaku kenaikan harga barang mengakibatkan kenaikan harga minyak. Berkemungkinan projek-projek ini akan nanti digugurkan oleh kerana siling ataupun kos untuk melaksanakan projek itu akan meningkat. Jadi kita nak jaminlah daripada kementerian ataupun daripada kerajaan. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Okey. Terima kasih atas keprihatinan dan pernyataan Yang Berhormat ini saya ambil kiralah supaya menentukan segala apa yang telah

pun dirancangkan itu akan dapat terlaksana seperti yang telah pun terjadual dalam RMK-9. Ahli Yang Berhormat dari Sipitang memohon supaya projek jalan berturap dari Long Pasia-Sipitang-Long Miau diteruskan bagi menaik taraf jalan *gravel* yang sedia ada. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun mengemukakan cadangan membina jalan berturap dari Sipitang ke Long Pasia dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9 seperti mana yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Sabah. Kos bagi membina jalan sepanjang 110km ini dianggarkan berjumlah RM330 juta manakala bahagian jalan menuju ke Long Miau pula cadangan oleh Ahli Yang Berhormat akan dikaji terlebih dahulu dan sekiranya perakuan keutamaan oleh kerajaan negeri, maka akan dikemukakan dalam RMK-10.

Ahli Yang Berhormat dari Lawas memaklumkan jalan yang menghubungkan CIQ Bakalalan dari Lawas adalah jalan balak sejauh 150km dan perlu dinaik taraf. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Lawas-Long Lopeng, Long Semado, RGC, Bakalalan sepanjang 120km telah diluluskan di bawah RMK-9 dengan siling sebanyak RM7.45 juta untuk kerja-kerja awalan. Kini kementerian sedang dalam proses pelantikan perunding-perunding kejuruteraan, ukur tanah dan kajian alam sekitar. Adalah dijangkakan bahawa kerja-kerja awalan akan dapat disiapkan pada awal 2010 dan pembinaan jalan ini akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam RMK-10. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah memohon kepada kerajaan menubuhkan satu badan bebas bagi mengeluarkan sijil siap projek jalan raya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKR telah sedia ada prosedur Audit Keselamatan bagi memastikan tahap keselamatan yang praktikal untuk projek-projek jalan JKR. Audit ini dilaksanakan oleh juruaudit keselamatan jalan yang bebas serta bertauliah dan berdaftar dengan JKR.

Tujuan utama audit keselamatan jalan ialah bagi memastikan keselamatan jalan bagi semua pengguna jalan diambil kira sewaktu dalam peringkat perancangan reka bentuk, pembinaan dan operasi sesuatu jalan. Ini termasuk juga melaksanakan audit keselamatan jalan sebelum pembukaan sesuatu projek jalan yang telah siap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan audit secara berperingkat adalah bertujuan membolehkan tindakan pembetulan diambil terhadap isu-isu keselamatan jalan pada masa yang sesuai bagi mengelakkan kos-kos yang timbul akibat kerja-kerja pemulihan. Dengan izin, *remedial work*. Audit keselamatan jalan dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut;

- (i) Peringkat perancangan dan kemungkinan. Audit di peringkat ini mengenal pasti masalah-masalah keselamatan jalan yang ada hubung kait dengan konsep projek implikasi rangkaian jalan daripada segi keselamatan jalan, jenis dan lokasi persimpangan selaras atau bertingkat.
- (ii) Ia juga mengambil kira isu-isu keselamatan seperti kawalan akses dan kemudahan untuk pengguna jalan.

■ 1710

Peringkat reka bentuk awalan, elemen-elemen seperti keratan rentas, tataatur persimpangan searas atau bertingkat, susunan lorong, kaedah kawalan trafik, piawai jajaran pukah dan mendatar diaudit bagi mengelakkan daripada memberi kesan terhadap keselamatan jalan di peringkat ini. Peringkat reka bentuk terperinci audit di peringkat ini membandingkan reka bentuk yang berpandukan kepada garis panduan dengan objektif keselamatan jalan. Elemen-elemen yang membahayakan seperti kombinasi jajaran pukah dengan mendatar atau penggunaan kriteria minimum atau maksimum dalam reka bentuk juga diaudit. Ciri-ciri lain yang diaudit adalah seperti kecerunan, reka bentuk, landskap, papan tanda, sistem kawalan trafik dan lampu jalan. Peringkat pembinaan dan pra pembukaan.

Peringkat ini membolehkan projek dilihat secara tiga dimensi termasuk mengenal pasti sebarang perubahan sewaktu pembinaan. Pemasangan sistem pengadang jalan, papan tanda, lampu jalan, landskap dan sebagainya di tapak diperiksa agar tidak mendatangkan masalah keselamatan jalan. Audit peringkat ini juga melibatkan pengauditan pengurusan trafik sewaktu pembinaan.

Yang terakhirnya peringkat projek siap jalan sedia ada. Audit selepas projek siap memastikan isu-isu keselamatan jalan selepas pembukaan ditangani, manakala itu audit di jalan sedia ada mengenal pasti isu-isu keselamatan akibat operasi trafik dan penggunaan jalan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh minta jalan? Sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya minta maaf dengan Yang Berhormat Menteri. Tadi sewaktu Yang Berhormat Menteri menjawab soal Jambatan Sultan Yahya, saya ke tandas. Jadi minta maaf. [Ketawa]

Saya terpaksa tanya balik sebab Yang Berhormat mengatakan kelewatan seratus hari Jambatan Sultan Yahya, dan ia akan diteruskan. Saya tidak berapa yakin sebab tiap-tiap minggu saya pergi periksa. Saya lalu ikut situ balik ke kawasan saya. Saya turun ke jambatan dulu ada dua tiga kren sekarang dah tinggal satu. Jadi saya tengok pekerja-pekerja pun tidak ada. Jadi kemungkinan akan berlaku kelewatan dan sekarang ini masalah kes harga besi naik dan mungkin diberi alasan masalah kos sudah meningkat. Akan tetapi saya nak mengingatkan Yang Berhormat Menteri, jambatan ini sewaktu ditawarkan kepada Redland dengan 'Ibis'kah, saya tidak ingat, salah satu syarikat. Harganya dah tinggi. Ini projek *direct nego*. RM141 juta yang saya rasa waktu itu pun dah melambung harganya dan saya dengar dekat Kota Bharulah ada cakap-cakap orang tertentu dia dapat *feedback* ada RM4 juta, RM5 juta, orang itu, orang ini. Cerita sajalah.

Jadi maknanya kos sudah melebihi. Oleh itu saya bimbang pula nanti akibat daripada kes petrol ini naik pula RM100 juta dan projek masih lagi *slow*. Jadi bila Yang Berhormat Menteri

nak melawat ini? Saya nak iringi Yang Berhormat Menteri tengok jambatan. Terima kasih.
[Ketawa]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih ya. Tadi pun Yang Berhormat Tumpat menjemput saya merasmikan mesyuarat bahagian. Mesyuarat bahagian mana Yang Berhormat?
[Ketawa] Yang Berhormat Pasir Mas insya-Allah kalau saya buat lawatan kerja ke negeri Kelantan, saya akan jemput Yang Berhormat Pasir Mas untuk melawat tapak projek ini dan kita nilai sama ada projek ini berdaya maju dan berhubung kait tentang kelewatan ini, saya dah jawab berasaskan kepada apa yang dimaklumkan kepada saya oleh pegawai penguasa projek di tapak bina, tetapi nak menentukan sama ada projek ini terus berdaya maju ataupun tidak, kita kena semak dan telitilah tetapi status sekarangnyanya projek ini masih lagi dikategorikan sebagai projek aktif.

Jadi Ahli Yang Berhormat dari Tenggara, Silam, Jempol dan Kalabakan telah pun mengemukakan soalan yang agak sama semasa sidang Dewan Rakyat yang pertama dan semua soalan tersebut sudah saya jawab secara lisan dan bertulis. Walau bagaimanapun sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat memerlukan penjelasan lanjut, saya sedia memberikan jawapan secara bertulis.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa perbahasan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Kedua Belas.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak dijawab, sila maklumkan supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bertulis saja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua tiga belas Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sepanjang sesi perbahasan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan beberapa isu berhubung bekalan elektrik dan IPP.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun industri bekalan elektrik memerlukan perbelanjaan modal dan kos operasi yang tinggi, namun kerajaan sentiasa komited dalam usahanya untuk membekalkan tenaga elektrik yang mencukupi, berdaya harap dan dengan harga yang berpatutan. Kerajaan telah pun meluluskan pembinaan beberapa loji jana kuasa baru serta projek-projek menaik taraf sistem penghantaran dan pembahagian bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan elektrik. Dalam usaha mengurangkan kos pengeluaran bekalan elektrik yang kini lebih bergantung kepada sumber bahan api, gas dan arang batu, kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran elektrik berdasarkan hidro.

Untuk jangka masa panjang, kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan penjanaan melalui sumber tenaga nuklear. Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan takrif elektrik tidak bermakna bahawa para pengguna perlu menanggung sepenuhnya kesan kenaikan harga bahan api kepada sektor elektrik. Untuk makluman, Tenaga Nasional Berhad masih tidak dapat menampung sepenuhnya kos kenaikan harga bahan api.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Saya hendak habiskan perenggan ini dulu. Bahan api sungguhpun penyelarasan takrif elektrik dibuat - kerajaan juga telah memutuskan untuk mengenakan cukai keuntungan berlebihan atau *windfall tax* kepada IPP sebagai salah satu langkah untuk memastikan supaya pihak IPP turut menyumbang dalam mengurangkan kesan kenaikan takrif elektrik kepada para pengguna. Sila Yang Berhormat Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Ini saya nak bangkit kepada saranan Yang Berhormat Hulu Langat pada ketika itu tentang penggunaan tenaga nuklear. Minyak dahulu USD30 sekarang USD150. Kita dengar dalam makalah-makalah kewangan dunia mengatakan kalau dahulu semasa RM30 ramai yang tidak yakin naik sampai USD100, sekarang USD150. Ada juga senario yang mengatakan mungkin USD250 satu tong. Adakah dengan tekanan harga minyak yang berbangkit kerajaan dan TNB terpaksa naikkan takrif yang tinggi kerana kos itu sudah tinggi. Dunia sedang melihat bahawa kos penjanaan kuasa nuklear ini lebih murah. Bermakna kita tidak sanggup lagi untuk menunggu. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Tenaga Air dan Komunikasi sudah buat kajian, buat satu pasukan penasihat.

Adakah kementerian akan membawa kepada Kabinet supaya dibuat keputusan secepat mungkin kerana kita bimbang kalau harga minyak terus melambung meningkat sehingga USD250 atau USD200, kita memerlukan masa untuk menjana tenaga elektrik menggunakan nuklear. Bukan sesenang itu. Namun demikian, kita sudah cukup kepakarannya. Saya difahamkan kalau kita masih ingat, kita ada lapan puluh ke seratus orang dalam bidang nuklear

termasuk Yang Berhormat Hulu Langat dalam bidang nuklear dan PAS pun bagi tahu saya dia sanggup meletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen untuk menawar khidmat perunding kepada kerajaan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Itu kena tunggu dua puluh tahun lagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya mengambil ucapan ataupun teguran dan sentuhan Yang Berhormat Rompin sebagai satu asas kepada kementerian ini untuk mencuba membawa memorandum kepada Kabinet untuk memutuskan, bilakah kerajaan boleh mengumumkan bilakah kita akan dapat menggunakan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik di negara kita. Terima kasih.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu IPP yang dibangkitkan memandangkan kos pembinaan loji-loji jana kuasa dan kos operasi pembekalan elektrik yang sangat tinggi, maka keputusan untuk menswastakan penjanaan elektrik kepada *independent power producers* atau IPP dengan izin akan diteruskan...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mohon mencelah, penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Rembau Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: Ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Soal cukai pendapatan durian runtuh atau *windfall tax* terhadap IPP tadi. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana cukai ini dikira, apakah formula perkiraan cukai tersebut, berapakah jumlah yang diharapkan kerajaan dapat daripada cukai tersebut dan apakah perancangan untuk perbelanjaan cukai *windfall tax* tersebut, terima kasih.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sebagaimana Yang Berhormat tahu berkenaan dengan *windfall tax* adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan apakah *details* dalam macam mana kita mengenakan *windfall tax* ini ataupun kiraannya belum saya dapat pasti dan bila *detail* itu didapati, kita akan mengumumkan kepada umum. Tuan Yang di-Pertua, sila saya menyambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang Gandum: Menyedari kelemahan-kelemahan dalam penswastakan bekalan elektrik kepada pihak IPP, maka kerajaan telah berusaha mengatasi masalah ini dengan memulakan rundingan dengan pihak IPP pada tahun 2006 untuk mengkaji semula terma-terma

perjanjian pembelian tenaga atau *power purchase agreement*, PPA dengan izin. Namun, memandangkan PPA yang telah ditandatangani oleh Tenaga Nasional Berhad dan IPP, melibatkan terma-terma komersial yang mempunyai implikasi undang-undang, maka kajian semula yang sedang dilakukan perlu diperhalusi supaya tidak menimbulkan sebarang masalah dan kerugian pada pihak kerajaan dan negara.

Berkenaan dengan isu pembinaan loji jana kuasa dan bekalan elektrik di Sabah. Tuan Yang di-Pertua beberapa Ahli Yang Berhormat dari Sabah telah membangkitkan isu khusus mengenai bekalan elektrik di Sabah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan perancangan yang telah dibuat, menjelang penghujung tahun 2008, negeri Sabah akan memperoleh kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 69 megawatt. Tambahan kapasiti penjanaan ini diperolehi dari projek jana kuasa berasaskan gas di Kota Kinabalu oleh Sepanggar Bay Power Corporation Sdn. Bhd dengan unit terakhir berkapasiti 34 megawatt telah bersedia untuk dimulakan tugas pada bila-bila masa. Manakala tambahan 35 megawatt lagi akan diperolehi dari projek jana kuasa di Kota Kinabalu oleh Ranhill Powertron Sdn Bhd yang dijangka akan memulakan tugas pada penghujung tahun 2008.

Bagi menjamin kestabilan bekalan elektrik di Sabah, beberapa projek penjanaan elektrik seperti projek loji jana kuasa 190 megawatt di Tuaran oleh penjana bebas Ranhill Powertron II Sdn Bhd secara *fast track* dan projek loji jana kuasa berasaskan gas berkapasiti 100 megawatt di Kota Belud oleh SPR Energy Sdn Bhd dijangka beroperasi pada tahun 2010. Selain itu pembinaan loji jana kuasa berasaskan gas berkapasiti 300 megawatt di Kimanis akan dilaksanakan secara bersama oleh Petronas dan Yayasan Sabah yang dijangka akan beroperasi pada tahun 2013. Dalam masa yang sama Sabah Electricity Sdn Bhd atau SESB sedang meneliti tapak alternatif bagi meningkatkan bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Memandangkan perjanjian-perjanjian yang sedia dengan IPP-IPP di Semenanjung begitu berat sebelah dan sekarang ini kementerian pun sedang mengkaji cara-cara bagaimana hendak keluar daripada perjanjian-perjanjian itu. Saya ingin tahu bagaimana pula dengan terma-terma yang ingin ditandatangani dengan IPP-IPP yang baru yang hendak diwujudkan di Sabah. Adakah kita akan terus melakukan kesilapan yang sama ini mana tidak ada satu *exit strategic* dengan izin, yang mudah yang tidak akan menyebabkan pampasan yang tinggi dan mahal bagi pihak kerajaan sekiranya datang satu masa atau ketika di mana kos penjanaan adalah terlalu tinggi bagi pihak kerajaan. Seperti mana yang disebutkan tadi soal kos penjanaan yang menggunakan minyak-minyak fosil ataupun hidro karbon ini semakin lama semakin naik.

Lalu adakah persoalan *exit strategy* itu difikirkan semasa kita menandatangani perjanjian yang baru dengan IPP-IPP yang baru, terima kasih.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Shah Alam. Memang benar PPA yang telah ditandatangani yang lama memang ada nampak macam berat sebelah dan oleh kerana kita berpengalaman beberapa kali sudah menandatangani ataupun sudah beberapa PPA yang dimeterai oleh PPA dengan Tenaga Nasional, maka kita sekarang sudah lebih pintar dan sudah tentu terma-terma dalam PPA yang baru tidak akan sebegitu berat sebelah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek penjaan hidro elektrik di 'lewagu' pihak Suruhanjaya Tenaga sedang dalam proses melantik perunding bagi memperbaharui kajian *hydrological* dan *engineering design* dengan izin yang dahulunya telah dibuat pada tahun 1980. Langkah ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan penggunaan penjaan berasaskan sumber hidro sebagai salah satu sumber salah satu penjaan elektrik untuk jangka masa panjang.

Di bawah RMK-9, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM586.6 juta dalam bentuk pinjaman mudah kepada SESB bagi menaik taraf sistem penghantaran dan pembahagian. Justeru itu, SESB kini sedang giat melaksanakan projek naik taraf sistem penghantaran di Lahad Datu, Sandakan, Tawau, Keningau dan Tenom di samping Projek Alam Mesra 132 kb dan Kota Kinabalu Altering 132 kb. Begitu juga bagi projek-projek pembahagian dengan mengukuhkan sistem pembahagian di seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Berkenaan dengan isu sumber tenaga alternatif menggantikan penggunaan minyak, Tuan Yang di-Pertua beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu penggunaan tenaga alternatif bagi menggantikan kebergantungan kepada minyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh sambung minggu depan Yang Berhormat. Ada usul daripada menteri.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peraturan mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ir.Haji Idris bin Haji Haron]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Sila Yang Berhormat
■1730

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Menyelamatkan Projek Mega Terbengkalai**

5.30 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada dua projek mega yang terletak dalam kawasan Bukit Bintang yang lama terbengkalai. Satu ialah projek pembinaan Plaza Rakyat di Jalan Pudu Kuala Lumpur dan yang kedua ialah Pojek Nas Pavilion yang dahulu dikenali sebagai CN Gallery terletak di Jalan Imbi Kuala Lumpur.

Projek Plaza Rakyat yang dibina pada tahun 1997 telah terbengkalai selepas asas atau tapak pembangunan disiapkan. Nama Plaza Rakyat menjadi sebutan rakyat dan pelancong-pelancong asing sehinggakan stesen Star LRT yang terletak di sebelahnya turut dinamakan stesen Plaza Rakyat dan menenggelamkan nama stesen Pudu Raya yang termasyhur dengan keadaan kesesakan lalu lintas terutama bas. Malangnya selepas sebelas tahun berlalu, keadaan tapak pembinaan sungguh mencacatkan bandar raya Kuala Lumpur di mata pemandangan para pelancong asing.

Tuan Yang di-Pertua, projek ini adalah projek usaha sama swasta dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ramai pembeli lot bangunan melaburkan wang mereka dalam projek ini. Bukan sahaja mereka rugi kerana tidak mendapat balik modal dan kehilangan perniagaan di situ tetapi mereka dikejar oleh bank-bank bagi mengutip balik pinjaman yang dibuat dan dikenakan caj faedah ke atas pinjaman yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di tahap manakala pihak DBKL dan pemaju sendiri sudah menyelesaikan masalah-masalah bertindih yang menyebabkan projek ini terhenti walaupun desakan demi desakan serta keluhan demi keluhan orang ramai, yang meminta kerajaan berbuat sesuatu untuk menyelamatkan projek ini agar diuruskan atau disiapkan secepat mungkin. Sejak

menjadi Wakil Rakyat kawasan Bukit Bintang pada tahun 1999, saya tidak putus-putus menyuarakan agar projek ini disiapkan secepat mungkin tetapi alasan demi alasan yang diberikan bagi menyedapkan pendengaran.

Tuan Yang di-Pertua, projek terbengkalai yang kedua ialah Nas Pavilion yang terletak di Jalan Imbi Kuala Lumpur. Bangunan Times Square yang terletak bersebelahan yang dibina terkemudian sudah beroperasi sepenuhnya tetapi projek terbengkalai Nas Pavilion terus tinggal dalam keadaan mengaibkan. Para pembeli unit yang telah melabur wang simpanan seumur hidup mereka kini tertunggu-tunggu bilakah mereka dapat memasuki unit perniagaan yang telah mereka beli. Mereka difahamkan bahawa pihak RHB Bank yang mengambil alih projek tersebut bercadang untuk menjual projek terbengkalai itu kepada pembeli lain dan para pembeli unit sedia ada akan diberikan sedikit ganti rugi yang langsung tidak cukup untuk menampung wang yang mereka telah laburkan.

Ini merupakan satu bentuk pelaburan aset yang sungguh merugikan. Para pembeli enggan menerima tawaran itu sebaliknya mereka mahukan pemaju terus membangunkan projek tersebut hingga siap di mana mereka sendiri akan membuat pilihan sama ada untuk meneruskan perniagaan atau menjualkannya kepada pihak lain. Saya minta kerajaan campur tangan untuk menyelesaikan seberapa segera dua projek terbengkalai ini kerana ia mengaibkan bandar raya.

Kerajaan patut mempunyai satu unit khusus untuk menjaga dan menangani projek-projek pembangunan terbengkalai untuk pembangunan perniagaan dan perdagangan sebagaimana banyak projek perumahan terbengkalai yang berjaya dipulihkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang telah membangkitkan isu projek terbengkalai dalam kawasan Parlimen yang diwakilinya iaitu projek Plaza rakyat dan Nas Pavilion, CN Gallery.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh para pembeli yang telah melabur wang mereka bagi projek Plaza rakyat. Sebenarnya kerajaan bukanlah tidak buat apa-apa terhadap projek Plaza Rakyat. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengatasi kebuntuan dan memulihkan semula projek Plaza Rakyat yang telah terbengkalai sejak krisis kemelesetan ekonomi pada tahun 1997.

Pihak kementerian sedar dan yakin sekiranya projek ini dapat dipulihkan bukan sahaja para pembeli yang mendapat pulangan atas pelaburan mereka malah seluruh warga kota juga akan dapat faedah daripadanya. Projek ini yang dilaksanakan secara usaha sama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pemaju swasta iaitu Syarikat Plaza Rakyat Sendirian Berhad ialah untuk membangunkan tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur melalui kaedah *bill list*

operate transfer dengan izin BLOT. Punca utama yang menyebabkan projek ini terbengkalai ialah kedudukan kewangan pemaju asal iaitu PRSB yang terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi pada tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, kesan kegawatan tersebut, pihak pemaju tidak dapat berupaya untuk menyiapkan projek tersebut melalui kaedah BLOT sehingga kini. Kemajuan kerja yang hanyalah lebih kurang 30% daripada keseluruhan projek itu di peringkat *sub structure*, dengan izin sahaja. Dalam usaha memulihkan semula projek ini beberapa siri rundingan telah dan sedang diadakan bagi mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang timbul.

Dari segi pelaksanaan syarikat PRSB telah pun membelanjakan kira-kira RM150 juta meliputi pembangunan *sub structure*, dengan izin. Setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memberikan peluang kepada PRSB untuk meneruskan semula projek tersebut dengan memberikan tempoh lanjutan masa *extension of time*, dengan izin sebanyak lima kali serta membenarkan pertukaran konsep pembangunan daripada *bill list operator transfer* kepada *out right sale*, dengan izin.

Pertukaran konsep pembangunan ini telah dipersetujui oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi membolehkan pihak PRSB mendapatkan sumber pembiayaan kewangan untuk meneruskan pelaksanaannya. Selain itu, usaha sedang dijalankan untuk melibatkan pemaju lain yang bersedia untuk membiayai dan menyambung pelaksanaan projek ini. Pada masa ini proses rundingan masih berjalan bagi membolehkan satu *revive join venture*, dengan izin ditandatangani.

Proses rundingan terhadap perjanjian baru ini dilakukan dengan penuh teliti bagi mengelakkan sebarang implikasi besar kepada pihak kerajaan. Rundingan dijalankan dengan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak yang terlibat supaya menguntungkan semua pihak akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini telah berkali-kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan telah pun dijawab. Masalah ini bukan satu perkara yang mudah untuk diselesaikan. Namun begitu adalah diharapkan dengan langkah-langkah terbaru ini yang diambil oleh kedua-dua pihak iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan syarikat PRSB akan membuahkan hasil. Sekiranya proses rundingan berjalan lancar dan mencapai keputusan yang muktamad pihak kementerian ini yakin projek tersebut dapat dipulihkan dan pembinaannya akan dapat disambung semula dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek Nas Pavilion di Jalan Imbi Kuala Lumpur ia merupakan sebagai projek swasta yang telah dimulakan pembinaannya sejak tahun 1988. Projek ini terbengkalai kerana pemaju asal iaitu Sri Sentosa Sendirian Berhad telah mengalami masalah kewangan. Pemaju kedua Syarikat Hoe Hup Sendirian berhad yang mengambil alih projek ini pada tahun 2005 turut mengalami masalah yang sama. Tanah tapak projek telah dicagarkan

kepada Bank RHB. Rundingan antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pihak pemaju dan bank masih diteruskan dalam usaha memastikan projek tersebut dapat disambung semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan tidak mempunyai mekanisme yang khusus untuk memastikan pemaju-pemaju yang menghadapi masalah menyiapkan projek-projek pembangunan komersial yang terbengkalai. Namun begitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya boleh berunding dan meminta pihak yang berkenaan untuk meneruskan pelaksanaan mana-mana projek yang terbengkalai di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan amat serius dalam menangani masalah projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan. Di peringkat kementerian sendiri telah ditubuhkan Jawatankuasa Pemandu Menangani Masalah Projek Terbengkalai di Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Projek Terbengkalai di Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

■1740

Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan mencari kaedah terhadap isu-isu dan pemasaran projek terbengkalai di Wilayah Persekutuan. Selain itu, tindakan lain yang turut diambil oleh, mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi atau badan kewangan yang berkaitan bagi membantu menyelesaikan masalah yang timbul berdasarkan *case by case* dengan izin, serta mengenal pasti perancangan pembangunan dari peringkat awal bagi disesuaikan dengan kegunaan tanah dan persekitaran.

Bagi kes-kes tertentu, tindakan penamatan kontrak terhadap pemaju-pemaju projek kerajaan mengikut peruntukan undang-undang yang boleh diambil dan seterusnya melantik pemaju yang lebih komited untuk meneruskan pelaksanaan projek itu. Sekian, terima kasih.

Projek Perumahan Terbengkalai Taman Pinggir Rishah Hijau, Jalan Ipoh, Lumut Perak

5.41 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek perumahan terbengkalai Taman Pinggir Rishah Hijau, Jalan Ipoh, Lumut Perak.

Projek perumahan Taman Pinggir Rishah Hijau di Jalan Ipoh, Lumut Perak adalah dilaksanakan oleh Pemaju Magpie Resources Sdn. Bhd. pada 1996. Projek ini melibatkan rumah murah sebanyak lebih kurang 400 unit dan unit kedai. Menurut perjanjian jual beli, pemaju sepatutnya menyerahkan milik rumah tersebut pada 1999. Kesalnya, projek tidak disiapkan dan terbengkalai dan seterusnya syarikat pemaju telah digulung.

Ini mengakibatkan pembeli-pembeli ini yang telah menjelaskan sebahagian kos rumah tersebut dengan simpanan mereka dan pinjaman dari bank, kini mereka dibelenggu dengan

hutang bank termasuk juga bayaran faedah tetapi rumah impian mereka telah tidak dapat dipenuhi. Ada di kalangan pembeli telah mengalami tekanan jiwa dan berbagai-bagai kesulitan ekoran bebanan kewangan tersebut.

Saya ingin tahu, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian setakat ini? Memandangkan projek ini telah terbengkalai lebih 10 tahun. Kini, kementerian ini diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perak yang mempunyai pengalaman pimpinan dalam negeri Perak. Saya percaya Yang Berhormat Menteri memahami situasi projek ini.

Saya pernah membangkitkan perkara ini di Dewan ini pada 2004, empat tahun telah berlalu. Apakah perkembangan projek ini? Jawapan yang diberi oleh kementerian pada ketika itu ialah, bahawa Syarikat Perumahan Negara tidak berminat untuk memulihkan projek tersebut kerana kosnya tinggi. Tambahan bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Perak berminat dengan projek tersebut dan sedang dalam perundingan dengan pembeli rumah.

Kesalnya, tiada apa-apa khabar baik untuk pembeli-pembeli pada ketika itu. Kini pembeli-pembeli tidak pula ingin mendengar kementerian setakat menyatakan bahawa buat masa ini tiada mana-mana pihak berminat mengambil alih projeknya bagi dipulihkan semula. Ini adalah kerana pimpinan kementerian sebelum ini adalah turut bertanggungjawab ke atas projek-projek perumahan terbengkalai kerana kelemahan polisi dan undang-undang yang digariskan oleh kementerian.

Apakah tindakan telah diambil atau pernah diambil di sepanjang masa 10 tahun ini oleh kementerian di dalam membantu pembeli-pembeli ini? Jika ada, mengapakah projek ini masih tidak dapat dipulihkan? Apakah kementerian sedia untuk mengadakan satu perbincangan dengan pembeli-pembeli untuk mencari penyelesaian bersama-sama mereka. Jika ya, bila? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.
5.44 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Projek Perumahan Pinggiran Rishah Hijau mengandungi 422 unit rumah teres kos rendah berharga RM25,000. Di mana surat perjanjian jual beli telah ditandatangani pada 3 November 1997 dan sepatutnya siap pada 3 November 1999. Pihak pemaju iaitu Magpie Resources Sdn. Bhd telah berjaya menjual sebanyak 404 unit rumah kepada pembeli-pembeli.

Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan kerana pemaju mengalami masalah kewangan dan terhenti pembinaan pada tahap kemajuan 10% hingga 50% semenjak tahun 1998. Akibat masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju, suatu perintah penggulangan telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh pada 24 Ogos 2000 dan Pegawai Penerima Malaysia, Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Ipoh telah dilantik sebagai *liquidator* dengan izin, sementara untuk mentadbirkan hal ehwalnya.

Pihak kementerian telah mengklasifikasikan projek ini sebagai projek perumahan terbengkalai sejak 31 Disember 2000. Di dalam kes seumpama ini, kementerian memainkan peranan utama sebagai pemudah cara bagi membolehkan usaha-usaha pemulihan projek terbengkalai diselamatkan dan dipulihkan. Antara langkah dan tindakan yang akan diambil oleh kementerian ini bagi memulihkan projek tersebut ialah meminta Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) membuat kajian untuk memulihkan projek ini pada tahun 2002.

Mengikut kajian yang dijalankan, pihak SPNB telah melaporkan pada 31 Mei 2005 kepada kementerian bahawa pihaknya tidak mampu untuk memulihkan projek tersebut kerana melibatkan kos yang tinggi dan projek tidak berdaya maju. Di dalam kedudukan projek sebegini, pembeli-pembeli yang telah mengambil pinjaman bagi tujuan pembiayaan pembelian rumah tersebut, boleh berhubung terus dengan pembiaya masing-masing untuk menstrukturkan semula pembayaran balik pinjaman dan juga menyelaraskan semula kadar faedah terhadap pinjaman.

Bagi pembeli yang mempunyai simpanan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mereka boleh memohon pengeluaran untuk pembelian rumah kali kedua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga 10.00 pagi hari Isnin 14 Julai 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.48 petang.